


**Jilid II**  
**Bil. 2**



**Hari Rabu**  
**19hb Mac, 1980**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 173]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
**[Ruangan 228]**

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-**  
**Pertuan Agong [Ruangan 229]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- „ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S, J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- „ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- „ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ **Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN M. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

Yang Berhormat PUAN CHOW POH KHENG, s.m.s. (Ulu Langat).

- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

**Yang Berhormat** TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI D.I.M.P. (Tuaran)
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 19hb Mac, 1980

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

### DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PEGAWAI KEBAJIKAN JEMAAH HAJI

1. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di Timur Tengah bagi membantu Pegawai Kebajikan kepada Jemaah Haji kita yang d'hantar setiap tahun memandangkan pengalaman yang lepas menunjukkan ramai jemaah kita yang menghadapi kesulitan apabila berkehendakkan pertolongan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak Musim Haji Tahun 1976 Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak lagi menghantar Pegawai-pegawai Kebajikan yang terdiri daripada orang-orang luar yang bukan daripada Pegawai dan Kakitangannya untuk bertugas di Tanah Suci.

Sejak tahun itu Lembaga telah menghantar hanya Pegawai-pegawai dan Kakitangannya sendiri untuk bertugas sebagai Petugas-petugas Haji bagi membantu Jemaah Haji di Tanah Suci. Langkah itu telah diambil memandangkan perkhidmatan yang telah diberi oleh Pegawai-pegawai Kebajikan dahulu adalah kurang memuaskan kerana mereka itu sukar dikawal dan diambil tindakan tata-tertib sekiranya mereka sendiri melakukan sesuatu perkara yang tidak diingini.

Dengan hal yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil Pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di Timur Tengah bagi membantu Lembaga Urusan dan Tabung Haji dalam urusan Hajinya di Tanah Suci.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut berkenaan dengan sejak dari tahun 1976 Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak lagi mengambil Pegawai-pegawai Kebajikan daripada orang luar yakni daripada pegawai-pegawainya sendiri.

Saya ingin bertanya apakah keseluruhan pegawai-pegawai kebajikan yang bertugas pada masa jemaah haji ini mempunyai pengetahuan di dalam bahasa Arab kerana di sana bahasa Arab lebih penting untuk menghubungkan di antara jemaah haji dengan pihak yang berkuasa di negara tersebut ataupun ada hal-hal yang berkaitan dengannya.

Yang kedua, berapa lamakah seseorang yang menjadi Pegawai Kebajikan ini dihantar tinggal di negara Saudi bagi mempelajari hal selok-belok bagi melayani jemaah haji pada satu musim.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tidak mustahak Pegawai-pegawai Kebajikan mengetahui bahasa Arab kerana syeikh haji yang dipilih bagi mengawal bakal-bakal haji kita ialah orang yang pandai berbahasa Malaysia dan bahasa Indonesia.

Berhubung dengan Ahli Yang Berhormat bertanya berapa lama pegawai ini berada di tanah suci, pegawai-pegawai kita yang ada di tanah suci iaitu pegawai-pegawai Tabung Haji ini lebih kurang 3 bulan untuk belajar sahaja. Kemudian mereka itu berada seluruh masanya apabila bakal-bakal haji berada di tanah suci.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa tidak perlunya pegawai-pegawai dihantar banyak dan tidak perlu pegawai-pegawai yang tahu bahasa Arab oleh kerana syekh-syekh haji itu diminta mengawal jemmah haji.

Soalan saya adakah termasuk kawalan daripada syekh haji ini maksudnya mengawal keselamatan jemaah haji dan mengawal tentang sewa perumahan kerana ini juga menjadi satu masalah kepada jemaah haji kita. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu lain, Yang Berhormat.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kata Yang Berhormat Menteri tadi bahawa pelajar-pelajar tidak diambil bagi memandu jemaah-jemaah haji ini kerana tidak dapat diambil tindakan tata-tertib terhadap penuntut-penuntut tersebut tetapi di Indonesia mereka menggunakan penuntut-penuntut. Bolehkah Kerajaan Malaysia mengambil penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa Kerajaan di negara kita ini apabila mereka membuat penyelewengan bolehlah ditarik balik biasiswa tersebut.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi persoalannya ialah kesulitan mengawal orang-orang yang bekerja part-time ini. Adapun kalau pegawai-pegawai kita, kita boleh mengawal dan control mereka menjalankan tugas. Itu yang menjadi persoalan penting dalam soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Chen Man Hin.

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 2.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang pertanyaan ini ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

## INFLASI—PENILAIAN ANGKA TUNJUK HARGA PENGGUNA

**2. Tuan Peter Paul Dason (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Kewangan memberi satu penilaian terus-terang tentang masalah inflasi memandangkan terdapat aduan-aduan dari pakar-pakar ekonomi yang menyatakan cara yang digunakan sekarang untuk mengira Petunjuk Harga Pengguna adalah tidak realistik dan kurang tepat.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan selalu memberi maklumat yang benar dan kenyataan secara terus-terang kepada Parlimen mengenai sebarang persoalan termasuk mengenai inflasi kerana perkara ini menyentuh kepentingan umum. Seperti Ahli Yang Berhormat juga maklum tidak ada dua ahli ekonomi yang mempunyai pendapat yang sama mengenai sesuatu teori ekonomi kerana andaian-andaian yang digunakan oleh mereka adalah berlainan. Begitu juga ada berlainan pendapat mengenai cara mengira perubahan dalam harga pengguna.

Walau bagaimanapun Kerajaan telah menggunakan Angka Tunjuk Harga Pengguna bagi mengukur kadar inflasi di negara ini. Angka Tunjuk Harga Pengguna yang digunakan sekarang merupakan satu batu ukuran yang didapati paling sesuai dan tepat untuk mengukur kadar inflasi. Cara ukuran ini bukan sahaja digunakan di Malaysia tetapi juga di negara-negara lain. Pihak Bank Dunia dan Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF) juga tidak pernah menyoal cara kita mengukur kadar inflasi. Malah badan-badan tersebut telah menerima tanpa menyoal cara kita menggunakan Angka Tunjuk Harga Pengguna ini.

Seperti yang telah saya nyatakan dalam Perutusan Belanjawan ke Dewan Negara pada 10hb Disember 1979, kita akan mengambil tindakan bagi memperbaiki lagi cara-cara untuk mengukur perubahan dalam harga pengguna memandangkan terdapat perubahan dalam corak penggunaan serta juga cita rasa dan sikap yang timbul akibat dari pertambahan pendapatan dalam semua golongan pengguna. Sebagai contoh usaha sedang dibuat untuk mengubah semula komposisi barang-barang dalam Angka Tunjuk Harga Pengguna kepada satu tahun

asas yang baru dan juga memperkenalkan angka tunjuk-angka tunjuk yang berlainan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Kita juga sedang mengkaji kemungkinan bagi memperkenalkan angka tunjuk harga barang-barang borong dan angka tunjuk harga runcit. Kesemuanya ini boleh menjadi asas untuk mendapat kadar purata pertumbuhan inflasi yang baru bagi masa hadapan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Memandangkan bahawa Kementerian Kewangan boleh memainkan satu peranan yang amat penting dalam mengatasi masalah inflasi, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat hari ini untuk mengkaji semula sistem cukai dengan tujuan mengatasi ataupun untuk memerangi masalah inflasi dengan lebih efektif.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini panjang sangat kalau hendak dijawab dan terkeluar daripada yang asal. Soalan asal ini macam tidak percaya sahaja kepada penilaian yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kita apakah nama formula yang telah digunakan oleh Malaysia untuk mengira Angka Tunjuk Harga Pengguna?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia hendak namanya sahaja.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Angka Tunjuk Harga Pengguna (*Ketawa*).

### MAS-SIA PERUNDINGAN PERJANJIAN UDARA

3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Malaysia terlalu banyak bertolak ansur dengan Singapura mengenai perundingan perjanjian udara antara MAS dengan SIA di mana Singapura memainkan peranan yang begitu bijak untuk mendapatkan landing rights yang bukan pada tempatnya sedangkan Malaysia telah bertolak ansur sejak dari perpecahan MSA-SIA dan akhirnya akan ditolak terus di mana SIA akan mengambil kesempatan

pendaratan sama ada dalam atau luar negeri yang sayugia terbukti bahawa Singapura telah menunjukkan kepentingan penerbangan antarabangsa yang akhirnya akan memencilkan Malaysia dari pandangan mata dunia. Sama ada Kerajaan akan memberi kata pemutus kepada Singapura bahawa sektor Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu sebagai non-negotiable, dan jika ini gagal, sama ada Kerajaan akan menamatkan perjanjian udara antara kedua buah negara itu dengan memberi tumpuan yang sirius kepada Lapangan-terbang Senai di mana semua penerbangan dalam negeri yang menghala ke Singapura dikehendaki menggunakan Lapangan-terbang Senai. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa mengamalkan sikap adil dan saksama sejajar dengan kepentingan dan kehendak negara di dalam rundingan perkhidmatan udara dengan Singapura. MAS telah mencapai kemajuan yang pesat dengan pertambahan perkhidmatan antarabangsa dari segi jumlah penerbangan dan penumpang. MAS juga adalah d'pandang tinggi di kalangan penerbangan awam antarabangsa. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif untuk memajukan lapangan-terbang Senai terutama bagi penerbangan ke Kuching dan Kota Kinabalu. Pengumuman juga telah dibuat yang mana mulai dari 11hb April, 1980 MAS akan memulakan perkhidmatan setiap hari ke Kuching dan perkhidmatan tiga kali seminggu ke Kota Kinabalu melalui Senai. Buat masa ini hanya terdapat tiga penerbangan seminggu dari Kuala Lumpur ke Kuching melalui Senai sementara penerbangan antara Kuala Lumpur dengan Kota Kinabalu melalui Senai masih belum dimulakan. MAS juga akan memulakan tambang murah APEX yang mana ianya kurang antara 24% hingga 29% dari tambang biasa bagi penerbangan-penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kuching/Kota Kinabalu melalui Senai.

Kerajaan telahpun memberitahu pihak Singapura akan pendiriannya seperti di rundingan perkhidmatan udara di antara kedua-dua buah negara baru-baru ini. Saya tidak bercadang untuk menyatakan butir-butir rundingan tersebut oleh kerana ianya tidak akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menimbangkan pemberian hak mendarat kepada SIA selain daripada pendaratan hak di Kuala Lumpur International Airport. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memberi lain daripada itu termasuklah Pulau Pinang dan sebagainya.

**Dato Lee San Choon:** Itu adalah satu masalah dalam perundingan di antara Malaysia dan Singapura.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Lapanganterbang Senai ini masih tidak digunakan dengan sepenuhnya. Boleh kita dapati bahawa tiap-tiap hari jarang nampak satu kapalterbang ada mendarat dan berhenti di sana. Maka demi kepentingan MAS dan negara kita apakah tindakan-tindakan yang lebih positif yang telah diambil untuk menggunakan sepenuhnya Lapanganterbang Senai supaya ianya tidak dijadikan sebagai projek white elephant.

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Lapanganterbang Senai telah digunakan sekarang tetapi oleh kerana runway Lapanganterbang Senai itu tidak cukup panjang untuk Airbus, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk memanjangkan runway yang ada itu. Tentang lain-lain facilities patut ditambah, Kerajaan telah ambil tindakan untuk menambahkan.

**Tuan Bujang bin Haji Ullis:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi perjalanan dari Kuala Lumpur-Kuching dan Kuching-Kuala Lumpur melalui Senai telahpun diadakan sebanyak tiga kali seminggu. Dan soalan saya ialah apakah keuntungan-keuntungan yang didapati oleh pihak Kerajaan Malaysia dengan menggunakan Lapanganterbang Senai ini kalau dibandingkan dengan masa kita menggunakan Lapanganterbang Singapura.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu mungkin Yang Berhormat Menteri berkehendakkan notis. Cubalah kalau hendak menjawab.

**Dato Lee San Choon:** Itu keluar daripada asas pokok soalan.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri kepada soalan saya tadi nampaknya soalan hak pendaratan SIA selain daripada hak pendaratan mereka di Kuala Lumpur adalah di dalam perbincangan. Kalau itu benar, apakah sebab-sebab Yang Berhormat Menteri membenarkan soal itu dibincangkan dan kalau saya tidak benar, bolehkah Yang Berhormat Menteri membuat pengakuan di Dewan ini supaya soal hak pendaratan selain daripada Kuala Lumpur sama sekali jangan dibincangkan langsung di dalam perundingan dengan SIA.

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, dalam satu-satu perundingan apa-apa perkara pun boleh dibangkitkan dari mana-mana pihak. Kami tidak ada hak untuk menahan mana-mana pihak tidak akan membawa perkara untuk dimasukkan dalam rundingan, sama ada kami bersetuju atau tidak, itu soal lain. Kita tidak ada hak untuk menahan mana-mana pihak dalam satu-satu perundingan membawa perkara untuk dirundingkan.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa pihak Yang Berhormat Menteri tidak ada berhak untuk tidak mahu berunding bersabit dengan masalah pendaratan selain daripada Kuala Lumpur. Saya faham bahawa pihak sebelah sana ada hak membawanya tetapi adakah Yang Berhormat Menteri menyatakan sekarang bahawa Malaysia tidak ada hak—tidak mahu membincangkan perkara itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tidak ada kata begitu. Kalau tidak hendak berunding, ini sudah berkelahi. Kalau belum berkelahi itu, bolehlah lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

**Tuan Thomas Salang Siden:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Julau.

## MAS-SIA—RUNDINGAN UDARA

**4. Tuan Thomas Salang Sidin** (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan walau pun banyak telah dipercakapkan tentang semangat kerjasama ASEAN meliputi negara-negara ASEAN, pusingan ketujuh rundingan udara Malaysia-Singapura telah berakhir dengan kebuntuan berkenaan dengan cuma suatu masalah yang kecil, adakah langkah-langkah yang segera dapat diambil supaya kedua-dua belah pihak kembali ke meja konferens untuk mencari suatu penyelesaian yang betul yang boleh memberi faedah yang sama kepada MAS dan SIA di dalam erti kata semangat kerjasama ASEAN.

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa mengamalkan sikap yang berpatutan dan realistik di dalam rundingan-rundingan perkhidmatan udara termasuk rundingan yang telah diadakan dengan Singapura baru-baru ini. Cadangan-cadangan yang kita kemukakan adalah dibuat dengan memikirkan kepentingan kedua-dua buah negara.

Oleh kerana Singapura akan menjadi tuan rumah bagi pusingan rundingan yang akan datang, sekiranya dipersetujui oleh kedua-dua pihak, terpulanglah kepada Singapura untuk memulakan tindakan yang sewajarnya. Kita sentiasa mengamalkan sikap membina di dalam mana-mana rundingan perkhidmatan udara.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan, sebenarnya apakah syarat-syarat atau faktor-faktor yang membawa satu kebuntuan dalam rundingan MAS dan SIA baharu-baharu ini.

**Dato Lee San Choon:** Masa saya menjawab soalan No. 3 tadi, saya telah menerangkan iaitu saya tidak bercadang menyatakan butir-butir pada setakat ini oleh kerana itu tidak akan membawa faedah kepada kedua-dua pihak.

**Tuan Chan Teck Chan:** Mengenai perkara ini, sebenarnya ada sebahagian dari butir-butirnya itu disiarkan dalam suratkhbar tetapi Dewan ini adalah berhak untuk mengetahui apakah syarat-syarat yang membawa satu deadlock dalam rundingan 7 kali ini supaya kita dapat tahu bersama-sama membincangkan perkara itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat Menteri sudah menerangkan, dia tidak berhajat hendak menjelaskan semua yang ada dalam perundingan itu, kerana itu bagi rae'ah orang ramai dan termasuk kedua buah negara, maknanya kemungkinan itu ada rundingan lagi. Jadi, dengan sebab itu Peraturan Mesyuarat 24 (2) pun ada menyatakan, kalau Menteri itu dengan izin Tuan Yang di-Pertua tidak hendak menjawab bagi faedah orang ramai, boleh. Jadi, perkara ini b'arkanlah dahulu supaya boleh berunding lagi.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan antarabangsa di dalam bidang penerbangan hak mendarat adalah biasanya dibenarkan di antara satu pusat negara kepada pusat satu negara yang lain (*capital to capital*). Soalan tambahan saya ialah sama ada semangat kerjasama ASEAN termasuk pula Malaysia terpaksa memberi hak pendaratan kepada Syarikat Penerbangan SIA ke Pulau Pinang iaitu suatu pekan yang bukan merupakan pusat negara Malaysia.

**Dato Lee San Choon:** Saya minta dia ulangkan soalan tambahan itu sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ulang lagi sekali. Saya benarkan soalan ini banyak dibuat kerana ini menunjukkan Ahli-ahli Yang Berhormat semua berminat dan mengambil berat atas perkara rundingan antara dua negara ini. Sila.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Mengikut amalan antarabangsa yang biasa, soal hak pendaratan biasanya dibenarkan di antara satu pusat negara ke satu pusat negara (*capital to capital*). Soalan tambahannya sama ada semangat kerjasama ASEAN termasuk bahawa Malaysia seharusnya memberi hak pendaratan kepada Syarikat Penerbangan SIA ke Pulau Pinang satu pekan yang bukan ibu negara Malaysia.

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak timbul oleh kerana assumption itu tidak betul. Dari *capital to capital* itu tidak betul. Tentulah ada banyak di dunia di mana misalnya kita pergi ke Amerika, San Francisco, Chicago, New York dan lain-lain negeri boleh turun, jadi ada banyak misalannya. Jadi, assumption ini tidak betul.

**Tuan Lee Kaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Keluang. Di Keluang tidak ada Lapanganterbang civil? (*Ketawa*).

**Tuan Lee Kaw:** Senai ada. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar perundingan antara SIA dan MAS mengambil satu masa yang panjang, bukan sahaja ASEAN ini tidak benefit tetapi lain airlines seperti CPA sudah exploited fifth freedom right.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya saya tidak dengar tadi.

**Tuan Lee Kaw:** Rundingan antara SIA dengan MAS telah mengambil masa yang sangat panjang tetapi masa ini semua extra seats ada diambil dari CPA iaitu memakai fifth freedom right.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, tidak adalah soalan tambahan?

**Tuan Lee Kaw:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak sedar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedar atau tidak sedar.

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan iaitu bagi pihak kita Malaysia, kita mengamalkan sikap yang berpatutan dan realistik dan sikap yang membina. Kami akan memegang teguh sikap ini di mana-mana rundingan pun.

**Tuan Hashim b'n Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi ada Yang Berhormat Menteri menjawab memberi contoh bagaimana negara Amerika Syarikat—bandar-bandar di dalam Amerika Syarikat yang telah disebutkan sebagai contoh di Pulau Pinang, adakah dengan contoh tersebut, Yang Berhormat Menteri bermaksud Lapanganterbang lain di Malaysia ini dibolehkan—dibenarkan diguna oleh SIA pada masa hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal itu kalau Yang Berhormat hendak menjawab, jawablah tetapi Yang Berhormat Menteri hanya merujuk kepada fahaman antara dua negara iaitu ibu negara dengan ibu negara yang lain, tentang soal itu sahaja, tetapi kalau Yang Berhormat hendak menjawab, silakan.

**Dato Lee San Choon:** Untuk makluman sahaja. Pulau Pinang telah ada penerbangan kapalterbang seperti Thai Airways dan CPA yang singgah di sana. Ini untuk penerangan sahaja.

## BEKALAN AIR DI SELURUH NEGARA

**5. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan bekalan air di seluruh negara dan apakah rancangan-rancangan yang telah disusun setakat ini untuk mengelakkan berulangnya keadaan seperti ini.

**Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Sany Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kekurangan air di kebanyakan tempat di negara ini terutamanya dalam musim kemarau. Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk mengurangkan kesusahan yang dialami oleh rakyat dengan seberapa cepat yang boleh. Demi tujuan tersebut, langkah-langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan. Sebagai buktinya peruntukan bekalan air di luar bandar telah ditambah daripada hanya beberapa juta ringgit dalam Rancangan Malaysia Kedua kepada \$100 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan ditambah lagi menjadi \$142 juta dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Begitu juga dalam rancangan baharu, bekalan air dan sumbangan kepada bekalan-bekalan yang sedia ada. Jika dalam Rancangan Malaysia Kedua peruntukannya meningkat kepada \$207 juta dan menjadi \$331 juta dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, dengan siapnya loji-loji treatment yang baru dan lain-lain kerja, kekurangan air di Perlis, Kuala Pilah, Tampin dan Kuala Trengganu telah dapat diatasi. Lain-lain projek besar yang sudahpun mula dilaksanakan adalah skim-skim Lembah Kelang dan bekalan air batu bagi Johor Bahru, Dinding, Kerian, Larut, Matang, Kuala Kangsar, Kuantan, Temerloh, Mentakab, Bentong, Kuala Dungun, Kota Bharu, Tanah Merah, Machang, Pasir Putih, Pasir Mas, Tumpat, Segamat, Muar, Mersing, Melaka dan Alor Setar.

Sambil perancangan ke hadapan bagi projek-projek tertentu sedang diperhebatkan, langkah-langkah positif telah diambil ke arah pendekatan integrasi yang komprehensif (comprehensive integrated approach) mengenai perancangan pembangunan konservasi dan pengurusan sumber-sumber air meliputi segala keperluan air kita untuk segala tujuan dan tidak hanya air untuk kegunaan kediaman dan perindustrian sahaja.

Kajian sumber-sumber air negara ini di bawah Bantuan Teknik Kerajaan Jepun sudah dimulakan dan laporannya mengenai rancangan tindakan induk untuk pembangunan, pengurusan dan optima serta kegunaan dijangka siap awal pada tahun 1982 sedangkan ini merupakan kajian makro termasuk Sabah dan Sarawak. Kajian-kajian wilayah secara terperinci sedang berjalan dengan serentak. Kajian sumber air negeri Kedah dan Perlis berada di peringkat laporan terakhir. Kajian-kajian yang serupa untuk Pahang Tenggara, Trengganu sedang giat dilancarkan dan Bahagian Perancang Ekonomi telahpun menjemput perunding-perunding yang berminat untuk menawar diri untuk diperlayakkan dahulu bagi kajian sumber-sumber air negeri Trengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor Utara.

Tindakan juga sedang diambil untuk melaksanakan kajian bekalan air luar bandar yang menyeluruhi negara dengan tujuan memperhebatkan bekalan air yang cukup di luar bandar. Sementara itu perancangan bekalan air luar bandar yang sedang giat dijalankan akan diperluaskan lagi di tahun-tahun yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sungguh jawapannya (*Ketawa*).

**Dr Hee Tien Lai:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak salah satu sebab mengapa kekurangan air dalam negara kita adalah datang daripada perancang yang kurang berkesan atau poor planning kerana di Batu Pahat seumpamanya perancang untuk pembekalan air ke bandar ini adalah siap dalam tahun enam puluhan untuk bandar itu tetapi air sudah sampai habis pertengahan tujuh puluhan. Bermakna sampai sekarang walaupun kita telah menikmati air 3-4 tahun dan semua orang

gembira dan puas hati tetapi saya dengar daripada punca yang boleh dipercayai bahawa Batu Pahat akan menikmati bekalan air 2-3 tahun lagi sahaja oleh kerana dengan tambahan kawasan perindustrian dan perumahan besar yang pesat kita sekarang sudah menghadapi kekurangan air kerana semua 4 pam untuk Batu Pahat termasuk 2 spare telah digunakan sepenuhnya-penuhnya dan saya . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini terikut angin jawapan tadi nampaknya (*Ketawa*).

**Dr Hee Tien Lai:** Ini bukan angin!

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahannya. teruskan!

**Dr Hee Tien Lai:** Soalan tambahan ini pendek sahaja. Sebelum kita buat satu rancangan untuk pembekalan air adakah satu rancangan yang long-term, bermakna 30 tahun atau 50 tahun, kerana selepas sesuatu projek itu siap air sudah tidak cukup.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan sedar akan masalah kekurangan bekalan air dan pertanyaan rakyat apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Adalah menjadi tujuan saya dalam Dewan ini untuk menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Kerajaan telah menjalankan berbagai-bagai rancangan. Kami juga telah menghuraikan faktor-faktor menyebabkan kekurangan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam itu tidak hendak yang lain-lain, kepada Batu Pahat sahaja (*Ketawa*).

**Dato S. Samy Vellu:** Untuk Ahli Yang Berhormat, faktor-faktor air sebagai berikut, iaitu :

- (a) pembangunan dalam negara kita ini berjalan dengan cepatnya sehingga sukar bagi kita berasing dengannya kerana kerja-kerja pelaksanaan bekalan air memerlukan 5 tahun.
- (b) konsep bekalan air masih lagi di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang tertakluk kepada ketegangan dan keutamaannya.

- (c) konsep keseluruhan untuk negara sedang berjalan dalam kajian yang melibatkan berjuta-juta ringgit dan beribu-ribu jam kuasa tenaga mahir. Pembangunan berjalan dalam seluruh negeri seperti perumahan, perindustrian dan lain-lain kemajuan dalam masa yang singkat dan rancangan berjalan dengan tergesa-gesa yang menyebabkan kekurangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, iaitu untuk memenuhi kehendak dan kewajipan rakyat Kerajaan terpaksa menerima tohmahan dan kesusilaan. Faktor-faktor lain untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (1) memastikan sumber-sumber bekalan air;
- (2) memastikan tempat menyimpan dan muatan bekalan air;
- (3) alat penapisan untuk menapis air;
- (4) rangkaian paip-paip air tidak boleh dijalankan kerana ini akan mengganggu bekalan air. Oleh itu pembinaan paip terpaksa dijalankan untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat negara ini.

Itulah Yang Berhormat, jawapan dari saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini macam ramalan cuaca nampaknya (*Ketawa*). Ramalan soalan tambahan.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi merupakan rancangan dan ramalan. Soalan tambahannya ialah sekarang ini banyak kawasan-kawasan tidak dapat air walaupun paip air dalam rumah, tidak usahlah masuk lagi ke kawasan setinggan, rumah-rumah dalam kawasan-kawasan yang telah sedia ada. Apakah tindakan Kementerian Yang Berhormat Menteri mengenai perkara-perkara masalah ini. Apakah tindakan segera yang patut diambil bagi mengatasi yang dihadapi oleh masyarakat seluruh negara di bandar-bandar yang besar. Itu yang saya hendak minta, apakah tindakan yang segera.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka memberi sedikit penjelasan tetapi tidak banyak (*Ketawa*). Permintaan air dari kadar

purata 9% setahun bagi Semenanjung Malaysia. Di beberapa tahun yang lampau, iaitu dari jumlah pengeluaran 76 juta gelen sehari dalam tahun 1959 kepada jumlah pengeluaran 450 juta gelen dalam tahun 1980. Dalam tahun 1970 seramai 52% penduduk menikmati bekalan air manakala dalam tahun 1980 jumlah penduduk yang menikmati bekalan air meningkat kepada 63%, sekiranya demand jadi lebih daripada supply. Kementerian saya ada juga mengambil banyak tindakan, tidak boleh kata kita tidak ambil tindakan, dan kuasanya ada di dalam tangan Kerajaan-kerajaan Negeri. Apabila Kerajaan Negeri memberi kerjasama, memberi kita maklumat-maklumat atas pemberian air Kementerian saya mesti mengambil tindakan. Walau bagaimanapun, saya beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu kajian sumber air negara oleh pasukan kajian Jepun terdiri dari, iaitu:

Fasal 1, pengumpulan data 4 bulan, kita mulai daripada bulan Oktober, 1979 dan kita siap pada bulan Februari, 1980.

Fasal 2, kajian meliputi Semenanjung Malaysia 20 bulan, dari bulan Mei, 1980 hingga Januari, 1982.

Fasal 3, Kajian meliputi Sabah dan Sarawak, dari akhir tahun 1980 hingga 1982. Permintaan (demand) melebihi bekalan supply. Oleh kerana pembangunan telah dilancarkan dengan terlalu pesat maka perancang bekalan air tidak dapat menand'ngi permintaan dasar masa depan ialah kita akan merancang untuk 50 tahun masa depan. Ini ada dalam kajian Kementerian saya.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan bagi rumah-rumah setinggan di Kampung Pasir Dalam, Kampung Bahagia, Kampung Masjid tidak ada bekalan air sampai sekarang walaupun negara kita sudah dapat kemerdekaan 22 tahun dalam bandar Wilayah Persekutuan kita tidak ada air. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berjanj atau memberi jaminan dalam Dewan ir boleh memberi air ke rumah-rumah setingga di kampung-kampung ini dengan cepat.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua masalah-masalah daripada kampung-kampung seperti yang dikatakan oleh Ya Berhormat dari Damansara tadi ada dalam kajian dan Yang Berhormat pun te'

menulis surat kepada saya. Sebagai seorang Menteri saya akan jawab dengan secepat mungkin.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah air yang dibekalkan ke kawasan bandar-bandar termasuk Pasir Puteh telahpun diuji tentang kebersihannya dari segi kesihatan dan tidak membahayakan kepada orang yang menggunakannya.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, air yang kita akan cadangkan untuk dibekalkan ke Pasir Puteh ialah air "treated water" dengan taraf yang bagus (*Ketawa*).

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Johor Barat yang kita belanja sebanyak \$235 juta untuk memperbaiki kawasan Johor Barat, bila projek Johor Barat ini selesai atau hampir selesai—air di kawasan itu telah bertukar rasa dan kebanyakannya tidak boleh diminum oleh rakyat di kawasan itu yang melibatkan beratus ribu orang. Apakah tindakan pihak Kementerian dalam perkara ini dan apakah tindakan segera yang mesti diambil kerana dahulunya rakyat di kawasan itu telah mendapat air yang baik, air yang boleh diminum, air yang boleh dimandi tetapi sekarang tidak boleh. Saya minta sekarang penjelasan dan tindakan yang segera oleh Menteri terhadap nasib beratus ribu rakyat di kawasan Johor Barat.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang saya kata tadi iaitu konsep bekalan air dalam Kerajaan Negeri dan kiranya Kerajaan Pusat akan merancang dan juga menjalankan projek-projek, apabila projek itu siap dalam masa 10 atau 20 tahun maintenance ialah dalam bidang kuasa Kerajaan negeri. Banyak di antara Kerajaan Negeri tidak mahu maintain atau tidak mahu menukar paip atau tidak membesarkan paip yang ada sekarang, sebab itulah tekanan air kurang di kebanyakan tempat. Tetapi masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi saya akan mengkaji dan boleh mengambil tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali. Cukuplah hal air ini, tidak usah bangun lagi.

## SOCSCO—PERANAN/PUSAT LATIHAN

**6. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) apakah peranan SOCSCO dalam membela dan meninggikan taraf hidup rakyat Malaysia;
- (b) berapakah bilangan Pusat-pusat Kemahiran yang ditubuhkan oleh Sekim SOCSCO ini; dan
- (c) di manakah Pusat Latihan ini diletakkan.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, peranan utama SOCSCO ini ialah untuk membantu dan membela kaum pekerja yang kehilangan pendapatan mereka kerana di-timpa kemalangan mendapat penyakit ataupun occupational disease akan menjadi hilang dengan cara yang sama menanggung sepenuhnya segala perbelanjaan perubatan mereka sehingga mereka dapat kembali bekerja. Dan yang kedua membayar wang tunai sebagai pampasan dan juga pencen bulanan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Akta Keselamatan Sosial.

Bagi tanggungan pekerja-pekerja yang meninggal dunia akibat kemalangan pula, pihak Pertubuhan SOCSCO akan memberi pencen bulanan kepada anak-anak dan isteri mereka mengikut formula yang dibekalkan dalam Undang-undang SOCSCO. Untuk isteri pencen itu diberi seumur hidup atau sehingga isteri itu berkahwin semula dan bagi anak-anak pula sehingga mereka meningkat umur 18 tahun jika bersekolah.

Di samping itu Pertubuhan SOCSCO juga membekalkan serba jenis alat-alat seperti anggota tiruan, kerusi roda, katil dan kasut khas, cermin mata, alat pendengar dan sebagainya yang diperlukan oleh seseorang pekerja itu akibat kemalangan yang dialaminya. Seberapa yang boleh seorang pekerja yang mendapat kemalangan itu akan juga diberi latihan pemulihan dan semua perbelanjaan untuk mengikut latihan tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh Pertubuhan SOCSCO. Dengan cara-cara ini adalah diharapkan taraf hidup pekerja-pekerja dan kaum keluarganya akan dapat dipertahankan

jika tidak dipertinggikan sekalipun sungguhpun mereka telah cacat anggota dan tidak lagi mempunyai kekuatan tenaga seperti sedia kala.

Untuk menjawab (b), memandangkan bahawa fungsi untuk memberi latihan kemahiran adalah menjadi tanggungjawab beberapa Kementerian dan Jabatan yang tertentu Pertubuhan SOCSO tidak ada menubuhkan pusat-pusat tersebut untuk mengelakkan daripada berlakunya kerja berlapis (duplication). Pertubuhan SOCSO walau bagaimanapun akan menempatkan pekerja-pekerja yang memerlukan latihan kemahiran di pusat-pusat yang paling sesuai termasuk juga pusat-pusat yang dikelolakan oleh pihak swasta mengikut keperluan pekerja-pekerja yang berkenaan dan akan menanggung sepenuhnya semua perbelanjaan yang terlibat.

Dengan jawapan kepada (b) itu, Tuan Yang di-Pertua, soal di bawah (c) itu tidak lagi berbangkit.

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai kegiatan SOCSO ini, dengan adanya sekarang begitu ramai pekerja-pekerja dari Sarawak yang bekerja di Singapura sama ada hikmat SOCSO akan dibawa ke sana untuk kepentingan mereka ini.

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, sebab pekerja-pekerja yang tersebut itu bekerja di negara-negara lain, tentulah skim SOCSO itu tidak akan dikena di tempat tersebut.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu Menteri berkenaan sedar atau tidak di masa sekarang SOCSO tidak langsung bertanggungjawab apabila seseorang pekerja menghadapi satu kemalangan semasa dalam perjalanan pergi atau balik dari kilang oleh kerana sekarang SOCSO hanya bertanggungjawab apabila seseorang pekerja menghadapi kemalangan dalam masa kerja sahaja. Oleh kerana sekarang ramai pekerja-pekerja yang menghadapi kemalangan di jalanraya-jalanraya semasa balik ke rumah atau pergi ke kilang, adakah Kementerian yang berkenaan ingin mengkaji semula syarat-syarat SOCSO untuk memberi coverage kepada pekerja-pekerja semasa mereka berada di jalanraya-jalanraya di negara kita ini.

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, kerana kesusahan yang mungkin timbul daripada kes-kes yang tersebut itu, Kementerian saya sanggup mengkaji supaya kemungkinan perlindungan itu akan dikaji.

**Tuan Chan Teck Chan:** Apakah tindakan akan diambil oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengkaji semula cara pembayaran pampasan kepada pekerja-pekerja yang terlibat dalam kemalangan. Umpamanya, satu kes di Melaka, bila suami sudah terkorban dalam pekerjaan keluarganya iaitu anak hanya dapat \$1.17 sen sehari. Ini nampaknya tidak cukup untuk menanggung perbelanjaan kehidupan. Saya harap Menteri boleh memberitahu Dewan ini adakah kadar atau formula pembayaran pampasan ini akan dikaji semula.

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebenarnya kadar pampasan itu keseluruhannya sedang dikaji secara aktif dan hampir siap dan tidak lama lagi akan diumumkan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini adakah rancangan Kerajaan mahu ubah balik ataupun akan bawa pindaan atas undang-undang SOCSO, kerana undang-undang sekarang tidak adil dan kaum pekerja di seluruh tanahair kita ada juga bersuara tidak puas hati. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu adakah apa-apa cadangan atau rancangan mahu bawa pindaan atas Undang-undang SOCSO di mana pekerja boleh dapat keadilan dalam negara kita.

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah keadilan yang disentuh itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada kadar pampasan itu maka jawapannya saya telah berikan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Endut.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Nombor 7.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan No. 7 adatas nama Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

## HOSPITAL DAERAH SIK, KEDAH

7. Tuan Ismail bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada benar yang lazimnya kerja-kerja pembangunan sentiasa tergendala dan lambat disebabkan kerana kajian tanah-tanah (*soil survey*) memakan masa sehingga bertahun-tahun, dan jika ya, adakah ini sebabnya yang pembangunan Hospital Daerah Sik tergendala begitu lama sekali.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, masa yang diperlukan untuk menjalankan kajian tanah atau *soil investigation* pada amnya bergantung kepada keadaan tapak dan saiz projek. Lazimnya ini tidaklah memakan masa yang lama atau bertahun-tahun sebagaimana yang didakwa oleh pihak Yang Berhormat. Oleh itu, masa yang diambil untuk penyiataan tanah bukanlah merupakan faktor utama yang menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun ia merupakan salah satu dari faktor yang boleh melengahkan pelaksanaan setengah-setengah daripada projek oleh sebab pada masa sekarang oleh kerana pembangunan telah meningkat berlipatganda ada terdapat kekurangan keupayaan oleh makmal-makmal tanah di JKR dan juga makmal-makmal tanah kepunyaan swasta. Untuk mengatasi masalah ini beberapa makmal regional akan didirikan lagi.

Berhubung dengan projek Hospital Daerah Sik Kedah, tidak ada berlaku kelawatan atau kegendalaan yang lama dalam pelaksanaannya. Tindakan-tindakan yang sewajarnya telah diambil oleh Kementerian saya sebaik sahaja project brief diterima daripada Kementerian Kesihatan pada pertengahan tahun 1978.

Penyiataan tanah yang dijalankan bagi projek tersebut tidak menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaannya oleh kerana ianya dapat disiapkan dalam tempoh 3 bulan sahaja. Buat masa ini kerja-kerja perancangan lengkap bagi hospital itu adalah dalam peringkat terakhir. Tindakan seterusnya akan diambil untuk menyiapkan dokumen meja tender ataupun tender table document dan tawaran akan dipelawa dalam sedikit masa lagi.

## TANAMAN PADI/KELAPA SAWIT

8. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri pertanian menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa tumpuan pegawai-pegawai pertanian sekarang hanya tertumpu kepada tanaman padi sahaja dan kelapa sawit tetapi tidak kepada pokok-pokok buah-buahan seperti manggis, nangka dan sebagainya dan jika sedar, apakah tindakan Kementerian ini berhubung dengan perkara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Pegawai-pegawai Pertanian tidak menumpukan tenaga kepada tanaman padi dan kelapa sawit sahaja. Kerajaan sentiasa menggalakkan semua jenis tanaman yang boleh menambahkan pendapatan petani-petani.

Rancangan subsidi input dan mempelbagaikan pertanian yang dikelolakan oleh Jabatan Pertanian sentiasa menyalurkan subsidi untuk berbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan termasuk nangka, manggis dan sebagainya. Selain dari itu Jabatan Pertanian juga sedang melaksanakan rancangan pemulihan buah-buahan menerusi Projek Baik Pulih Dusun yang melibatkan pemulihan dan penanaman semula pokok buah-buahan secara menyeluruh secara bergotong-royong. Jabatan Pertanian menyediakan kemudahan-kemudahan seperti gergaji bermotor, pagar dan lain-lain alat di samping memberi benih dan racun. Adalah diharapkan dengan cara ini, penghasilan buah-buahan tempatan akan bertambah lagi.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sama ada pihak Kementerian sedar atau tidak oleh sebab kurangnya tekanan ataupun lain-lain daripada Kementerian Pertanian terhadap penanaman pokok-pokok buah-buahan tempatan itu sehingga sekarang buah-buahan tempatan harganya telah melambung tinggi dan juga mutu buah tempatan itu sangat jatuh kalau dibandingkan sebelum negara ini merdeka. Kalau sedar apakah tindakan tegas yang akan diambil oleh Kerajaan oleh sebab apa yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi adalah satu rancangan yang berupa sepintas lalu?

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya menyedari kadangkala ada terdapat harga buah-buahan tempatan itu melambung tinggi dan ada pula terdapat jenis-jenis buah-buahan yang kurang mutunya dengan sebab pokok bertambah tua dan keadaan kesihatannya sudah tidak begitu baik lagi. Tetapi ini tidaklah dengan sebab tumpuan yang diberikan berkurangan kerana Kementerian saya, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, memberi tumpuan dan perhatian yang berat dari segi penanaman pokok-pokok buah-buahan itu, terutama sekali sebagaimana yang saya sebut tadi di dalam usaha penanaman semula di bawah rancangan Baik Pulih Dusun, di mana pokok-pokok buah-buahan yang tua yang tidak dapat menghasilkan buah-buahan yang bermutu akan ditanam semula dengan jenis pokok buah-buahan daripada benih-benih yang baik dengan jagaan yang lebih rapi, dengan penggunaan baja mengikut teknik-teknik yang dijangka boleh mengeluarkan hasil yang lebih baik mutunya. Dengan cara demikian maka ianya juga akan dapat mempengaruhi harga buah-buahan tempatan di pasaran tempatan nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan P. Patto.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan No. 9 adalah atas nama Yang Berhormat dari Sandakan.

## ROKOK—PENGHARAMAN IKLAN

**9. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa rokok-rokok 555 State Express yang dibuat oleh British American Tobacco Company yang dijual di Malaysia mengandungi 29% tar, iaitu suatu peratus yang tinggi bagi rokok jenis ini dalam dunia, berbanding dengan hanya 18% tar dalam rokok 555 State Express yang dijual di Britain, jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan peratus kandungan tar dalam rokok-rokok jenis ini dan juga

lain-lain jenis oleh kerana peratus kandungan tar yang tinggi dalam rokok akan membahayakan kesihatan penghisap rokok; dan

- (b) sama ada memandangkan bahawa merokok membahayakan kesihatan penghisap, Kerajaan akan mengharamkan pengiklanan rokok dalam radio dan televisyen seperti yang dilakukan kepada arak, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa rokok jenis antara-bangsa yang diimport dari United Kingdom dan Amerika Syarikat mempunyai kadar kandungan "tar" dan nicotine" yang tinggi adalah diketahui oleh umum.

Angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Menglembu itu mungkin hasil dari kajian yang dijalankan oleh Oakridge National Laboratory, Tennessee dalam tahun 1978. Walau bagaimanapun, sama ada, angka-angka itu boleh diambil kira dan perbezaan-perbezaannya di antara negara-negara penting atau tidak, tidaklah dapat ditentukan. Miskipun begitu, apa-apa rokok yang mengandungi 29 mg/tar/rokok adalah dianggap mempunyai peratusan "tar" yang tinggi dan Kementerian Kesihatan memandang berat terhadap perkara ini kerana mudaratnya rokok adalah bergantung kepada banyaknya kandungan bahan racun "tar" dan "nicotine" di dalamnya. Untuk mengetahui keadaan sebenar kandungan tar dan nicotine di dalam rokok-rokok yang dijual di Malaysia, Kementerian Kesihatan telah memulakan satu kajian untuk menentukan kandungan tar dan nicotine pada rokok-rokok jenis yang biasa didapati dalam pasaran Malaysia. Contoh-contoh rokok itu dibeli dari merata-rata kedai dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa mengikut cara standard antarabangsa: keputusan awal menunjukkan bahawa brand rokok yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengandungi kadar tar yang rendah dari angka yang dinyatakan.

(b) Kementerian Kesihatan sedar akan bahaya merokok kepada penghisap rokok dan telah menganjurkan langkah-langkah pencegahan merokok yang sesuai termasuk pelajaran kesihatan dan perundangan. Masalah berkaitan dengan pengharaman pengiklannya melalui sebaran am adalah perkara yang kompleks dan mempunyai implikasi yang luas.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tabiat merokok memang telah lama wujud dan diterima sebagai satu cara hidup masyarakat dalam dunia termasuklah di Malaysia, dan segala usaha untuk mengubah tabiat dan amalan ini walau bagaimana sekalipun bahayanya kepada kesihatan adalah rumit dan memerlukan masa, memerlukan kerjasama dan penyertaan aktif dari semua pihak. Ianya menghendaki penukaran sikap. Usaha ini bukanlah merupakan tanggungjawab Kementerian Kesihatan semata-mata. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan terus menas'hati orang ramai tentang bahaya rokok.

## TANGGAGAJI PEKERJA LADANG GETAH

10. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau campur tangan di dalam menentukan jumlah gaji yang dibayar oleh majikan-majikan kepada pekerja-pekerja ladang getah. Jika ya, apakah beliau menetapkan jumlah yang tertentu. Jika tidak adakah beliau bercadang hendak campur tangan untuk masa-masa akan datang.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, kadar tanggagaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja ladang getah adalah ditentukan melalui perundingan bersama dan persetujuan yang dicapai secara langsung di antara majikan-majikan dan Kesatuan Sekerja yang mewakili pekerja-pekerja ladang. Lazimnya proses rundingan bersama secara bebas ini di jalankan pada tiga tahun sekali, ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan menggalakkan rundingan bersama secara bebas.

Mengikut peraturannya Menteri yang bertanggungjawab tidak campur tangan dalam proses ini kecuali beliau diminta berbuat demikian oleh mana-mana pihak dan campur tangan Menteri dalam perkara ini hanyalah jika ada di jalankan dengan tujuan untuk membantu kedua-dua pihak mencapai satu persetujuan. Yang demikian Menteri yang berkenaan tidaklah melibatkan dirinya di dalam menentukan dengan sebenar kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja ladang atau pekerja-pekerja lain perusahaan.

## LAPORAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELAJARAN

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan bercadang melaksanakan cadangan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelajaran untuk melanjutkan tempoh pelajaran sembilan tahun yang wujud sekarang kepada sebelas tahun bagi setiap murid, dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk pelaksanaan tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet Disember, 1979 adalah 173 kesemuanya berdasarkan pengkajian ke atas 302 memo. Oleh kerana syor-syor ini terlampau banyak maka sudah tentulah pelaksanaannya pun tidak dapat dilakukan secara serentak tetapi sebaliknya perlulah disusun dan dirancang begitu rupa supaya ianya merentasi satu jangka masa yang panjang. Sementara itu perakuan-perakuan tersebut juga mempunyai darjah kepentingan yang berbeza-beza, maka dengan yang demikian langkah-langkah pelaksanaan perlulah dipertimbangkan dari segi ketutamaan sesuatu projek yang terlibat itu dan disertai dengan keupayaan kita.

Mengenai perakuan bagi melanjutkan tempoh masa persekolahan kepada semua murid dari 9 tahun kepada 11 tahun, Kerajaan sedar bahawa ini adalah satu rancangan besar yang melibatkan seluruh negara. Perbelanjaannya tentulah tinggi, tetapi walau apa sekalipun, perkara ini tetap menjadi satu azam Kerajaan yang pasti menjadi kenyataan. Pelaksanaannya bergantung kepada faktor masa dan faktor perbelanjaan.

Dari segi masa, kita perlu memikirkan konsepnya serta merancangkan pola-pola pelaksanaannya. Dari segi perbelanjaan pula ini ditentukan oleh kekuatan sumber kewangan kita. Namun begitu perancangan awal sudah dibuat oleh Kementerian saya dan telahpun siap.

Kita mencadangkan agar program ini dilancarkan secara beransur-ansur mulai pada tahun 1985. Adalah dijangka bahawa pada tahun tersebut 80.0% daripada keseluruhan murid menengah rendah akan terus naik ke menengah atas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah sampai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 47 adalah diberi di bawah ini).*

#### AFGHANISTAN—BANTUAN MALAYSIA

**12. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada bantuan Kerajaan Malaysia kepada rakyat Afghanistan baru-baru ini diberi untuk orang pelarian atau kepada pejuang-pejuang Islam Afghanistan.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Bantuan Kerajaan Malaysia sebanyak M\$150,000 yang telah disampaikan melalui Pertubuhan Persidangan Islam baru-baru ini adalah merupakan sumbangan terhadap usaha-usaha mengurangkan penderitaan orang-orang pelarian Afghanistan yang pada masa ini berjumlah 500,000 orang di Pakistan. Ini adalah sejajar dengan dasar perikemanusiaan Kerajaan kita untuk membantu orang-orang pelarian ini. Dalam pada itu juga, Malaysia terus menyokong rakyat Afghanistan dalam usaha mereka mempertahankan kemerdekaan dan keutuhan wilayah negara mereka.

#### UDA—PEMBINAAN PAWAGAM

**13. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan iaitu Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon ada menyatakan yang pihak UDA telah

membina 3 buah pawagam sama ada kepunyaan UDA sendiri atau secara usahasama dengan pengusaha-pengusaha Bumiputra, adakah beliau dapat memberi penjelasan-penjelasan iaitu di manakah letaknya pawagam-pawagam tersebut, nama pengusaha-pengusaha yang terlibat dan bagaimana syarat-syarat perjanjian usahasama itu.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Kesemuanya, penglibatan UDA dalam projek pawagam di seluruh tanah air ialah 8 buah.

Maklumat-maklumat mengenai pawagam-pawagam itu adalah seperti berikut:

1. *Telah siap*  
Pawagam di Taman Tun Dr Ismail.  
*Unit—1.*  
*Kedudukannya—Taman Tun Dr Ismail, Sg. Pencala.*  
*Pengusahanya—UDA SEA-PARK DEV. SDN. BHD.*  
*Penyertaan UDA—Projek pawagam ini adalah salah satu komponen projek Taman Tun Dr Ismail, di mana UDA berusahasama dengan Sea Park Sdn. Bhd. dengan ekuiti 50-50*
2. *Dalam Perlaksanaan*
  - (a) Pawagam Kuala Kedah (dalam pembinaan).  
*Unit—1.*  
*Pengusahanya—Syarikat Peruda Kedah Sdn. Bhd.*  
*Penyertaan UDA—Usahasama UDA dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah.*  
*Syarat-syarat Perjanjian—UDA menyediakan kepakaran teknik dan membiayai projek tersebut sementara pihak Kerajaan Negeri menyediakan tapak tanah.*
  - (b) Pawagam di Telok Wanjah (Dalam pembinaan).  
*Unit—2.*  
*Kedudukannya—Telok Wan Jah, Alor Star, Kedah.*  
*Pengusahanya—Syarikat Peruda Kedah Sdn. Bhd.*  
*Penyertaan UDA—Projek ini adalah salah satu komponen daripada projek Kompleks Membelilah dan Hiburan Telok Wan Jah di mana UDA berusahasama dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah atas dasar ekuiti 50-50.*

*Syarat-syarat Perjanjian*—UDA menyediakan kepakaran teknik dan membiayai projek tersebut sementara pihak Kerajaan Negeri menyediakan tapak tanah.

- (c) Pawagam Syarikat Sri Bahamas (Pelan-pelan bangunan sedang disediakan).

*Unit*—1.

*Pengusahanya*—Syarikat Sri Bahamas.  
*Penyertaan UDA*—Pengurusan/Penyelarasan.

*Syarat-syarat Perjanjian*—UDA akan menjadi pengurus penyelaras projek.

- (d) Pawagam Sri Rompin.

*Unit*—1.

*Kedudukannya*—Rompin, Pahang.

*Pengusahanya*—Syarikat Pawagam Sri Rompin.

*Penyertaan UDA*—Pengurusan/Penyelarasan.

*Syarat-syarat perjanjian*—UDA akan menjadi pengurus/penyelaras projek.

### 3. Dalam Kajian/Perancangan

- (a) Pawagam di Subang Jaya

*Unit*—Belum ditentukan.

*Kedudukannya*—Subang Jaya.

*Pengusahanya*—Syarikat United Estate Project.

*Penyertaan UDA*—Pawagam ini adalah salah sebuah komponen projek perumahan Subang Jaya yang mana UDA berusahasama dengan Intercontinental Housing Corporation, Hong Kong ekuiti 50-50.

- (b) Pawagam di Bandar Baru Kuala Kangsar.

### HOSPITAL KENINGAU— KEKURANGAN DOKTOR

14. **Datuk Stephen Robert Evans** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang masalah-masalah berikut yang dihadapi oleh Doktor-doktor Kerajaan di Hospital Keningau seperti kekurangan katil-katil pesakit, terlalu ramai bilangan pesakit-pesakit luar, kekurangan kakitangan hospital bagi menampung penduduk yang berjumlah 50,000; dan adakah Kementerian beliau akan menyediakan seorang doktor bedah dan pegawai-pegawai perubatan tambahan bagi pengriman segera ke Hospital Kerajaan di Keningau memandangkan kekurangan doktor-doktor yang amat meruncing pada masa sekarang.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Kementerian ini sedar tentang masalah-masalah dan kekurangan doktor-doktor di Negeri Sabah. Oleh yang demikian, Kementerian ini pada 9hb. Mac, 1980 telah menghantar 4 orang pegawai perubatan kontrek dari Burma ke Negeri Sabah. Bagi Hospital Keningau pula, seorang lagi pegawai perubatan akan ditempatkan di Hospital tersebut tidak lama lagi. Mengenai jawatan pakar bedah di Hospital Keningau pula, Kementerian ini tidak dapat menempatkan seorang pakar bedah untuk mengisi jawatan itu pada masa ini, oleh kerana kekurangan pakar-pakar bedah pada keseluruhannya. Berkenaan kekurangan katil di Hospital Keningau, sukacita saya memaklumkan bahawa satu wad blok tambahan yang mengandungi 44 katil telah dirancangan dan tender telah ditawarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Sabah dan kerja pembinaan dijangka akan bermula tidak lama lagi. Dengan penambahan wad blok ini jumlah katil di Hospital Keningau akan bertambah kepada 170. Memandangkan bahawa jumlah penduduk di Daerah Keningau yang dianggarkan seramai 35,000 orang dan bukannya 50,000 orang sebagaimana dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, maka didapati nisbah katil 170 kepada 35,000 orang penduduk adalah memadai.

### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL— PERCANTUMAN

15. **Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang kecil-kecil dan terletak di ladang getah di negara ini akan dicantumkan supaya menjadi sebuah sekolah yang besar dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan belajar. Jika benar, bilakah rancangan ini hendak dilaksanakan.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Kementerian saya mempunyai satu program yang bersepadu dan komprehensif yang dinamakan Rancangan Khas Pemulihan Pelajaran Rendah Luar Bandar. Rancangan ini bertujuan mempertingkatkan mutu pelajaran di peringkat rendah khususnya di sekolah-sekolah kecil di luar bandar yang selaras dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Rancangan ini bila dilaksanakan kelak

akan meliputi sekolah-sekolah kecil, termasuklah sekolah Tamil, yang benar-benar memerlukan pemulihan fizikal dan pemulihan khidmat sokongan.

Percantuman sekolah-sekolah tersebut hanya akan dilaksanakan selepas satu kajian dan penelitian dibuat terlebih dahulu. Berdasarkan kepada dapatan-dapatan dari kajian ini barulah tindakan-tindakan tertentu dapat diambil ke atas sekolah-sekolah kecil.

Rancangan ini masih di peringkat perencanaan dan akan dijalankan sebaik sahaja butir-butir yang lengkap mengenai sekolah-sekolah kecil diperolehi.

### BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH—PERBINCANGAN

**16. Tuan Awang bin Jabar** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan kes-kes yang dijalankan perbincangannya dalam Bahasa Malaysia di mahkamah hingga setakat ini.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat; mahkamah-mahkamah tidak menyimpan statistik-statistik mengenai perkara ini. Oleh yang demikian adalah sukar untuk ditentukan bilangan kes-kes yang dijalankan perbincangannya dalam Bahasa Malaysia di mahkamah hingga setakat ini. Bagaimanapun adalah ditegaskan bahawa memang terdapat kes-kes yang dijalankan perbincangannya dalam Bahasa Malaysia.

### RUSUHAN OLEH PETANI-PETANI DI ALOR STAR

**17. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa berlakunya rusuhan oleh petani-petani di Alor Star baru-baru ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Perkara ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam ketika menjawab soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kelmarin 18-3-80.

### PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA/NEW ZEALAND—BANTUAN

**18. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebenarnya isi-isi perbincangan di antara beliau dan pihak berkuasa pelajaran di Australia dan New Zealand semasa lawatannya baru-baru ini kedua-dua buah negara tersebut dan bagaimana perbincangan-perbincangan itu telah membantu pelajaran-pelajaran Malaysia yang belajar di Australia dan New Zealand atau yang merancang untuk belajar di kedua-dua buah negara tersebut.

**Dato' Musa bin Hitam:** Saya telah melawat ke Australia dan New Zealand dari 12hb November hingga 30hb November, 1979. Sungguhpun tujuan utama lawatan tersebut ialah untuk menghadiri Mesyuarat Tahunan Persatuan Parlimen Kommenwel yang diadakan di Wellington, New Zealand, saya telah mengambil kesempatan berjumpa dan mengadakan perbincangan berhubung dengan soal-soal pelajaran dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan kedua-dua buah negara tersebut. Perjumpaan-perjumpaan ini adalah bermaksud:

1. Untuk mendapatkan penjelasan berhubung dengan cadangan Kerajaan Australia dan New Zealand untuk menaikkan kadar yuran yang dikenakan kepada pelajar-pelajar asing.
2. Untuk meningkatkan lagi kerjasama di dalam bidang pelajaran di antara Malaysia dan kedua-dua buah negara tersebut.

Khususnya, saya telah mengambil kesempatan menekankan kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Australia dan New Zealand betapa mustahaknya kerjasama di dalam bidang pelajaran di antara kedua-dua belah pihak perlu dikekalkan dan diperluaskan. Di dalam soal kenaikan yuran, saya telah diberi jaminan oleh Kerajaan Australia dan New Zealand di atas perkara-perkara berikut:

1. Jaminan bahawa kadar yuran yang baru yang dikenakan sebanyak \$1,500/- setahun mata wang masing-masing hanya akan dikenakan kepada pelajar-pelajar baru dan akan dikuatkuasakan pada tahun 1980. Pelajar-pelajar yang

sudah pun berada di Universiti-universiti di negara-negara tersebut tidak akan dikenakan kadar yuran baru ini.

2. Jaminan bahawa negara-negara tersebut tidak bercadang mengadakan sekatan ke atas bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang diterima untuk melanjutkan pelajaran di Instituti-institusi Pelajaran Tinggi mereka. Kedua-dua Kerajaan juga memberi jaminan bahawa mereka akan terus mengamalkan Dasar terbuka berkaitan dengan pengambilan pelajar-pelajar asing seperti juga pada masa-masa yang lepas.

Saya menyambut baik di atas jaminan yang diberi oleh Kerajaan Australia dan New Zealand ini oleh kerana ia bermakna bahawa pelajar-pelajar kita akan terus diterima melanjutkan pelajaran mereka ke negara-negara tersebut, sungguhpun dengan kadar bayaran yuran yang lebih tinggi daripada masa-masa yang lepas.

Di samping itu juga saya telah mengambil kesempatan untuk mendapatkan kerjasama di dalam perkara-perkara berikut:

1. Di Australia, Kerajaan Negeri Victoria telah bersetuju pada dasarnya menerima Guru-guru Sekolah Vokasional dari Malaysia untuk mendapatkan latihan sesuai dengan langkah-langkah Kementerian Pelajaran membuat persediaan bagi mengembangkan bidang pelajaran vokasional. Kemungkinan yang sama juga telah dibincang dengan Kerajaan New Zealand.
2. Latihan bagi kakitangan ETV terutamanya "Scripwriter dan Technician" di Australia dan New Zealand.
3. Menambahkan bilangan penerimaan pelajar di peringkat Tingkat 6 dan 7 (Matrikulasi) di Australia dan New Zealand.
4. Menambahkan lagi peluang untuk mendapatkan latihan di dalam bidang-bidang khusus perubahan di Australia dan New Zealand.

Bagi memastikan supaya semua bidang perbincangan saya dapat diambil tindakan lanjut atau "follow-up", Kementerian saya bercadang menghantar suatu rombongan peringkat pegawai kedua-dua buah negara itu untuk meneliti dan mengkaji dengan detail

cara-cara persetujuan-persetujuan itu dapat dilaksanakan. Rombongan ini dijangka melawat pada tahun ini juga sebaik sahaja persetujuan tarikh didapati oleh semua pihak.

Pada keseluruhannya saya berpuas hati dengan perbincangan saya dengan pemimpin Kerajaan Australia dan New Zealand di atas jaminan yang diberi bahawa pelajar-pelajar dan negara kita akan terus diterima untuk melanjutkan pelajaran di negara-negara tersebut. Cadangan negara-negara tersebut untuk tidak mengenakan kadar yuran baru ke atas pelajar-pelajar kita yang sedang menuntut di Universiti-universiti di negara-negara tersebut sudah tentu akan disambut baik oleh pelajar-pelajar kita. Di samping itu juga, bagi pelajar-pelajar baru yang bercadang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Australia dan New Zealand, penjelasan Kerajaan negara tersebut akan membolehkan pelajar-pelajar tersebut membuat sebarang penentuan di atas apa juga rancangan mereka untuk melanjutkan pelajaran mereka ke negara-negara tersebut.

#### **LEBUHRAYA SEMPURNA/TAWAU DAN KUNAK/LAHAT DATU— KELEWATAN**

**19. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang bukan sahaja kelambatan dalam membina Lebuhraya Sempurna/Tawau, Kunak/Lahad Datu tetapi juga kerosakan yang teruk kepada Lebuhraya ini sehinggakan pada musim hujan jalan-jalan ini tidak boleh dilalui selama satu hingga dua hari dan jika ya, apakah langkah yang diambil untuk mengatasi keadaan ini.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):** Saya sedar bahawa Lebuhraya Sempurna/Tawau, Kunak/Lahad Datu mengalami sedikit kelewatan dalam pembinaannya.

Seperti Yang Berhormat itu maklum, Lebuhraya ini terbahagi kepada dua bahagian dalam perlaksanaannya, iaitu Bahagian Lahad Datu ke Giram Estate yang dikendalikan oleh Construction Resources of Asia—(Lot 3) dan Bahagian Giram Estate ke Sungai Pegagau yang dikendalikan oleh Construction Development Corporation of the

Philippines (Lot 4). Kedua-dua bahagian ini telah mula dilaksanakan pada 1hb September, 1977 dengan jangka masa persiapan selama 30 bulan.

Kontrektor di Lot 3 iaitu Bahagian Lahad Datu ke Giram Estate telah gagal mencapai kemajuan dengan memuaskan dan tindakan mengikut perjanjian kontrak sedang diambil terhadap Kontrektor itu.

Prestasi Kontrektor di Lot 4 iaitu Bahagian Giram Estate ke Sungai Pegagau agak memuaskan dan kerja-kerja dijangka siap pada akhir tahun 1980. Kelewatan yang berlaku di sini adalah disebabkan oleh masalah-masalah teknikal yang luar kemampuan kontrektor untuk menghindarkannya.

Baru-baru ini hakisan tanah di tapak pembetong di Batu 36 daripada Tawau ke Lahad Datu telah berlaku yang mengakibatkan perhubungan tergendala selama dua hari. JKR Sabah telah memulihkan keadaan dengan mengambil langkah-langkah sementara. Kerosakan ini terletak di luar tapak pemulihan jalan yang sedang dijalankan oleh JKR.

Adalah diakui bahawa dalam usaha membina semula jalan-jalan yang sedia ada di projek Lebuhraya Sempurna/Tawau, Kunak/Lahad Datu, sedikit kesukaran akan dihadapi terutama sekali jika kerja-kerja tanah sedang dijalankan. Kesukaran ini akan menjadi lebih teruk di waktu musim hujan lebat. Walau pun begitu Kementerian saya sedar tentang perkara ini dan sentiasa mengesani keadaan dan langkah-langkah diambil bagi menjamin bahawa kesukaran-kesukaran seperti itu dikurangkan kepada sekecil-kecil yang boleh.

#### RANCANGAN RADIO/TV

**20. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan beliau bercadang supaya mengadakan rancangan-rancangan T.V. dan radio untuk memperkenalkan maksud hari-hari perayaan, istiadat-istiadat, Majlis-majlis sesuatu kaum dalam bahasa kaum yang lain untuk mengujudkan dan memperkukuhkan muhibbah dan persefahaman.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** RTM pernah dan terus mengadakan rancangan TV dan radio untuk memperkenalkan maksud hari-hari perayaan ter-

tentu di samping menjadikan peristiwa-peristiwa mengenai istiadat dan majlis-majlis sesuatu kaum sebahagian daripada rancangan untuk TV dan/atau radio. Persembahan rancangan-rancangan tersebut adalah dibuat di dalam bahasa-bahasa pengantar yang berkenaan dan juga dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris di mana perlu di TV dan radio. Adalah benar bahawa tujuan persembahan itu ialah untuk mengujudkan dan memperkukuhkan muhibbah dan persefahaman. Walaubagaimanapun tujuan utama ialah kepentingan perpaduan dan keselamatan negara.

#### INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

**21. Tuan Abdul Rahman bin Daud** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan masih ing'n terus memberi pertimbangan bagi tujuan meluaskan permohonan-permohonan daripada badan-badan swasta untuk menubuhkan universiti atau institusi pengajian tinggi.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tidak.

#### TENTERA RUSSIA DI AFGHANISTAN—PENCEROBOHAN

**22. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian rasmi Malaysia terhadap pencerobohan Soviet Union ke Afghanistan pada bulan Disember, 1979; apakah langkah-langkah yang positif dan berkesan telah diambil oleh Malaysia untuk mengutuk dan menentang tindakan pencerobohan Russia ini; dan sama ada Malaysia akan mengkaji semula perhubungan diplomatik Malaysia-Russia ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Malaysia telah dengan tegasnya membantah campurtangan tentera Russia di Afghanistan di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, di Persidangan Khas Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu, di Persidangan Negara-negara Islam dan yang paling akhir sekali di mesyuarat di antara ASEAN dengan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC). Malaysia juga telah pun mengumumkan yang ianya tidak akan mengambil bahagian di Sukan Olympik yang akan datang di Moscow selagi tentera-tentera Soviet Union tidak berundur dari Afghanistan. Pada masa yang sama kita juga

sedang berunding dengan rapatnya dengan sahabat-sahabat kita di dalam dunia Islam dan di luar tentang cara yang paling baik untuk menyelesaikan keadaan ini.

### DASAR EKONOMI BARU— PELAKSANAAN

**23. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah bel'au sedar bahawa perubahan parti memerintah bagi Kerajaan di India dan di Kanada dalam masa yang singkat telah banyak memberi pengajaran kepada rakyat yang mahu mengubah rasa pentadbiran sebuah negara itu. Jika sedar, apakah langkah Kerajaan supaya rakyat kita tidak akan tertipu dengan diayah perubahan rasa ini, bagi menjamin pelaksanaan Dasar Ekonomi baru kita tidak terjejas dan keselamatan negara terjamin.

**Perdana Menteri:** Soalan yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat itu kurang jelas maksudnya.

Walau bagaimanapun, mengikut fahaman saya Kerajaan kita yang terus dipilh oleh rakyat semenjak negara mencapai kemerdekaan akan terus melaksanakan berbagai program pembangunan demi kemakmuran negara dan peningkatan taraf hidup rakyat keseluruhannya.

Kerajaan juga percaya bahawa rakyat yang telah memberi penuh kepercayaan kepada Kerajaan selama ini tidak akan tertipu dengan apa bentuk diayah juapun oleh mereka yang tidak bertanggungjawab yang hanya bertujuan mengubah pentadbiran negara ini. Rakyat sendiri telah merasai nikmat hasil pembangunan dan kemakmuran negara Malaysia juga sedar bahawa kemakmuran dan keselamatan akan hanya berterusan dirasai dalam suasana politik yang stabil di bawah Kerajaan yang bertanggungjawab, jujur dan bersih. Oleh hal yang demikian, soal mengubah rasa pentadbiran negara tidak timbul di kalangan rakyat Malaysia kerana rakyat kita mempunyai fikiran yang matang dan dapat menilai usaha-usaha Kerajaan yang telah berjaya membawa keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan kepada mereka.

### TUNJUK PERASAAN OLEH PETANI-PETANI DI ALOR STAR— JUMLAH KEROSAKAN

**24. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan punca sebenarnya yang menyebabkan tunjuk perasaan peladang-peladang di Alor Star pada 23hb. Januari 1980 dan jumlah kerugian yang d'alami oleh sektor awam dan persendirian dan sama ada Kerajaan akan mengeluarkan suatu kertas mengenai kejadian ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Soalan yang hampir sama telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam ketika menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kelmarin 18-3-1980. Kerosakan harta benda adalah dianggarkan berjumlah kira-kira \$15,000.

### GURU BESAR—PENGGREDEAN SEKOLAH-SEKOLAH

**25. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerianya sedar dalam pelaksanaan kenaikan pangkat Guru-guru Besar berikutan dengan penggredan semula sekolah-sekolah baru-baru ini telah timbul perasaan tidak puas hati dari kalangan guru-guru dan jika sedar, adakah Kementerianya bercadang untuk mengadakan cara-cara pemilihan yang lebih berkesan seperti mengadakan temuduga kepada guru-guru yang cukup syarat yang dikehendaki untuk melantik Guru-guru Besar masa akan datang.

**Dato' Musa bin Hitam:** Di dalam hal ini sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa semasa proses penggredan semula sekolah-sekolah ini dibuat, sebelum dilaksanakan dan selepas itu, baru-baru ini, saya sendiri berserta dengan pegawai-pegawai Kementerian saya telah bertukar-tukar fikiran dan pendapat dengan semua Kesatuan-kesatuan Guru peringkat nasional untuk mendapat maklum balas atau "feedback" terhadap cara-cara pelaksanaan serta ak'bahnya. Kesatuan-kesatuan yang mengambil bahagian di dalam perjumpaan-perjumpaan itu telah memberi pendapat, kerjasama dan

fahaman penuh mereka di dalam perkara ini. Perlulah saya nyatakan bahawa saya telah pun berjanji mengambil tindakan berasaskan kepada dua garisan:

- (1) Di mana kejadian-kejadian di atas seseorang guru yang difikirkan tidak adil dan tidak berasas kepada garisan-garisan panduan yang telah saya hebahkan dahulu, saya telah bersetuju menerima nama guru-guru itu dan mengkaji kedudukan sebenarnya serta memastikan sama ada perkara yang diperkatakan itu benar-benar terjadi; dan
- (2) Dari segi jangka panjang pihak Kementerian saya telah pun bersetuju pada dasarnya untuk meneliti semula soal penggredan sekolah ini pada keseluruhannya, termasuklah jangkamasa penggredan ini dijalankan dan sistem pentadbirannya. Ini akan dibuat berasas kepada pengalaman yang diperolehi daripada proses penggredan baru-baru ini.

#### **PUSAT KAJIAN ATOM TUN ISMAIL (PUSPATI)**

**26. Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan sebab-sebab kelambatan pembinaan Pusat Kajian Atom Tun Ismail yang dicadang akan dibina di Bangi. Setakat manakah pembinaan pusat itu sedang dijalankan dan bila ia dijangka boleh digunakan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Kelewatan pelaksanaan Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) adalah disebabkan oleh pemindahan tapak Pusat tersebut dari Sungai Buloh ke Bangi. Keputusan akhir mengenai pemindahan ini telah dibuat oleh Jumaah Menteri pada 26hb April, 1978 di atas sebab-sebab teknikal.

Kerja-kerja menyediakan tapak PUSPATI di Bangi bermula pada bulan Januari 1979 dan telahpun selesai pada bulan Disember yang lalu. Kerja-kerja pembinaan bangunan-bangunan di dalam kompleks PUSPATI telah bermula pada 21hb Disember, 1979. Jika semua kerja-kerja bangunan tersebut berjalan mengikut jadual, sistem reaktor akan

dipasang mulai bulan Jun 1981 dan siap diuji menjelang akhir tahun yang sama. Dengan itu PUSPATI dijangka akan mula menjalankan tugasnya mulai awal tahun 1981.

#### **PERKHIDMATAN NEGARA**

**27. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada kerajaan akan memperkenalkan perkhidmatan negara bagi menguatkan pertahanan Malaysia memandangkan perkembangan di Indochina dan Afghanistan.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Perkhidmatan Negara. Angkatan Tentera kita adalah mampu dan sudah mencukupi bagi mempertahankan negara dari ancaman yang kita ramal sekarang.

#### **PERDAGANGAN MALAYSIA— AUSTRALIA**

**28. Tuan Wong Hoong Keat** meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Malaysia menghadapi imbalance perdagangan buruk dengan Australia dan juga dengan lain-lain negara-negara maju dan apakah langkah-langkah pembetulan yang diambil untuk membaiki keadaan ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Saya sedar bahawa Malaysia menghadapi imbalance perdagangan kurangan (trade deficit) dengan Australia. Walau bagaimanapun saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan bahawa Malaysia mengalami imbalance kurangan (trade deficit) dengan negara-negara maju yang lain.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa imbalance perdagangan Malaysia harus dilihat dari segi perhubungan berbagai hala (multilateral relationship) dan bukan perhubungan dua hala sahaja (bilateral relationship). Ini adalah kerana adakalanya perhubungan imbalance perdagangan Malaysia dengan sebuah negara itu berkurangan tetapi dengan negara-negara lain pula terdapat imbalance perdagangan yang berlebihan. Pada keseluruhannya, Malaysia telah menikmati imbalance

perdagangan yang berlebihan semenjak beberapa tahun yang lalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia sebenarnya menikmatiimbangan perdagangan yang berlebihan dengan negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan EEC.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya memang memandang berat terhadapimbangan perdagangan kurangan dengan Australia dan telah mengambil beberapa langkah untuk membaiki kedudukannya. Selain daripada usaha untuk menambahkan lagi eksport-eksport kita ke negara itu dengan cara menghantarkan rombongan-rombongan, Malaysia telah dari masa ke semasa mengadakan rundingan-rundingan dua hala dengan Australia untuk mendesak mereka mengambil langkah bagi menghapuskan peraturan-peraturan perlindungan yang dikenakan sama ada dalam bentuk tarif ataupun bukan tarif.

Malaysia telah juga bertindak bersama-sama negara-negara Asean yang lain untuk mendapatkan keyakinan Australia melonggarkan syarat-syarat impot yang dikenakan ke atas eksport-eksport negara kita. Di samping itu beberapa langkah juga telah diambil di persidangan serantau dan antarabangsa seperti GATT, ECSAP dan sebagainya dengan tujuan yang sama.

#### UDA—PROJEK PUDURAYA

**29. Tuan V. David** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh UDA dalam Projek Puduraya. Bolehkah beliau menerangkan sebab-sebab mengapa kerugian ini berlaku ketika tempat itu disewakan kepada Travel Inn. Adakah beliau akan menjalankan siasatan tentang cara wang awam dibelanjakan oleh UDA.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Projek Puduraya ini adalah terdiri daripada dua blok iaitu blok Podium dan blok Menara. Di Blok Podium, disediakan tempat letak kereta sewa, kereta persendirian, bas-bas, gerai-gerai berhawa dingin, gerai-gerai terbuka, ruang pejabat, Bank dan Pejabat Pos. Blok Menara pula adalah merupakan bangunan hotel.

Jumlah cost pembinaan adalah sebanyak \$18.2 juta. Ianya tidak mengalami apa-apa kerugian disebabkan nilai harganya sendiri

telah pun meningkat. Oleh itu adalah tidak perlu diadakan siasatan berhubung dengan ini.

Berhubung dengan hotel, UDA telah menyerahkan pengurusan hotel tersebut kepada sebuah syarikat pengurusan hotel iaitu Travel Inn Sdn. Bhd. dengan memasukkan perjanjian pengurusan yang ditetapkan dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian tersebut. Oleh kerana pihak pengurusan hotel telah gagal memperuntukkan modal pusingan yang secukupnya perjalanan hotel dengan cara sempurna dan tidak tergendala iaitu salah satu syarat yang penting, maka pihak UDA tidak ada pilihan lain melainkan menamatkan perjanjian tersebut. Maka dengan itu pengurusan hotel tersebut telah pun diambil alih oleh UDA sendiri.

#### PELAJAR BUKAN MELAYU DI UNIVERSITI—PENGAMBILAN

**30. Tuan Lim Kit Siang** meminta Menteri Pelajaran memberi butir-butir lanjut tentang bagaimana pelajar-pelajar bukan Melayu akan diberikan tempat yang lebih di dalam kelima-lima universiti tempatan untuk tahun akademik 1980/81.

**Dato' Musa bin Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar-pelajar bagi sesi 1980/81 masih belum dijalankan. Walau bagaimanapun, dari segi pengambilan pelajar bukan Bumiputra bagi tahun ini, Kerajaan bercadang menetapkan tambahan sebanyak 2% daripada bilangan pengambilan pelajar bukan Bumiputra pada tahun yang sudah. Angka sebenar akan diketahui setelah semua pelajar-pelajar mendaftar diri di universiti-universiti tempatan pada sesi 1980/81 akan datang.

#### KENDERAAN DI TAHAN DI BALAI POLIS

**31. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar mengenai kenderaan motor yang telah reput di halaman Balai Polis dalam negeri ini dan jika demikian mengapa dan nyatakan langkah-langkah beliau ing' n ambil supaya kenderaan motor tidak akan lagi terbiar reput di halaman Balai Polis.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kenderaan yang ditahan di Balai Polis adalah berkaitan dengan kesalahan lalu lintas, kesalahan jenayah, kes penyeludupan, kes teksi haram dan sebagainya. Ada ketika, kenderaan ditahan di Balai Polis buat beberapa ketika untuk menunggu perbincangan yang sering mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Bagi kenderaan yang pihak Polis telah berpuashati ianya tidak bersangkut dengan kes jenayah, kes penyeludupan, kes teksi haram atau anti-nasional dan setelah disahkan oleh tuannya kenderaan akan dikembalikan dalam masa 24 jam, atau langkah diambil untuk memberitahu tuannya kenderaan supaya menuntut balik kenderaannya di halaman Balai Polis dan sekiranya tidak dituntut dalam masa yang ditetapkan pihak polis boleh mengambil tindakan untuk melongnya dan sekiranya kenderaan tersebut tidak laku dilelong ianya bolehlah dimusnahkan.

#### LAWATAN MENTERI LUAR NEGERI KE HANOI

**32. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkara-perkara yang dibincangkan di antara beliau dan pemimpin-pemimpin Vietnam semasa lawatan beliau ke Hanoi baru-baru ini dan dalam cara apakah perbincangan itu telah menolong keinginan ASEAN untuk mengujudkan satu kawasan aman di Asia Tenggara.

**Tengku Dato' Ahmad Rihauddeen Al-haj:** Semasa lawatan saya ke Hanoi pada 9-11 Januari lepas, saya telah mengambil kesempatan untuk menyampaikan pandangan Malaysia dan Negara-negara ASEAN yang lain kepada pemimpin-pemimpin Vietnam mengenai masalah Kampuchea dan penubuhan kawasan aman dan stabil di Asia Tenggara.

Saya telah menekankan keinginan untuk mencapai penyelesaian politik bagi konflik ini dan untuk menentukan bahawa konflik ini tidak diperhebatkan dan tidak merebak kepada negara-negara jiran seperti Thailand. Saya juga telah berusaha untuk mendapatkan kerjasama Vietnam supaya mematuhi jaminannya yang dibuat di Geneva bagi

menghalang pelarian pendatang-pendatang haram dan bekerjasama dengan pihak UNHCR dalam "Orderly Departure Programme" dari Vietnam.

Vietnam telah memberi jaminan menghormati kemerdekaan dan keutuhan wilayah negeri Thai dan negara-negara ASEAN yang lain dan memberi kerjasama dalam masalah pendatang haram. Vietnam juga telah menyatakan kesediaannya untuk meneruskan dialog dengan Malaysia, begitu juga dengan negara-negara ASEAN yang lain secara dua-hala dalam mengujudkan kawasan aman dan stabil di Asia Tenggara berdasarkan kepada Deklarasi Kuala Lumpur, November, 1971.

Walaupun negara kita telah menyambut baik sokongan pertama kali pernah dibuat oleh Vietnam terhadap Deklarasi Kuala Lumpur itu, saya telah menyatakan dengan jelasnya bahawa perbincangan berkenaan mengujudkan keamanan dan kestabilan dirantau ini mestilah tertumpu kepada usaha mencari penyelesaian politik untuk konflik di Kampuchea.

#### CUTI REHAT TAHUNAN—KEBENARAN MENGUMPULKAN

**33. Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar kakitangan-kakitangan Kerajaan dibenarkan mengumpul cuti mereka untuk selama dua tahun sahaja dan, jika ya, sama ada Kerajaan bercadang melanjutkan tempoh tersebut atau membayar mereka wang sebagai mengganti cuti mereka itu, kerana kakitangan-kakitangan Kerajaan khususnya di Negeri Johor tidak dibenarkan mengambil cuti mereka untuk bertahun-tahun kerana kekurangan kakitangan dan tekanan kerja dan ini bermakna mereka akan mengalami kerugian dalam ertikata cuti.

**Perdana Menteri:** Saya sedar tentang peraturan Kerajaan bahawa kakitangannya adalah dibenarkan mengumpul cuti rehat tahunan bagi tempoh dua tahun berturut-turut sahaja atas kepentingan perkhidmatan. Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah peraturan itu supaya melanjutkan tempoh pengumpulan cuti rehat lebih daripada dua tahun atau menggantikan seluruh cuti rehat dengan bayaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya menjelaskan bahawa secara tidak langsung pengumpulan baki-baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan berlaku pada masa persaraan seseorang pegawai mengambil tempat. Menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1974, Kerajaan akan menghadahkan bayaran gantian cuti rehat yang berjumlah tidak melebihi 90 hari (3 bulan) berasaskan kepada gaji terakhir, dari baki-baki cuti rehat yang tidak dapat digunakan oleh seseorang kakitangan Kerajaan atas kepentingan perkhidmatan.

Jika jumlah bagi cuti rehat yang terkumpul sebelum daripada persaraan melebihi dari 90 hari untuk bayaran gantian cuti rehat itu, bakinya itu bolehlah digunakan untuk percutian sebelum bersara dengan syarat tempohnya tidak melebihi daripada kelayakan cuti untuk tempoh dua tahun sebelum tarikh persaraan.

#### **DASAR EKONOMI BARU—MEMBANTU BUMIPUTRA**

**34. Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa adanya rancangan raksaksa untuk menolong Bumiputra di Pulau Pinang dan adanya desakan dari penyokong-penyokong Kerajaan (UMNO Ipoh) supaya dibentuk sebuah bandar khusus untuk Melayu di Ipoh, telah menggambarkan kegagalan rancangan perpaduan dan muhibbah di antara kaum di negeri ini, dan pihak Immigrants negara ini tidak memberi apa-apa sambutan terhadap rancangan yang sangat dikehendaki.

**Perdana Menteri:** Program membantu Bumiputra di Pulau Pinang dan desakan dari Pertubuhan UMNO Ipoh supaya dibentuk sebuah bandar khusus untuk masyarakat Melayu di Bandar tersebut bukanlah menggambarkan kegagalan Kerajaan dalam memupuk perpaduan dan mehibbah di antara kaum di negara ini. Malahan rancangan Kerajaan di Pulau Pinang itu adalah sebenarnya merupakan rancangan bagi membantu kaum Bumiputra dalam bidang ekonomi sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi menyusun semula masyarakat dan mengimbangkan perbezaan ekonomi di antara kaum. Desakan daripada masyarakat Bumiputra di Ipoh itu sendiri jelas menggambarkan kehendak rakyat di negara ini supaya jurang perbezaan ekonomi antara

kaum diatasi sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi baru itu. Dan hanya dengan cara ini sahajalah tujuan memupuk perpaduan dan muhibbah di antara kaum di Malaysia dapat dicapai. Walau bagaimanapun, desakan penyokong-penyokong UMNO supaya dibentuk sebuah bandar baru di Ipoh itu hanya merupakan cadangan sahaja dan belum lagi ditimbang oleh Kerajaan.

Sebahagian besar daripada penduduk di negara ini menyokong sepenuhnya rancangan-rancangan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk mencapai perpaduan kaum di Malaysia. Kemajuan-kemajuan dalam pembangunan politik, sosial dan ekonomi tidak akan tercapai tanpa perhubungan baik antara kaum di Malaysia. Sungguhpun kadang-kadang terdapat masalah perhubungan kaum tetapi kebanyakan kaum-kaum di Malaysia adalah matang dan dewasa di dalam menyelesaikan apa-apa perbezaan dengan cara aman dan damai. Syukur kita ke hadrat Allah kerana negara kita Malaysia adalah bernasib baik mempunyai perpaduan di antara kaum walaupun penduduk negara ini terdiri daripada berbilang bangsa. Ada negara-negara yang mempunyai satu kaum sahajapun tidak ada perpaduan sesama mereka dan malahan terjadi peperangan di antara mereka sama sendiri.

#### **LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA—PENYELEWENGAN**

**35. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan peranan Lembaga Padi dan Beras Negara, adakah beliau sedar tentang "kemungkinan" terdapatnya penyelewengan dan salah urusan dalam LPN, dan apakah tindakan-tindakan positif diambil untuk merapatkan LPN dengan petani-petani.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Lembaga Padi dan Beras Negara ditubuhkan dengan tujuan seperti berikut:

- (i) Menyimpan dan menenggara suatu bekalan padi dan beras yang cukup.
- (ii) Mempastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani.
- (iii) Mempastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna.
- (iv) Mempastikan bekalan beras yang cukup bagi mengatasi segala kecemasan.

Segala penyelewengan yang mungkin berlaku akan diawasi.

### RANCANGAN MALAYSIA KETIGA— PEMBANGUNAN TANAH

**36. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah ekar yang dicadang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk kemajuan tanah; pencapaian setakat ini dalam usaha ke arah ini; jumlah peneroka yang telah ditempatkan setakat ini dan peratus peneroka mengikut kaum.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Soalan daripada Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj itu boleh dibahagikan kepada:

- (i) Matlamat pembangunan tanah di dalam RMT;
- (ii) Pencapaian matlamatnya;
- (iii) Jumlah peneroka; dan
- (iv) Peratus peneroka mengikut kaum.

Matlamat pembangunan tanah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah seperti berikut:

<i>Agensi/Program</i>	<i>Matlamat (ekar)</i>
FELDA ...	500,000
FELCRA ...	65,941
RISDA ...	500,000 tanaman semula 100,000 tanaman baru berkelompok.
<i>Program Kerajaan Negeri</i>	
Semenanjung Malaysia ...	100,000
Sabah ...	70,000
Sarawak ...	70,000
<i>Usahasama/Sektor-swasta</i>	
Semenanjung Malaysia ...	100,000
Sabah ...	80,000
Sarawak ...	80,000
<b>JUMLAH: 1,665,941</b>	

Bagi soalan pecahan yang lain, saya hanya akan menerangkan kedudukan agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sahaja.

<i>Agensi</i>	<i>Pencapaian Matlamat</i>	<i>Jumlah Peneroka/Pekebun kecil</i>	<i>% peneroka pekebun kecil mengikut kaum</i>
FELDA .. .. .	419,666	23,231	Bumiputra .. .. . 95.6 Cina .. .. . 2 India .. .. . 2.4
FELCRA .. .. .	82,155	3,390	Bumiputra .. .. . 94.9 Cina .. .. . 2.9 India .. .. . 2.2
RISDA .. .. .	260,101 (tanaman semula) 55,483 (tanaman baru berkelompok)	55,923	Bumiputra .. .. . 73.8 Cina .. .. . 24.8 India .. .. . 1.4

### GURU-GURU SEMENTARA DI SABAH

**37. Tuan Haji Ampong Puyon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian ini sedar bahawa ramai guru-guru sementara yang telah lama berkhidmat di Sabah telah diberhentikan dari perkhidmatan masing-masing, dan jika sedar, berapa ramai-kah telah terlibat dan mengapa; adakah tindakan itu juga melibatkan guru-guru sementara seluruh Malaysia, dan jika ya, berapa ramai.

**Dato' Musa bin Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru sementara yang dimaksudkan itu ialah sebenarnya guru-guru sandaran yang berkhidmat atas dasar bulan ke sebulan dan telah diberhentikan pada akhir tahun 1979 apabila guru-guru yang terlatih mengambil tempat mereka. Pada masa ini terdapat seramai 2,650 orang guru sandaran tidak terlatih yang berkhidmat di Sabah. Dari jumlah ini, seramai 1,086 orang sedang menjalani latihan perguruan dalam masa cuti selama tiga (3) tahun untuk membolehkan mereka dilantik ke jawatan tetap.

Pada akhir tahun 1979 seramai 148 orang guru sandaran yang tidak terlatih dan dilantik pada dan selepas tahun 1977 telah diberi notis berhenti kerja sebaik-baik sahaja 461 orang guru-guru terlatih yang telah tamat kursus pada akhir tahun 1979 di tempatkan di sekolah-sekolah di Sabah.

Akan tetapi selepas urusan penempatan guru-guru tersebut berakhir, didapati ujud kekurangan guru-guru untuk mengajar Ilmu Hisab, Sains, Bahasa Malaysia dan Bahasa China. Oleh yang demikian, pada awal tahun 1980 seramai 117 orang guru sandaran tidak terlatih, kebanyakannya terdiri daripada guru-guru sandaran yang diberhentikan itu, dilantik semula untuk mengisi kekosongan tersebut.

Perlu dinyatakan disini bahawa perlantikan guru-guru sandaran adalah pada dasar sebulan ke sebulan dan Kementerian ini tidak menjamin bahawa mereka boleh diambil sebagai guru tetap memandangkan bahawa mereka tidak mempunyai latihan perguruan. Malah, Kementerian berhak menamatkan perkhidmatan seorang guru sandaran sekiranya perkhidmatannya tidak diperlukan lagi. Amalan ini juga adalah dipakai di Semenanjung Malaysia.

### **RUSUHAN DI ALOR STAR— PENAHANAN 92 ORANG**

**38. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Undang-undang menyatakan mengapa Timbalan Pendakwa Raya, Encik Abdul Malik Haji Ishak, tidak membantah apabila 92 orang dapat dijamin keluar di Mahkamah Tinggi atas tuduhan melakukan kekacauan, merosakkan harta benda kerajaan dan memukul pegawai-pegawai polis di Wisma Negeri, Alor Star, pada 23hb Januari 1980, jam 8.30 pagi hingga 6.30 petang dan sama ada beliau bersetuju bahawa orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan ini sepatutnya tidak boleh dijamin keluar dari segi undang-undang.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Pada 24-1-80 ketika 92 orang yang dituduh itu dipertuduh di Mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya telah membantah permohonan supaya mereka dijamin atas alasan keadaan keselamatan di mana pada masa itu perintah berkurung, yang tidak ditetapkan bila tamatnya, telah disyitiharkan di Kawasan Majlis Perbandaran

Alor Star. Bantahan itu diterima dan kesemua orang yang dituduh itu tidak dibenarkan supaya dijamin.

Bagaimanapun, pada 31-1-80 ketika mereka dihadapkan semula ke Mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya, setelah berunding dengan Jawatankuasa Keselamatan Negeri mengenai keadaan keselamatan itu, tidak menentang permohonan supaya mereka dijamin. Pada masa itu perintah berkurung telah dibatalkan dan keadaan di kawasan itu telah menjadi tenang seperti sediakala.

91 orang di antara mereka telah dilepaskan dengan jaminan sebanyak \$2,000/- dengan seorang penjamin tiap-tiap seorang dan yang seorang lagi dijamin sebanyak \$3,000 dengan seorang penjamin. Jumlah jaminan yang diberi oleh Timbalan Pendakwa Raya ini adalah wajar memandangkan kepada jenis kesalahan yang mereka lakukan. 91 orang di antara yang dituduh itu telah dipertuduh di bawah seksyen 147 Kanun Keseksaan kerana merusuh, iaitu kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh sampai 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Seorang telah dipertuduh di bawah seksyen 148 Kanun Kesiksaan kerana memiliki sebilah pisau pada masa rusuhan itu, iaitu kesalahan yang boleh sampai 5 tahun atau denda atau kedua-duanya. Walaupun kedua-dua kesalahan itu tidak boleh dijamin (iaitu pada hakikatnya jaminan tidak boleh diberi), tetapi mengikut amalan jaminan biasanya dibenarkan oleh Mahkamah pada menjalankan bidangkuasanya di bawah seksyen 388 Kanun Tatacara Jenayah.

Memandangkan kepada amalan itu dan kepada kenyataan bahawa ancaman terhadap keselamatan tidak wujud lagi di kawasan itu, Timbalan Pendakwa Raya berpendapat adalah wajar baginya tidak menentang permohonan supaya mereka dijamin; dan oleh kerana itu adalah sah di segi undang-undang dan juga di segi fakta bagi beliau mengambil tindakan sedemikian.

### **YAYASAN PENGAJIAN TINGGI ISLAM, KELANTAN**

**39. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah terlaksananya penyelenggaraan rancangan menyerapkan pusat pengajian

tinggi Islam, Kelantan, Nilam Puri, ke dalam Universiti Malaya sebagai Fakulti-fakulti Islam mengikut jurusan-jurusan yang ditentukan. Sila butirkan anggaran perbelanjaan dan hal-hal yang bersangkutan dengannya.

**Dato' Musa bin Hitam:** Cadangan untuk menyerapkan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) Nilam Puri ke dalam Universiti Malaya sedang dikaji oleh sebuah Lembaga Pengajian yang telah ditubuhkan oleh Senet Universiti. Lembaga Pengajian tersebut akan mengemukakan laporannya kepada Senet dan Majlis Universiti untuk pertimbangan serta kelulusan pihak-pihak tersebut pada akhir bulan April yang akan datang ini. Di antara cadangan-cadangan yang dikemukakan ialah untuk menubuhkan dua fakulti iaitu Fakulti Usuluddin dan Fakulti Syariah pada peringkat permulaannya. Sekiranya cadangan ini diluluskan oleh Senet dan Majlis Universiti, pengambilan penuntut-penuntut bagi kedua-dua fakulti tersebut di atas akan bermula pada bulan September yang akan datang ini.

Butir anggaran perbelanjaan untuk projek ini, termasuk kos tanah belum dapat dijelaskan di peringkat ini. Peruntukan mengenai belanjawan akan disenaraikan dalam laporan Lembaga Pengajian tersebut.

#### HUKUMAN PENJARA SEUMUR HIDUP—BILANGAN

**40. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan orang-orang yang dihukum seumur hidup dibawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat Tambahan) 1971.

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** 16 orang telah dihukum penjara seumur hidup di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 semenjak Akta tersebut mula berkuatkuasa pada 8-7-74.

#### ASEAN TERHADAP KUASA BESAR

**41. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, memandang keadaan keamanan dan politik dunia pada dewasa ini, adakah ASEAN menyebelahi salah satu belok Kuasa Besar, atau akan tetap dengan dasar aman bebas dan berkecuali.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Malaysia tidak akan menyebelahi mana-mana belok Kuasa Besar dan akan tetap berpegang teguh kepada dasar aman, bebas dan berkecuali. Sayugia diingatkan dengan menyebelahi mana-mana belok Kuasa Besar, kita memburukkan lagi keadaan keamanan dan politik dunia kerana dengan tindakan itu kita menggalakkan perlumbaan mencari pengaruh antara Kuasa-kuasa Besar itu.

#### ORANG-ORANG TAHANAN—RAYUAN

**42. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejak tertubuhnya Lembaga Penasihat pada 1hb Januari, 1977, berapakah jumlah rayuan yang diterima dari orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, dan Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 untuk dipertimbangkan dari jumlah ini berapa pula yang telah mendapat pertimbangan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Jumlah rayuan-rayuan yang diterima oleh Lembaga Penasihat dari orang-orang tahanan sejak tahun 1977 adalah:

(a) Di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969 adalah seperti berikut:

Tahun	Rayuan
1977 ... ..	447
1978 ... ..	124
1979 ... ..	94
1980 (sehingga 29-2-80) ...	22
	<hr/>
	JUMLAH 687
	<hr/>

(b) Di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 adalah seperti berikut:

Tahun	Rayuan
1977 ... ..	144
1978 ... ..	74
1979 ... ..	135
1980 (hingga 29-2-80) ...	16
	<hr/>
	JUMLAH 339
	<hr/>

Semua rayuan-rayuan ini telah dipertimbangkan dan 9 orang dari yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 telah dibebaskan. Walaubagaimana pun tidak ada pembebasan bagi mereka yang ditahan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

### **HOSPITAL DAERAH KOTA TINGGI— DOKTOR PERGIGIAN**

**43. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Hospital Kota Tinggi memerlukan 8 orang doktor dan seorang doktor gigi dan sekarang hanya 3 orang doktor dan tiada doktor gigi. Jika sedar, bilakah doktor-doktor ini akan dihantar bertugas di Hospital Daerah Kota Tinggi.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Kementerian ini sedar tentang kedudukan pengisian jawatan pegawai perubatan dan pegawai pergigian di Hospital Kota Tinggi. Oleh kerana terdapat kekurangan pegawai-pegawai perubatan, maka buat masa ini Kementerian ini tidak dapat menghantar pegawai perubatan ke Hospital Daerah Kota Tinggi. Walau bagaimanapun, Kementerian harap akan dapat menghantar pegawai Perubatan tambahan ke Hospital tersebut pada bulan Mei apabila kedudukan bertambah baik.

Jawatan pegawai pergigian itu akan diisi pada 1hb April, 1980.

### **PELAJARAN BAGI ANAK-ANAK PEGAWAI KEDUTAAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI**

**44. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa memandangkan kesusahan yang dialami oleh anak-anak pegawai Kedutaan Malaysia di luar negeri dan memandangkan di setengah-setengah negeri bahasa Inggeris tidak menjadi bahasa penghantar di sekolah-sekolah, sama ada beliau akan mengkaji dasar yang ada sekarang untuk menghantar guru-guru dari Malaysia untuk mengajar anak-anak pegawai Kedutaan kita sepertimana yang dilakukan oleh setengah-setengah kedutaan asing di luar negeri. Jika tidak, mengapa.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kami di atas perhatian positif yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat terhadap kesulitan-kesulitan mengenai pelajaran anak-anak pegawai kita yang bertugas di perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri.

Walaupun bagaimanapun, suka saya menjelaskan iaitu tidaklah perlu guru-guru dari Malaysia ditempatkan di perwakilan-perwakilan kita di luar negeri memandangkan bahawa bilangan anak-anak yang dalam lingkungan umur persekolahan adalah tidak begitu ramai di sesuatu perwakilan. Di samping itu, masalah yang lebih besar dan yang paling menonjol ialah bersabit dengan yuran sekolah yang terlalu tinggi dan juga kesulitan di setengah-setengah tempat kerana kekurangan kemudahan-kemudahan persekolahan.

Di dalam hubungan ini, Kementerian saya telahpun menyediakan satu kertas lengkap yang meliputi segala masalah dan kesulitan yang dihadapi beserta dengan cadangan-cadangan yang berpatutan untuk dipertimbang dan diluluskan oleh Kerajaan. Saya penuh yakin bahawa pihak-pihak yang berkenaan akan memberi pertimbangan yang positif supaya kesulitan pelajaran anak-anak pegawai kita yang bertugas di perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri akan dapat diatasi dengan secepat mungkin dan saksama.

### **BANGUNAN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN KAMPUNG BARU KENINGAU**

**45. Datuk Stephen Robert Evans** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar iaitu bangunan Sekolah Rendah Kebangsaan di Kampung Baru Keningau telah terbiar bertahun-tahun tanpa disiapkan oleh kontraktor berkenaan dan barang-barang yang digunakan berkeadaan reput; jika sedar apakah tindakan positif yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap kontraktor yang memungkirkan perjanjian mereka dan melambat-lambatkan pembinaannya.

**Dato' Musa bin Hitam:** Dalam menjawab soalan Yang Berhormat ini suka saya memaklumkan bahawa Jabatan Pelajaran Sabah telahpun mengambil tindakan positif terhadap kontraktor berkenaan dan kini pihak

Jabatan Kerjaraya mempelawa tawaran semula. Di masa-masa akan datang, Kerajaan akan lebih berhati-hati terhadap kemampuan kontraktor-kontraktor ketika menerima tender.

### UNIT KAWALAN KAWASAN DI CHANGLON

**46. Tuan Seow Hum Khim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ahli-ahli U.K.K. yang ditugaskan di tempat pemeriksaan Polis di Changloon didapati berlagak kasar kepada pemandu-pemandu lori yang mengangkat ikan dari negeri Thai dan sebilangan ahli-ahli U.K.K. itu didapati mabuk semasa menjalankan tugas mereka dan mengugut pemandu-pemandu lori dengan senapang mereka. Jika ya, apakah langkah-langkah positif yang akan diambil untuk memastikan pemandu-pemandu lori tidak akan diganggu dan diugut oleh ahli-ahli U.K.K.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Unit Kawalan Kawasan (U.K.K.) tidak pernah ditugaskan bagi menjalankan kerja-kerja memeriksa di tempat pemeriksaan Polis di Changloon dan tidak ada sebarang laporan dibuat terhadap Unit Kawalan Kawasan (U.K.K.) sebagaimana Ahli Yang Berhormat katakan itu.

### SURAT LAYANG—LAYANAN

**47. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau ada menerima sepucuk surat bertarikh 14hb November, 1979 dari Ipoh yang dikatakan telah ditulis oleh Ahli-ahli Setia UMNO yang mengandungi maklumat-maklumat menuduh bahawa beliau, Menteri Kewangan dan Menteri Pelajaran telah dipengaruhi oleh seorang tokoh UMNO, Haji Mohd. Taib bin Abdul Hamid—Ketua UMNO Bahagian Kinta, yang dituduh dalam surat itu sebagai seorang Komunis, jika ya, adakah beliau merujuk perkara ini kepada pihak Polis dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk siasatan lanjut; dan
- (b) sama ada maklumat-maklumat yang setakat manakah pernyataan-penyataan dan tindakan-tindakan beliau dipengaruhi oleh orang ini.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed):** Bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan, ingin ditegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak melayan sebarang bentuk "Surat Layang". Jika Kerajaan melayani surat-surat sedemikian rupa, maka pentadbiran Kerajaan akan mengalami satu keadaan kelam-kabut.

Ini adalah kerana kemungkinan penulis surat ingin menyibar fitnah. Dengan diadanya soalan dalam Dewan ini maka fitnah itu akan tersibar lebih luas. Dengan perkataan lain kebebasan Dewan ini boleh diperalatkan oleh orang-orang tertentu untuk melindungi diri dari tindakan undang-undang. Mungkin pula penulis merancang supaya surat layangnya disoal dalam Dewan ini dan dengan itu kandungan surat itu disibar dengan luas.

Kerajaan tidak sanggup diperalatkan oleh penulis atau penyoal dalam perkara yang boleh mencemarkan kemuliaan Dewan ini.

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan, 1967, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL**

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mem-

persembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucap-kan berbanyak-banyak syukur dan men- junjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa mem- buka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima”. (18hb Mac, 1980)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Ber- hormat, waktu Dewan ini ditangguhkan se- malam Ahli Yang Berhormat dari Petaling sedang menyampaikan ucapannya sudah 45 minit dan mengikut katanya ada sedikit lagi hendak disambung, jadi saya jemput Ahli Yang Berhormat itu menyambung ucapannya.

3.38 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, semalam waktu Dewan ini ditangguhkan, saya ada menyebut mengena keyakinan ibu bapa yang mahu anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah dengan bahasa ibunda dan keinginan ini boleh didapati daripada angka-angka daripada tahun 1971 kepada tahun 1978.

**JUMLAH BILANGAN MURID SEKOLAH RENDAH BANTUAN DI SEMENANJUNG MENGIKUT ALIRAN UNTUK KAUM CINA BAGI TAHUN 1971-1978**

<i>Tahun</i>	<i>Aliran Bahasa Malaysia</i>	<i>Aliran Bekas Bahasa Inggeris</i>	<i>Aliran Cina</i>
1971	1,447	113,843	409,980
1972	1,648	103,675	431,018
1973	1,821	95,219	445,406
1974	1,033	84,273	458,788
1975	1,720	75,364	472,980
1976	1,610	70,075	478,849
1977	1,754	66,854	484,198
1978	2,106	64,916	486,710

Dan ini menunjukkan bahawa ada penam- bahan kemasukan pelajar-pelajar untuk sekolah-sekolah Bahasa Cina. Sudah semesti-nya ada yang mengatakan angka ini menun- jukkan kaum Cina Malaysia tidak taat setia kepada Malaysia. Saya katakan seandainya Malaysia akan gagal di dalam proses pem- binaan negara, ini adalah disebabkan pelam-

pau dan taasub ini. Sebenarnya, adalah sungguh malang bagi Dewan ini pada akhir tahun 1978, seorang Yang Berhormat yang sekarang di dalam Parti BERJAYA di Sabah meminta agar sekolah Cina dan Tamil di- hapuskan. Yang Berhormat ini telah dialu- alukan sebagai “Great Catch” oleh pemim- pin-pemimpin Parti BERJAYA, di mana

dengan tindakan mereka, memberi sokongan dan mengesahkan yang ucapan tersebut telah dibuat dengan pengetahuan dan persetujuan pemimpin tertinggi BERJAYA dari mula lagi. Walaupun tuntutan yang demikian adalah menghasut kerana melanggar salah satu dari empat perkara sensitif yang termaktub, tidak ada sebarang tindakan telah diambil untuk mendakwa Yang Berhormat ini sedangkan satu report polis yang rasmi telah dibuat. Ini telah membuat seseorang itu bertanya sama ada Peguam Negara telah melaksanakan budi bicaranya dengan kebebasan kehakiman atau hanya dipandu oleh pertimbangan politik.

Walau apa sekalipun, kewujudan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 adalah merupakan sebilah pedang di dalam hati pelajaran orang-orang Cina dan khasnya sekolah rendah Cina dan sejak tahun enam puluhan ia telah menjadi tujuan badan-badan pelajaran Cina dan masyarakatnya untuk membatalkan ceraihan kecil ini.

Saya masih teringat dalam tahun 1975 saya telah mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian di dalam Dewan ini untuk membatalkan ceraihan kecil ini tetapi pembangkang di barisan depan adalah Menteri-menteri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk MCA, SUPP, GERAKAN dan MIC. Parlimen masa itu telah diberitahu yang Fasal 21 (2) tidak akan dilaksanakan dan tidak ada sebab untuk takut.

Namun selepas Laporan Jawatankuasa Kabinet diumumkan, yang sangat tidak memuaskan hanya membenarkan kewujudan sekolah-sekolah Cina dan Tamil "buat sementara waktu" yang menimbulkan pertanyaan sejauh manakah masa yang dikatakan "buat sementara waktu"—pemimpin MCA telah menjelajah serata negara menyatakan yang mereka telah berjuang untuk mempertahankan kedudukan sekolah-sekolah rendah Cina berubah daripada kedudukan sekarang. Pemimpin MCA mengatakan yang adanya kuasa pelampau yang menghendaki sekolah rendah Cina ditukarkan.

Jika seandainya ini benar, maka apa yang diyakinkan dan disuarakan oleh Menteri-menteri dan pemimpin Barisan Nasional dan MCA yang rakyat harus tidak patut rasa

takut dengan Fasal 21 (2) adalah bohong semata-mata. Juga ianya akan menguatkan hujah bahawa Fasal 21 (2) tidak boleh dibenarkan wujud dalam buku-buku statute jika sekiranya sekolah-sekolah rendah Cina diberikan tempat yang sewajarnya dalam sistem pelajaran kita. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Pelajaran bercadang mengemukakan berbagai-bagai pindaan kepada Akta Pelajaran tahun 1961 untuk melaksanakan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet. Jika beliau berniat demikian, maka saya mengesyorkan kepada beliau dengan penuh seriusnya supaya beliau memasukkan satu pindaan untuk memansuhkan Fasal 21 (2).

Cadangan untuk memperluaskan kuasa Pendaftar Besar Sekolah-sekolah berkait dengan sekolah-sekolah persendirian dipandang dengan bimbang oleh badan-badan pendidikan Cina kerana kuasa-kuasa tersebut akan menaklukkan Sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina (Chinese Independent Secondary Schools) kepada bidangkuasa Pendaftar tersebut.

Pemimpin-pemimpin MCA telah berkata bahawa kuasa-kuasa tambahan yang akan diberikan kepada Pendaftar Besar Sekolah-sekolah seperti memberikan beliau kuasa untuk menutup mana-mana sekolah-sekolah persendirian yang tidak terdaftar ataupun melanggar mana-mana syarat pendaftaran; memberikan kuasa untuk beliau mempunyai kata putus dalam menentukan sama ada sebuah badan atau pertubuhan harus dianggap sebagai sebuah sekolah persendirian; mengawasi kurikulum, kuran, bahasa penghantar dan peperiksaan-peperiksaan yang dilakukan oleh sekolah-sekolah persendirian, ke semua kuasa-kuasa ini tidak akan digunakan untuk sekolah-sekolah menengah bebas Cina.

Saya meminta Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk membuat satu kenyataan yang terus-terang apabila beliau menggulung perbahasan ini bahawa tuntutan MCA itu merupakan satu dasar Kerajaan, dan dalam sebarang pindaan kepada undang-undang yang memberikan kuasa-kuasa yang lebih kepada Pendaftar Sekolah-sekolah dan Guru-guru, akan terdapat satu fasal yang mengecualikan sekolah-sekolah menengah bebas Cina dari bidangkuasa Pendaftar Besar.

Pengajaran bahasa ibunda iaitu Pupil's Own Language (P.O.L.) dalam sekolah-sekolah Kerajaan adalah amat scandalous apabila kita menimbang peruntukan undang-undang yang menghendaki bahawa apabila terdapat 15 pelajar-pelajar yang ingin belajar bahasa ibunda, baru sahajalah pengajaran dalam bahasa tersebut akan diadakan.

Berbagai-bagai cadangan untuk memperbaiki pengajaran Pupil's Own Language adalah sangat superficial dan tidak akan menyelesaikan masalah pokok mata pelajaran tersebut. Partai DAP mencadangkan bahawa Pupil's Own Language atau bahasa ibunda harus diwajibkan untuk semua murid-murid kita dan sekiranya ada murid-murid yang tidak mahu mempelajari bahasa ibunda mereka, maka ibubapa mereka hendaklah dikehendaki menandatangani satu kenyataan yang mengatakan yang mereka tidak mahu belajar bahasa ibunda mereka. Jika seandainya Kerajaan ikhlas akan jaminan Perlembagaan mengenai kegunaan dan pelajaran bebas lain-lain bahasa, maka ia boleh dengan mudahnya melaksanakan cadangan DAP ini untuk menjadikan bahasa ibunda (Pupil's Own Language) sebagai satu mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah rendah dan Menengah Kebangsaan.

Di peringkat ini tidak mungkin kita dapat membahaskan dengan detail Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajaran yang setebal 310 muka dan saya bercadang kepada Menteri Pelajaran untuk memperuntukkan satu masa supaya perbahasan boleh diadakan ke atas Laporan tersebut supaya semua Ahli-ahli Parlimen menumpukan perhatian mereka ke atas sistem pelajaran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah dengan secara kasar membicarakan beberapa faktor-faktor penting yang menghalang dan membantut perpaduan negara yang timbul dari segi kelas, hak-hak manusia, ugama, kebudayaan dan perkauman. Masalah-masalah ini boleh dibiarkan sahaja dengan mengakibatkan perpecahan perpaduan negara yang akan menjadi lebih rumit di dalam menghadapi tekanan-tekanan luar dan kemelesetan ekonomi.

Dari segi ekonomi, Malaysia adalah sangat bertuah kerana komoditi-komoditi kita mendapat harga antarabangsa yang tinggi. Akan

tetapi seandainya kita membayangkan satu scenario di mana harga komoditi-komoditi kita jatuh dan negara kita menghadapi ancaman dan cabaran luar saya bimbang memikirkan betapakah ketahanan (resilience) dan perpaduan negara kita dapat menghadapi krisis kebangsaan sedemikian.

Ini adalah sebab-sebab yang lebih mustahak agar kita bersungguh-sungguh membina perpaduan negara dan ketahanan di kalangan rakyat semoga boleh menghadapi krisis atau ancaman biar apapun kemungkinannya.

Inilah kenapa sebabnya saya menyeru kepada semua pemimpin-pemimpin negara agar menggembelikan tenaga dan usaha untuk menjadikan tahun 1980an satu Dasawarsa Perpaduan dan reconciliation yang akan menyatupadukan rakyat dari berbagai kaum menjadi satu bangsa dan satu negara dengan memberikan penghormatan sewajarnya kepada aspirasi-aspirasi sah semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia hidup di dalam waktu "borrowed time". Kita mestilah menggunakan "borrowed time" ini untuk kegunaan yang baik supaya rakyat Malaysia menjadi penentu nasibnya sendiri melalui pengertian kesedaran kebangsaan bersama dan identiti bersama.

Dalam pada ini saya ingin menyeru Kerajaan untuk memperkenalkan kerahan tenaga (national service) bukanlah untuk tujuan tentera sahaja tetapi lebih mustahak kerana ia adalah satu acuan (crucible) untuk meletakkan semua belia Malaysia membentuk mereka bersama menjadi satu model warganegara Malaysia, bukan hanya sebagai Melayu, Cina, India, Iban atau Kadazan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.50 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Junjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli dari Keningau.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah dengan penuh perasaan yang menitikberatkan kepada betapa mustahaknya penyertaan dan sokongan rakyat kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda telah menyentuh iaitu ada segolongan kecil yang telah terpesong di dalam bidang menyebarkan siar Islam kerana kekurangan pengetahuan, pengertian dan pengalaman mengenai apa yang sebenarnya disuruh oleh ugama Islam. Golongan ini sanggup melihat orang Islam berpecah belah kerana baru-baru ini iaitu pada 23hb Februari satu demonstrasi telah terjadi di Alor Star. Wisma Negeri yang tidak berdosa dilontar sehingga pecah tingkap-tingkap cermin, pasu-pasu bunga dipecah, kaunter di sebelah bawah bangunan diangkat dan dibuang. Syukurlah kepada Allah kerana tiada jiwa yang hilang. Walau bagaimanapun pihak polis dapat mengawal dan akhirnya pulih seperti sedia kala.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh berasa sedih pada petang semalam iaitu Ahli dari Petaling telah membuat rayuan supaya mereka yang telah dihukum mati kerana kesalahan memiliki senjata diberi pertimbangan dan diberi penjara seumur hidup. Pada pendapat saya jika perkara begini dibenarkan mungkin banyak pembunuhan akan berlaku dan lebih ganas mereka-mereka yang memiliki senjata akan melakukan kekejaman. Jika seseorang itu sanggup membunuh apa pula bila sampai gilirannya dia tidak sanggup menerima mati. Pada fikiran saya Kerajaan terpaksa tidak membenarkan perkara ini. Kita tahu Kerajaan sekarang telah banyak membuat pembangunan-pembangunan. Segala pembangunan-pembangunan hendak dicepatkan kepada rakyat jelata dan dengan rayuan yang dibuat oleh Ahli dari Petaling tadi bukan kita terpaksa membuat banyak pembangunan tetapi terpaksa pula membuat banyak penjara untuk mengisi orang-orang ini. Saya membangkang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh berterima kasih dan bangga di atas usaha Kerajaan menarik pelaburan di dalam dan di luar negeri untuk membuka kilang-kilang perusahaan di negara kita. Dengan ini

pengangguran dapat dikurangkan. Sungguhpun begitu saya harap pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat patut kaji di atas pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja kilang. Saya berpendapat amatlah tidak patut dengan keadaan harga barang yang naik sehari demi sehari, ini patut diambil kira. Dengan tidak sampai \$3 sehari cubalah kita hitung, itu yang hendak dimakan, itu yang hendak dibeli pakaian dan itu pula yang hendak dibayar sewa tempat tinggal. Saya mencadangkan gaji pekerja kilang sudah sampai masa untuk dinaikkan dan patut majikan di bidang ini diberi nasihat. Biarlah majikan dan pekerja dapat hidup dalam aman dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Kementerian Pertanian di atas usaha-usaha membantu dan meninggikan taraf pak tani-pak tani dan nelayan-nelayan dengan cara memberi subsidi baja kepada petani dan pukut serta enjin kepada nelayan. Sungguhpun begitu kita banyak ada lagi kawasan-kawasan bendang yang belum dapat taliair yang sempurna untuk dapat menanam padi dua kali setahun. Begitu juga ban-ban untuk mencegah air masin seperti di Bukit Kecil Simpoh dan juga Sungai Layar, Sungai Petani.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa bangga di atas usaha-usaha Kerajaan untuk membanyakkan rumah-rumah kos rendah iaitu rumah murah kepada rakyat. Tetapi yang anihnya rumah-rumah ini diberi kepada orang-orang yang bergaji \$500 ke bawah. Yang bergaji \$500 ke atas tidak dapat diberi pertimbangan. Inipun susah juga kerana banyak pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan Kerajaan seperti guru, kerani dan lain-lain bidang tidak dapat memiliki rumah-rumah kos rendah ini. Saya mencadangkan patutlah Kerajaan menimbang dan membuat rumah-rumah kos rendah yang dapat dimiliki oleh golongan-golongan ini yang \$500 ke atas gajinya kerana harga \$30,000 dan \$40,000 yang dikatakan rumah kos rendah yang dibuat oleh swasta tidak dapat dibeli oleh rakyat yang serupa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patutlah saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam di atas pemasangan paip-paip sementara di kawasan yang tidak ada bekalan air paip di rumah-rumah di musim kemarau baru-baru ini. Saya harap pihak JKR

janganlah ambil atau buka balik paip-paip ini sehingga satu masa yang patut diberi tahu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa satu tegurun patut dibuat kepada Kementerian ini berkenaan dengan bangunan-bangunan seperti bangunan sekolah dan juga lain-lain bangunan di bawah kelolaan JKR. Misalnya sebuah sekolah rendah kebangsaan Kota Kuala Muda yang tarikh mulanya Mac 1978 sehingga sekarang Mac 1980 sudah dua tahun masih belum siap. Kerja-kerja membuatnya sudahlah tidak siap sekarang pula kerja-kerja pun diberhenti, tidak ada pula tukang-tukang atau kontraktor yang menjaga bangunan-bangunan itu. Saya rasa pihak JKR masa hendak tender dan juga masa hendak beri tahu tarikh untuk disiapkan bangunan itu mestilah tepat kerana masa dua tahun untuk membangunkan sebuah sekolah pada fikiran saya tentulah terlalu lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh kepada Kementerian Kesihatan iaitu kesihatan individu juga kesihatan keluarga. District Hospital Sungai Petani patut dinaikkan taraf memandangkan ramainya rakyat jelata yang menggunakan hospital itu. Penduduknya telah meningkat kepada 80,000 orang. Orang-orang lain yang bukan daripada Sungai Petani, katalah dari Baling, dari Sik, dari Yan semuanya datang ke hospital ini. Saya menyokong Saudara saya Yang Berhormat dari Kangar berkenaan dengan bidan. Di hospital Sungai Petani sangat kurang bidan. Baru-baru ini saya diberi tahu satu perkara ini kadang-kadang bidan-bidan yang bekerja sampai tidak sempat makan bila masa tiba kelahiran bayi. Sudahlah tiba masanya Hospital Sungai Petani ini sungguhpun hospital daerah tetapi memandangkan kepada penduduk yang begitu ramai patutlah ditambah jururawat dan mustahaknya bidan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya tertarik kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya rakyat bersatu padu dan menghapuskan sifat perkauman dan berpuak-puak. Dengan perpaduan sahajalah dapat kita hidup aman, makmur dan berbahagia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama kawan-kawan saya dari Barisan Nasional mengucapkan tahniah kepada Pasukan Keselamatan yang telah menjalankan tugas mempertahankan tanahair daripada

ancaman sabversib dan komunis. Saya rasa alat senjata moden yang sesuai untuk digunakan dibekalkan kepada Pasukan Keselamatan kita supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih efektif. Pemberian saguhati yang lebih daripada yang diberi sekarang patut dipertimbangkan memandangkan pengorbanan jiwa mereka di waktu menjalankan tugas.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di masa ini lebih bahaya daripada masa yang lampau kerana perangkap samar pada masa ini lebih banyak digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan saguhati yang lebih dan peluang bekerja kepada anggota pasukan keselamatan yang tercedera dan yang cacat diberi peluang bekerja di dalam jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah dan saya menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

4.01 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama untuk menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, pada hari ini saya sungguh berasa terperanjat menengok sikap Ketua Parti Pembangkang dari Petaling di dalam akhir-akhir ucapannya tadi. Pada satu ketika beliau berkehendakkan negara ini tidak ada dikatakan Melayu, Cina, dan India dan hendaklah merupakan satu jenis bangsa sahaja daripada pengertiannya, tetapi sebelum daripada itu pula beliau membangkitkan masalah bahasa Cina. Saya nampak pemikiran pihak parti Pembangkang ini sudah confuse; dia sendiri tidak faham apa yang dia cakap.

Pada pandangan saya sekarang kita semua sudah tahu, Tuan Yang di-Pertua, sistem pelajaran yang ada sekarang, Dasar Pelajaran yang ada sekarang ialah menuju ke arah perpaduan akan sepatutnyalah sudah 22 tahun kita merdeka masalah bahasa

Ibunda ini jangan lagi dijadikan Isu politik. Kita ingat pada tahun yang lepas DAP bawa masalah Universiti Merdeka. Sudah diberi peluang untuk dia bawa dia tarik balik. Tahun ini pula dibangkit masalah bahasa Cina, Sekolah-sekolah Rendah Cina dan hendak minta sistem pelajaran diubah-ubahkan. Jadi, saya rasa satu dasar yang pandangannya cukup cetek dan seolah-olah parti DAP ini perjuangannya macam sudah hilang modal sama ada pihak parti DAP telah membuat kajiannya ataupun tidak di kalangan anak-anak muda daripada keturunan kaum Cina yang ada di dalam negara kita ini, menerimakah atau tidak apa yang mereka laung-laungkan. Sebab itulah saya salah seorang daripada Ahli Parlimen seperti Ahli-ahli Parlimen DAP yang ada di Kuala Lumpur ini memintalah ataupun ingin menegur secara jujur dan ikhlas kepada konsep perjuangan parti DAP jangan lagi membangkitkan masalah bahasa ibunda menjadi isu politik yang kita semua tahu boleh memecah-belahkan rakyat yang berbilang kaum di dalam negara kita ataupun ucapan-ucapan ini boleh menakutkan generasi muda yang akan melengahkan hasrat mencapai perpaduan negara lambat matlamatnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat berasa kesal dan sekali-kali membantah cadangan daripada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengenai Dasar Pelajaran mengenai bahasa yang disebutkan bahasa Ibunda tadi.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan daripada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah masalah kestabilan politik. Ini juga ada kaitannya, Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab saya menentang kehendak-kehendak parti DAP masalah bahasa Cina tadi. Bukan tidak ada peruntukan di dalam Perlembagaan, memang sudah ada, apa yang hendak kita besar-besarkan, ini dia masalah saya. Jangan pula parti DAP menggunakan isu ini saya menentang bahasa Cina. Ini saya hendak betulkan rekod. Saya tidak mahu bahasa Cina menjadi isu politik ini hendak dijelaskan. Benda itu memang sudah ada peruntukannya di dalam Perlembagaan. Kita hendak mencapai kestabilan politik di dalam negara ini maka dengan itu hendaklah kita memahami sedikit semangat pengorbanan . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** *(Bangun)*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** *(Kepada Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim)* Nanti sekejap!

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Setapak.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat dari Setapak boleh memberitahu Dewan ini kalaulah seseorang wakil rakyat ataupun seseorang rakyat biasa bila mempersoalkan ataupun membangkitkan sesuatu perkara yang ada terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia, umpamanya, di bawah Fasal 152 adalah merupakan satu tindakan untuk memecah-belahkan perpaduan negara kita. Umpamanya, masyarakat kita khasnya masyarakat Melayu—UMNO yang biasanya ada menyentuh Bahasa Malaysia ini juga merupakan satu bahasa ibunda. Maka apakah salahnya bagi kita di Dewan yang mulia ini untuk membangkitkan dan menarik perhatian Dewan yang mulia tentang bahasa ibunda sepertimana yang dijamin di dalam Perlembagaan 152. Ini tidak bermakna untuk memecah-belahkan perpaduan negara kita. Ini adalah menarik dan menolong Kerajaan menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa di negara kita.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakapkan tadi mereka ini tidak faham. Bukan tujuan saya katakan hendak memecah-belahkan, saya tahu perkara itu memang sudah ada di dalam peruntukan Perlembagaan. Tidak payah dibesar-besarkan di dalam Dewan. Kita semua telah menerima, kita menghormati bahasa, saya tidak menuduh . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya ingin membuat penjelasan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Chan Teck Chan:** Yang sebenarnya, saya tidak hendak membesarkan isu mengenai bahasa ibunda kerana bahasa ibunda Tamil dan Cina adalah menghadapi satu delima dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan kita dalam usaha pembangunan negara (nation-building) kita. Sebab itu DAP sebagai parti yang bertanggungjawab harus mahu menyampaikan

aspirasi rakyat dan menyampaikan penderitaan rakyat kepada Dewan yang mulia ini supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan segala penyelewengan. Ini adalah demi kepentingan perpaduan negara kita.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat tidak bersetuju di atas teguran itu. Saya faham tujuan Ahli Yang Berhormat, tetapi penyampaiannya pada hari ini saya tidak boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tegaskan saya tetap tidak bersetuju dengan pendapat DAP membangkit-bangkit isu bahasa di dalam keadaan negara kita ini. Kita telah merdeka 22 tahun perkara ini telah berjalan dengan baik, matlamat kita ialah hendak mencapai perpaduan. Itu soal pokok yang saya tidak bersetuju. Bukan saya menentang penggunaan bahasa Cina—itu hendaklah difahamkan.

**Tuan Chan Teck Chan:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Nanti yang Berhormat (*Kepada Tuan Haji Mohd. Idris*) duduk dulu!

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini penjelasan. . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya ingin mendapat penjelasan adakah Ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa bila kita menyentuh sesuatu bahasa ibunda ini adalah satu penghalang terhadap perpaduan negara kita. Adakah bahasa ibunda merupakan satu isu sensitif yang tidak boleh dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini? Adakah ini merupakan satu perkara yang menjadi larangan yang tidak boleh disebut-sebutkan oleh rakyat Malaysia yang ada dijamin di dalam Perlembagaan Malaysia? Saya harap Yang Berhormat boleh memberi jawapan dan memberi satu penjelasan.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan tadi, kita tidak ada menahan sesiapa hendak membincangkan masalah bahasa dalam Dewan yang mulia ini tetapi cara penyampaiannya itu yang saya tidak bersetuju yang diterangkan—cara penyampaian, ini yang saya tidak bersetuju telah dibangkit-bangkitkan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau benda itu di bawah Kementerian Pelajaran tidak apa tetapi ini Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak mencapai perpaduan, masa keadaan itu tidak sesuai. Sebab itu saya menentang ucapan Ketua Parti Pembangkang tadi, masalah bahasa ini dibangkitkan dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong, itu yang saya tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Jangan salah faham sahabat saya dari Kota Melaka. Cukupkah penjelasan saya?

**Tuan Chan Teck Chan:** Cukup.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Terima kasih. Sekarang perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi masalah kestabilan politik. Ini juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan kita yang menitikberatkan kestabilan politik di Malaysia ini memandangkan keadaan keseluruhan dunia pada hari ini khususnya di Tenggara Asia banyak negara-negara yang berdekatan dengan kita yang politiknya tidak stabil, dengan tersendirinya warganegara-warganegara negara-negara tersebut menderita. Kita bersyukur kerana kestabilan politik di dalam negara kita ini, rakyat kita hidup dengan sempurna, hidup dengan keadaan harmoni, cukup makan, kaya-rya.

Ini kita berkehendakkan disiplin di dalam masyarakat. Untuk mencapai perkara ini Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan tadi berkehendakkan pengorbanan daripada semua pihak demi untuk mewujudkan disiplin supaya mendatangkan faedah kepada negara kita yang berbilang kaum, ini yang saya tujukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini tentulah berbagai-bagai pelaksanaan yang mesti diwujudkan oleh pihak Kerajaan. Kita tahu negara kita sebuah negara yang kaya-rya dan kita berkehendakkan pelaksanaan

berjalan dengan baik, dan di sini berkehendakkan jentera yang baik. Untuk mewujudkan jentera yang baik mestilah anggota-anggota jentera itu terdiri daripada warga-negara yang berdisiplin, yang mempunyai maruah tinggi dan yang mempunyai dedikasi. Untuk melaksanakan ini jenteranya pada pandangan saya, ialah kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan.

Dalam perkara ini, sukacitalah saya memberi pandangan, sebab kita tahu dua pertiga daripada pembangunan di dalam negara ini bergantung sangat kepada dedikasi, sokongan dan pengorbanan daripada jentera-jentera pegawai Kerajaan. Memandang perkara inilah maka sayugialah kita dalam Dewan yang mulia ini memikirkan demi untuk mengelakkan supaya negara kita tidak terjerumus ke peringkat yang boleh merosakkan keadaan seperti rasuah, rosaknya disiplin dan hilangnya moral maka sistem pembayaran gaji hendaklah sentiasa dikaji oleh pihak pemerintah terhadap jentera Kerajaan. Kita tahu jentera Kerajaan ini memegang segala kunci dan tampok-tampok dan memegang segala kuasa (power) decision making untuk penentuan. Jadi sewajarnya saya mencadangkan supaya pembayaran gaji kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini hendaklah sentiasa menjadi perhatian daripada pihak Kerajaan kita sendiri, daripada pihak yang bertanggungjawab. Sebab kalau kita kaji, pegawai-pegawai Kerajaan inilah the best paymaster berkenaan dengan cukai, dia tidak boleh lari. Berapa dia dapat buat kira-kira dia tolak, dia tidak dapat sumber-sumber lain. Kalau keadaannya terdesak apa yang kita takut dia terpaksa mencari sumber-sumber lain. Dan apabila dia hendak cari sumber-sumber lain inilah wujudnya rasuah di dalam negara kita daripada peringkat bawah sampai ke peringkat tinggi, dan kalau ini berlaku akan timbullah suatu suasana yang tidak stabil di dalam negara ini. Jadi, kita sebagai ahli-ahli politik hendaklah sentiasa menasihatkan orangramai. Kalau pegawai-pegawai Kerajaan dibayar gaji yang lebih mengikut keadaan inflasi negara, janganlah diperheboh-hebohkan, janganlah kita sendiri pula menghentam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menitikberatkan ini kerana sistem pemerintahan negara kita sangat menitikberatkan usaha-usaha daripada bidang Kerajaan sendiri. Saya percaya dengan

adanya sikap ini dengan tersendirinya badan-badan seperti kesatuan-kesatuan sekerja akan kurang menggunakan tekanan-tekanan dan akan kurang juga pengaruh-pengaruh mereka untuk memutarbelitkan keadaan sekiranya berlaku untuk faedah diri; bukan saya menuduh. Cara sistem ini boleh mengurangkan, boleh mengaman dan mententeramkan suasana kestabilan pentadbiran dan politik di dalam negara kita ini.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, daripada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya sangat tertarik kepada masalah pelaksanaan mempercepatkan pembinaan rumah-rumah untuk orang-orang yang berpendapatan rendah dan juga dalam perkara ini, ada banyak kaitannya dengan masalah-masalah setinggan yang didapati di seluruh negara. Kawasan setinggan, seperti kita semua maklum adalah dianggap satu kawasan slum area—satu kawasan yang sesak, yang tidak teratur, yang selalunya kotor, kesihatannya terancam, kekurangan bekalan api, tidak ada bekalan air dan serba-serbi. Apa yang kita takut ialah kawasan setinggan ini boleh disalahgunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab sebagai pusat untuk mengedar dadah, sebagai pusat untuk mereka menyorok setelah melakukan jenayah, sebab di situ tidak ada rekod hendak cari sesiapa tidak tahu dan juga sebagai pusat boleh mengembangkan penyakit-penyakit yang bahaya—penyakit-penyakit yang berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya mewakili Wilayah Persekutuan, saya tahu di negeri-negeri lain Kerajaan-kerajaan Negeri ada mempunyai rancangan-rancangan yang tersendiri. Di dalam Wilayah Persekutuan ada Dewan Bandaraya dan Dewan Bandaraya mempunyai tugas-tugasnya yang tertentu, kemudian kita wujudkan pula Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai tugas-tugas sebagai koordinasi. Jadi saya percaya untuk hendak mempercepatkan menyelesaikan masalah-masalah setinggan, pembangunan di seluruh Wilayah Persekutuan ini, sukacitalah saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mewujudkan Perbadanan Ekonomi atau Perbadanan Perumahan Wilayah Persekutuan supaya tugas-tugas dapat diselenggarakan, mempercepatkan membangun kawasan-kawasan setinggan ini. Pada ketika ini semua kerja-kerja ini diserahkan kepada pihak Dewan

Bandaraya dan diserahkan kepada Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan amatlah lambat. Jadi kalau di tiap-tiap negeri lain ada mempunyai SEDCnya sendiri, apa salahnya di Wilayah Persekutuan ini juga mempunyai satu perbadanan pembangunan dalam Wilayah Persekutuan semata-mata untuk menumpukan tugas-tugas dan tanggungjawab pembangunan di Wilayah Persekutuan dan mengadakan data-data yang boleh dapat digunakan sebagai panduan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah serba sedikit pandangan saya mengenai Titah Ucapan dan saya percaya dengan adanya kemudahan-kemudahan dan cadangan-cadangan ini akan dapat kita mengurangkan masalah-masalah yang berbangkit di dalam Wilayah Persekutuan khususnya dan kita tahu Wilayah Persekutuan memang menjadi tumpuan untuk orang-orang daripada luar bandar berhijrah ke sini, juga Wilayah Persekutuan ini tempat tinggalnya beberapa banyak bekas-bekas perajurit, tidak kira daripada apa kaum yang telah bersara mereka tidak dapat menyesuaikan diri lagi balik ke kampung, barangkali kerana keadaan anak-anak mereka sewaktu mereka bertugas bersekolah di Kuala Lumpur ini, jadi mereka terpaksa tinggal di Kuala Lumpur ini. Tempat rumah tidak cukup, jadi terpaksa mereka bersetingan. Ini jugalah kepentingan-kepentingan yang mesti difikirkan oleh kita bersama dan saya berharap ramailah sahabat-sahabat saya termasuklah sahabat saya dari Kuala Lumpur Bandar menyokong hasrat baik saya ini untuk kepentingan Wilayah Persekutuan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

4.24 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong di atas cadangan untuk mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda di Dewan ini dua hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu telah jelas, terang dan nyata sekali bahawa minat dan hasrat Kerajaan yang berjiwa rakyat bagi dapat mengembelikan sepenuh tenaga dan jentera Kerajaan untuk Pembangunan ekonomi negara untuk kestabilan politik dan untuk keamanan di negara ini telahpun diletakkan di mercu yang maha tinggi.

Banyak perkara-perkara yang telah disentuh di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, terutama sekali di dalam perkara-perkara yang menyentuh mengenai usaha-usaha Kerajaan kepada mencapai Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan dalam Titah Ucapan itu juga telah meletakkan bahawa pihak Kerajaan begitu bersungguh-sungguh mengkaji daripada masa ke masa tentang pelaksanaan dasar-dasar yang telah diletakkan dan masalah-masalah yang timbul semoga dengan itu akan dapat bagi pihak Kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab, agensi-agensi Kerajaan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit daripada masa ke masa semoga perancangan dan dasar yang diletakkan itu akan dapat benar-benar mencapai matlamat yang sepenuhnya.

Satu perkara yang menarik perhatian saya dalam Titah Ucapan itu ialah mengenai masalah-masalah yang seharusnya Kerajaan memberi sepenuh-penuh perhatian semoga masalah itu akan dapat memberi penyelesaian yang sebenar-benarnya. Jadi kesempatan pada petang ini, saya inginlah membawakan saranan-saranan bagi dapat menyelesaikan beberapa masalah yang khusus di dalam masalah-masalah kaum tani padi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat tani padi semenjak dahulu lagi adalah telah menjadi tulang belakang kepada pembangunan ekonomi negara kita. Di dalam pertumbuhan ekonomi yang berlandaskan kepada ekonomi getah, bijih timah dan sekarang ini ditambah lagi dengan ekonomi kelapa sawit, kayu-kayan dan petroliam. Pembekalan beras adalah untuk menampung kehendak tenaga buruh di dalam bidang-bidang yang disebutkan tadi. Kita tahu kebanyakan beras iaitu lebih kurang 82% yang diperlukan oleh rakyat negara ini adalah dikeluarkan oleh

kaum tanj padi di negara kita. Beras ini dengan adanya sistem pengawalan oleh Kerajaan dapatlah dibekalkan kepada sektor-sektor tersebut tadi dengan harga yang sebaik-baiknya. Bahawa sesungguhnya kegigihan aktiviti-aktiviti mengeluarkan bahan-bahan eksport adalah tertakluk kepada pembekalan makanan utama iaitu beras yang cukup dan yang mempunyai harga yang murah. Di sinilah peranan penting yang terus-menerus diberikan oleh masyarakat tanj padi di negara ini. Soalnya apakah faedah-faedah yang didapati oleh petani-petani ini melalui rancangan-rancangan Kerajaan itu setimpal dengan sumbangan mereka sebagai pembekal bahan-bahan makanan utama kepada negara?

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun suatu peningkatan taraf hidup masyarakat tanj padi di negara ini telah tercapai, namun begitu kadarnya adalah lebih rendah dari peningkatan yang berlaku di dalam sektor-sektor yang lain. Misalnya adalah didapati bahawa walaupun petani-petani padi di Rancangan Perairan Muda mendapat kelebihan pendapatan sejak diadakan rancangan ini sebanyak 2.4 kali ganda daripada apa yang didapatinya sebelum itu, namun demikian masyarakat perniagaan di bandar telah mendapat peningkatan sebanyak 3.5 kali ganda. Di dalam keadaan begini apabila kadar inflasi terus meningkat maka pendapatan petani yang 2.4 kali ganda itu terus tergunat. Masyarakat lain yang aktiviti-nya bergantung kepada perkembangan aktiviti ekonomi padi akan lebih kuat menghadapi inflasi ini kerana pendapatan mereka adalah lebih tinggi. Oleh itu setiap rancangan Kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf ekonomi petani padi mestilah mengambil ingatan-ingatan yang berikut:

- (1) pendapatan petani tidak bergantung kepada hasil pengeluaran, ianya bergantung kepada harga padi dan ongkos pengeluaran padi;
- (2) kebanyakan petani-petani padi adalah petani kecil yang mengusahakan tanah pada kadar purata 3 ekar ke bawah. Di dalam Rancangan Perairan Muda puratanya ialah 4 ekar dan di Kemubu dan juga Besut adalah lebih kurang daripada 2 ekar ke bawah; dan
- (3) ianya juga adalah bergantung kepada harga barang-barang makanan yang diperlukan setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian saya mencadangkan agar Kerajaan hari ini dapat memberi pertimbangan yang wajar berkenaan dengan perkara-perkara yang akan saya sebutkan nanti.

Langkah Kerajaan untuk membantu petani-petani dengan mengadakan berbagai-bagai rancangan subsidi adalah amat dialu-alukan kerana tujuannya adalah begitu bersih dan murni di samping menolong mengurangkan penderitaan petani-petani di negara dalam masa inflasi ianya juga membolehkan satu peluang penglibatan petani di dalam rancangan ekonomi negara melalui pelaburan.

Sebagai contohnya rancangan subsidi baja padi yang diberikan secara percuma kepada petani-petani di kawasan Rancangan Perairan MUDA yang mana merupakan satu kawasan padat yang diduduki oleh 63,000 keluarga tanj. Namun begitu anasir-anasir anti Kerajaan sentiasa menunggu peluang untuk mencemarkan nama baik Kerajaan dan merobohkan kewibawaan Kerajaan di kalangan kaum tanj. Subsidi baja padi dan juga subsidi harga padi adalah merupakan gejala-gejala yang akan menguatkan sokongan rakyat tanj terhadap Kerajaan. Ini sememangnya disadari oleh anasir-anasir anti Kerajaan ini. Oleh itu, mereka cuba mencari kelemahan-kelemahan projek subsidi Kerajaan dengan cara membesar-besarkan isu-isu kecil yang boleh diatasi dengan jayanya andainya agensi-agensi Kerajaan yang menjalankan projek itu bertindak dengan secepat mungkin.

Satu isu yang dibangkitkan oleh anasir-anasir ini ialah baja campuran yang diberikan melalui skim subsidi kepada petani-petani bukanlah baja sebenarnya malahan ianya adalah pasir. Walaupun pegawai-pegawai daripada agensi-agensi yang terlibat dan lain-lain lagi di semua peringkat memberi penerangan bahawa pasir itu adalah sebahagian daripada bahan-bahan pegangan baja dan hakikat sebenarnya zat-zat makanan pokok yang ada pada baja ini adalah mengikut kadar yang ditentukan, namun demikian isu ini dibangkit-bangkitkan terus menerus.

Misalnya satu ucapan yang dibuat oleh seorang pemimpin parti Pembangkang di negeri Kedah tidak berapa lama dahulu di mana secara terang-terang mengutuk dan mengecam rancangan subsidi ini dengan alasan bahawa Kerajaan memberi pasir kepada petani-petani di negara ini amnya dan

khususnya di kawasan MADA itu sendiri. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini dan untuk membuktikan kepada petani-petani tentang kepalsuan tuduhan-tuduhan ini maka saya mengesyorkan agar Kerajaan dapat mengkaji semula baja yang diberi ini iaitu dengan cara menukarkan baja campuran kepada baja granuel littered mixture ataupun baja compound iaitu baja sebatian di mana baja compound ini telahpun diagih-agihkan kepada petani-petani di kawasan pendalaman berhampiran dengan lautan di kawasan MADA negeri Kedah dan didapati sambutan petani-petani terhadap baja ini . . . . .

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Masalah yang ditimbulkan mengenai pasir yang terkandung dalam baja itu, Yang Berhormat dari Jerai menimbulkan bahawa masalah ini ditimbulkan oleh . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Nanti Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak bertanyakah, hendak menerangkan atau apa?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Penjelasan dan juga minta penjelasan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat tadi menimbulkan bahawa masalah pasir yang terkandung dalam baja itu ditimbulkan oleh ahli Pembangkang, tetapi tidakkah beliau sedar bahawa masalah ini juga ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis daripada Barisan Nasional.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cakap ini ialah di Kedah di kawasan Rancangan Perairan MUDA dan kalau di Perlis, itu cerita lainlah, itu di Perlis. Walau bagaimanapun, saya rasa apa yang dibangkitkan oleh mereka yang berkenaan itu adalah terdiri daripada mereka yang tidak begitu mengetahui secara mendalam tentang baja campuran itu sendiri sebab salah satu daripada campuran itu ialah

rock phosphate yang mana rock phosphate ini adalah bercampur dengan bahan-bahan kapur yang dihancurkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian bagi mengatasi masalah ini dan untuk membuktikan kepada petani-petani tentang kepalsuan tuduhan ini maka saya mengesyorkan agar Kerajaan dapat mengkaji semula baja yang diberikan ini. Dengan pemberian baja-baja compound ini saya rasa soal-soal baja pasir yang ditimbulkan itu dengan sendirinya akan terhapus kerana ianya tidak menunjukkan perbezaan debu dan ketul-ketul baja ataupun pasir. Ianya juga akan mengukuhkan kepercayaan peladang tentang khasiatnya kerana ianya tidak berterbangan ditiup angin bila ditabur seperti yang berlaku kepada baja campuran walaupun terdapat sedikit kelebihan harga iaitu lebih kurang 50 sen pada satu beg.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan lebih-lebih lagi kepada Kementerian Perusahaannya kerana telah memberikan pilihan kepada petani-petani untuk menukarkan kupon rancangan subsidi harga padi dengan wang tunai di mana perkara ini adalah kemuncak kegelisahan petani-petani selama ini. Rancangan ini sememangnya mendapat sambutan segenap lapisan masyarakat tani padi di seluruh negara tetapi apa yang perlu diambil perhatian dan dikaji semula ialah tentang cara perlaksanaannya kepada petani-petani.

Saya ingin mengambil kawasan MADA sebagai contohnya. Mengikut kajian pihak MADA pada penuaian pertama mulai Ogos sehingga September 61% ataupun 38,430 petani menjual padinya melalui orang-orang tengah iaitu pembeli-pembeli padi yang berlesen di kawasan-kawasan luar bandar dan pada penuaian kedua pula bermula Disember sehingga Januari 76% ataupun 47,880 petani menjual padinya melalui saluran ini. Ini menunjukkan bahawa pemberian kupon-kupon penjualan tidak akan sampai sepenuhnya kepada petani-petani malahan skim ini secara tidak langsung akan menambahkan lagi pendapatan orang-orang tengah. Kajian MADA menunjukkan hanya 7.8% ataupun 4,914 petani sahaja menjual padinya terus ke kompleks-kompleks LPN, 3.7% ataupun 2,331 petani menjual padi mereka kepada kilang besar swasta dan 11.9% ataupun 7,497

petani menjual padi ke kilang-kilang kecil. Ini bermakna andainya skim ini dijalankan mengikut cara yang dicadangkan oleh LPN hanya 23% sahaja dari 63,000 petani di kawasan MADA akan mendapat faedah sepenuhnya.

Berdasarkan kepada hujah-hujah tadi saya mengesyorkan agar pemberian \$2 sepikul ini tidaklah seharusnya diberikan berasaskan kepada penjualan padi. Ini adalah memandangkan bahawa kebanyakan petani di kawasan Rancangan MUDA ini tidak menjual padi mereka. Mengikut kajian MADA 36% petani-petani di kawasan MADA menjual padi mereka bukan untuk mendapatkan wang tunai guna berbelanja tetapi adalah semata-mata untuk membayar hutang. Jadi andainya pemberian \$2 sepikul ini diasaskan kepada penjualan maka ianya akan lebih memberi faedah kepada petani-petani yang tinggi sumber modalnya. Pemberian ini tidaklah seharusnya diasaskan kepada pengeluaran kerana daya pengeluaran adalah berbeza mengikut kesuburan tanah, pelaburan modal dan kecekapan pengurusan seseorang petani itu sendiri. Jika diasaskan kepada pemberian mengikut neraca ini petani yang tanahnya lebih subur dan yang lebih tinggi modalnya akan mendapat faedah yang lebih daripada petani kecil yang berada di pinggir-pinggir ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar pemberian \$2 ini dibuat mengikut luas tanah yang diusahakan. Dengan cara ini pembaziran perbezaan manfaat tidak akan berlaku dengan besarnya kerana kebanyakan petani di kawasan Rancangan Perairan MUDA adalah petani kecil lebih 60% petani-petani di kawasan ini mengusahakan sawah kurang daripada 6 ekar. Seandainya sistem ini ingin dilaksanakan, saya rasa tidaklah akan timbul banyak masalah kerana pemberian mengikut luas tanah diusahakan yang telahpun sedia wujud di rancangan MUDA hasil kajian MADA dan Universiti Sains Malaysia dan telahpun dilaksanakan di dalam rancangan subsidi baja padi sekarang ini.

Kemudahan ini adalah merupakan daftar petani-petani yang lengkap dan dalam daftar ini segala butir-butir tanah, pengusahaan dan pemilikan dicatitkan mengikut rujukan nombor geran, nombor kad pengenalan, lot, mukim, daerah, localiti, pembangunan MADA dan lain-lain lagi. Pihak Kerajaan

telahpun membelanjakan lebih kurang \$65,000 untuk mewujudkan sistem daftaran ini. Saya fikir adalah wajar ianya dipergunakan dengan sepenuh-penuhnya. Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah permulaan maka saya fikir eloklah kawasan MUDA dijadikan perintis untuk mengimplimentasikan sistem ini. Penggunaan cara ini melalui mesin-mesin pelaksanaan yang sedia ada di kawasan MUDA dan memperkukuhkan lagi institusi pembangunan Kerajaan, khususnya pergerakan persatuan peladang ataupun pertubuhan-pertubuhan peladang. Tiap-tiap peladang yang butiran perusahaannya sedia tercatat dinilai keluarannya mengikut luas perusahaannya. Mengikut kiraan purata pengeluaran di rancangan MADA bagi tiap relung adalah 15 pikul ataupun 21 pikul pada tiap-tiap satu ekar dan mengikut kajian MADA petani-petani menjual 67% daripada hasil pengeluarannya. Oleh yang demikian, petani-petani yang mengusahakan tanah harus mendapat sebanyak \$28.14 seekar dan didasarkan kepada  $0.67 \times \$2 \times 21$  pikul seekar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan saranan yang saya kemukakan ini saya rasa seharusnya akan mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan dan khususnya agensi-agensi yang berkenaan kepada melaksanakan sistem-sistem dan cara-cara menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum petani di negara ini seperti yang telah saya sebutkan tadi. Sungguhpun bagi pihak petani-petani padi di negara kita ini telah banyak menikmati kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan daripada pihak Kerajaan dalam meninggikan taraf ekonomi mereka, tetapi di segi mencapai sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru Kerajaan bagi mengimbangkan kalangan yang berada dan kalangan yang tidak berada ini seharusnya pihak Kerajaan memberi perhatian yang langsung supaya ianya dapat setimpal dengan apa yang telah saya sebutkan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong penuh di atas usul untuk mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapannya ketika merasmikan pembukaan sidang pertama Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sibü.

4.45 ptg.

**Dr Wong Soon Kai (Sibü):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini, terlebih dahulu izinkanlah saya untuk turut sama dengan lain-lain Ahli Yang Berhormat di Parlimen ini yang telah memberi ucapan untuk mempersembahkan syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima.

Semua warganegara Malaysia hendaklah mematuhi prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Titah Ucapan Di-Raja itu demi keharmonian, saksama, keadilan dan perpaduan di bawah pemerintahan Baginda yang disanjung tinggi. Saya yakin negara kita akan menikmati keamanan, kesejahteraan dan menjadi satu masyarakat yang adil dan berbahagia.

Sekarang saya suka menyentuh beberapa pandangan dan ulasan berhubung dengan prinsip am dan dasar Kerajaan dan pelaksanaannya. Tuan Yang di-Pertua, kita telah memasuki tahun akhir bagi Rancangan Malaysia Ketiga dalam tempoh yang mana kita seharusnya memeriksa prestasi kita untuk mengetahui sejauh mana matlamat rancangan tersebut telah dicapai selama ini dan juga merumuskan strategi rancangan dan projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Beberapa faktor yang menyebabkan kelewatan atau tidak keupayaan untuk memenuhi matlamat asal telahpun diketahui dan masalah ini mestilah diselesaikan dengan secepat-kecepatnya dalam Rancangan Malaysia Keempat, sekiranya kita tidak mahu mengulang segala kesilapan yang telah berlaku itu. Di antaranya saya ingin bangkitkan tiga faktor seperti berikut :

Pertama, kelewatan dalam menyiapkan segala rancangan dan projek-projek. Tuan Yang di Pertua, bagi semua rancangan dan projek Kerajaan tempoh tahunan pelaksanaannya tetap bermula pada 1hb Januari bagi sesuatu tahun yang tertentu dan berakhir pada 31hb Disember tahun tersebut dan begitu juga terhadap peruntukan kewangan. Walau bagaimanapun, seperti contoh di

negeri Sarawak, rancangan Malaysia Ketiga dan segala projek terkandung di dalamnya itu telah tidak dapat diselesaikan sehinggalah kira-kira pertengahan tahun 1976 dan dengan itu pula menimbulkan satu kelewatan yang tidak disengajakan dalam pelaksanaannya selama lebih setengah tahun bagi tahun pertama. Sudah tentulah keadaan begini menandatangani akibat prestasi yang kurang memuaskan sama ada dari segi physical mahupun kewangan dalam tempoh tahun permulaan itu. Keadaan begini selalulah tidak diambil pertimbangan berat dalam peruntukan kewangan tahun berikutnya yang mana mengikut prestasi yang telah dilakukan itu sebagai asas. Oleh yang demikian, sekiranya kita mahu mendapat prestasi yang maksima dari permulaannya penyelesaian yang awal bagi satu rancangan yang mustahak seperti Rancangan Malaysia Keempat adalah sangat penting.

Kedua, kakitangan yang cekap dan cukup. Tuan Yang di-Pertua, prestasi yang baik adalah sangat bergantung kepada kakitangan yang cekap dan cukup. Sungguhpun terdapat beberapa kenyataan secara am di dalam apa yang disebutkan Parkinson's Law dalam perkhidmatan awam mahupun permintaan untuk peruntukan kewangan dan bilangan kakitangan yang lebih untuk sesebuah jabatan tertentu tetapi adalah benar bahawa berlakunya kelewatan yang keterlaluan dan tidak patut dalam meluluskan dan menjalankan pekerjaan, kakitangan yang sangat diperlukan itu untuk pembangunan. Di negeri Sarawak satu usaha yang bersungguh-sungguh oleh pihak berkuasa negeri untuk memproses dan menguruskan pengambilan kakitangan baru bagi semua jawatan sudahpun dijalankan dengan sempurna, tetapi ini hanya merupakan urusan permulaan yang menanti dalam tempoh satu sehingga dua tahun untuk Jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan mengambil tindakan memproses dan menguruskan keperluan kakitangan itu. Sementara itu kakitangan yang sangat diperlukan untuk projek-projek pembangunan yang telah diluluskan terpaksa ditangguhkan dan mengakibatkan kelewatan yang serius dalam pelaksanaannya. Saya rasa bahawa pihak Kerajaan mestilah memberi perhatian yang berat dan serius terhadap masalah ini. Penyelesaian yang lebih awal patut diadakan, jika proses biasa tidak dapat disegerakan maka pihak pelaksanaan Negeri

hendaklah diberi kuasa oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengambil kakitangan yang perlu dengan memperuntukkan mereka kepada projek-projek yang tertentu tanpa melalui formality atau red tape yang begitu panjang.

Ketiga, kelambatan mengeluarkan wang. Tuan Yang di-Pertua, ini juga menyebabkan banyak kelewatan dalam kepesatan pembangunan oleh sektor awam. Adalah berlakunya keadaan di mana peruntukan wang bagi sebuah projek dalam sesuatu tahun yang berkenaan hanya dikeluarkan kepada agensi sehingga lewat bulan Disember. Bagaimanakah kita mengharapkan agensi itu dapat melaksanakan projek itu dengan memuaskan dalam tahun tersebut? Sebagaimana yang baru saya sebutkan tadi prestasi kurang baik yang disebabkan oleh faktor ini diambil sebagai alasan untuk mengurangkan peruntukan wang bagi tahun yang berikutnya.

Faktor-faktor di atas adalah merupakan halangan-halangan kepada pembangunan yang diketahui dan dialami dalam tahun-tahun yang lepas. Memang ada lagi masalah-masalah seumpama itu. Sepatutnya Kerajaan harus diadakan satu pendekatan yang lengkap dan selaras untuk menghadapi semua masalah ini bagi melicinkan jentera Kerajaan demi pembangunan dan pelaksanaan yang sempurna bagi faedah rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian masih merupakan sektor yang sangat penting untuk rakyat Malaysia. Sebilangan besar rakyat kita masih bergantung kepada pertanian untuk kehidupan dan dalam golongan ini terdapat sebilangan besar penduduk-penduduk yang miskin.

Pertanian moden memerlukan input, khususnya baja, tetapi harga baja terus meningkat dalam beberapa tahun yang lepas disebabkan inflasi dan krisis minyak antarabangsa. Keadaan ini akan menambahkan beban kewangan kaum tani kita. Sungguhpun ladang-ladang besar dapat menentang tekanan harga yang kian meningkat, tetapi petani-petani biasa yang merupakan sebahagian besar rakyat diluar bandar akan menghadapi kerumitan.

Dahulu saya telah memohon kepada pihak Kerajaan supaya menimbangkan penghapusan semua cukai impot ke atas baja. Tetapi pada hari ini selain daripada baja urea semua baja masih lagi dikenakan cukai impot sebanyak \$44.29 semetrik tan.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah dijadikan dasar Kerajaan untuk mengenakan cukai impot ke atas baja bagi mendapat hasil. Saya percaya ini adalah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pertimbangan serupa juga hendaklah digunakan ke atas semua bahan-bahan kimia pertanian (agrochemicals) yang mustahak untuk pertanian. Kerajaan hendaklah jangan menambahkan lagi beban kewangan kaum tani yang miskin dengan mengenakan cukai-cukai impot ke atas bekalan pertanian yang penting.

Perlindungan kepentingan industri-industri tempatan janganlah digunakan sebagai alasan untuk langkah-langkah ini. Cara-cara lain seperti membataskan dan sistem kuota boleh digunakan. Oleh kerana bekalan utama baja dan bahan-bahan kimia pertanian kita bergantung kepada impot komoditi ini, maka saya menyeru pihak Kerajaan supaya menghapuskan segala cukai impot ke atas baja dan bahan-bahan kimia pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, cangkul adalah merupakan satu alat lama dan asas untuk kaum tani. Adalah dianggarkan bahawa kira-kira 20,000 cangkul dibeli oleh kaum tani setiap tahun di negeri Sarawak. Dahulu mereka dapat membeli cangkul buatan China, Thailand, United Kingdom atau lain-lain negara. Tetapi cangkul buatan Semenanjung Malaysia sahaja yang didapati sekarang. Harga cangkul tempatan adalah lebih murah daripada yang dibuat di luar negeri, namun demikian mutu buatan tempatan adalah lebih rendah dan kaum tani lebih suka membeli cangkul yang dibuat dari luar negeri, walaupun harganya agak tinggi sedikit, sekiranya tidak ada had impotnya. Dalam hal inilah pihak Kerajaan dalam memaju dan melindungi kepentingan industri tempatan telah menimbulkan masalah yang teruk dengan tidak sengaja. Oleh itu saya menyeru pihak berkuasa Kerajaan supaya menjamin cangkul buatan tempatan mempunyai mutu yang tinggi serupa dengan yang diimpot atau sebaliknya menghapuskan had yang dikenakan ke atas impot cangkul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak bermulanya perayaan Tahun Baru Cina ini banyak kebakaran telah berlaku di negeri Sarawak. Orangramai telah lama mendesak supaya diadakan Perkhidmatan Bomba yang lebih baik memandangkan berlakunya kebakaran baru-baru ini. Pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah lama memohon Kerajaan Persekutuan supaya mengambil alih Perkhidmatan Bomba ini, sehingga hari ini belum lagi ditetapkan tarikh bagi pengambilan alih tersebut.

Pada masa ini semua pihak berkuasa tempatan di negeri Sarawak kekurangan sumber kewangan untuk memperbaiki mutu Perkhidmatan Bomba dan alat-alat diperlukan yang terdapat sekarang. Mereka benar-benar memerlukan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam hubungan ini saya menyeru pihak Kerajaan Persekutuan supaya menimbangkan balik mengambilalih perkhidmatan ini demi kepentingan orang awam dan negeri Sarawak dengan secepat mungkin. Sementara itu sekiranya terdapat kelewatan untuk berbuat demikian pihak berkuasa tempatan hendaklah dibenarkan membeli alat-alat kelengkapan baru dengan syarat ongkos alat-alat tersebut akan dibayar balik setelah pihak Kerajaan Persekutuan mengambil alih Perkhidmatan Bomba tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hasil-hasil petroleum khususnya diesel dan minyak tanah terus merupakan perkara hangat di Malaysia hari ini dan juga di lain-lain negara. Kekurangan bekalan minyak tanah dan diesel dalam negeri dan kenaikan harga yang berulang dan kian meningkat khususnya bagi diesel industri dalam negeri Sarawak telah menimbulkan perasaan yang sangat tidak puashati kepada golongan yang bergantung kepada diesel untuk perdagangan dan perusahaan mereka. Ini juga mengakibatkan kerugian teruk kepada sektor pengangkutan awam, nelayan pukat tunda pengangkutan sungai dan lain-lain lagi.

Dasar Kerajaan sekarang di Semenanjung Malaysia telah mengawal harga semua hasil pengeluaran petroleum daripada membiarkannya kian meningkat (free floating) dan memberi subsidi untuk mengurangkan harga

minyak tanah dan diesel. Ini adalah berfaedah kepada rakyat kerana ianya mengawal inflasi dan mengurangkan beban kewangan terutama sekali golongan rakyat yang miskin. Langkah begini kenalah diteruskan.

Walau bagaimanapun, saya mencadangkan pihak Kerajaan hendaklah segera melaksanakan satu sistem bekalan dan meletakkan harga ke atas hasil pengeluaran ini supaya terdapat bekalan yang cukup dan harganya pula serupa dalam tiap-tiap negeri. Bagi satu hasil pengeluaran yang penting seperti petroleum, satu sistem harga yang sama di seluruh negara adalah berpatutan dan diperlukan. Bekalan cukup hendaklah dijamin memandangkan bahawa Malaysia masih mengeluarkan minyak secukupnya mahupun merupakan sebuah negara pengeksport bersih.

Sarawak adalah sebuah negeri pengekspor minyak bersih bagi beberapa puluhan tahun tetapi terpaksa pula membayar harga yang lebih tinggi untuk diesel serta lain-lain hasil minyak petroleum jika dibandingkan sekarang dengan Semenanjung Malaysia. Hakikat bahawa pada masa ini sebahagian besar daripada hasil minyak petroleum yang ditapis sedang diimport ke negeri Sarawak tidak menjadi alasan supaya rakyat di Sarawak membayar harga yang lebih tinggi untuk komoditi tersebut seperti diesel.

Pihak Kerajaan Persekutuan, PETRONAS serta Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah mengkaji dan merumuskan satu dasar yang menyeluruh bagi bekalan dan harga minyak petroleum dalam negeri supaya semua perbelanjaan pengangkutan dan lain-lain perbelanjaan asas bagi seluruh sistem bekalan minyak ditanggung sama rata oleh seluruh negara. Rakyat di negeri Sarawak mengharapkan bahawa harga-harga hasil minyak petroleum untuk Sarawak misalnya di Kuching, Sibuan dan Miri sekurang-kurangnya sama dengan harga di Kuala Lumpur dan tentulah tidak lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan dan ulasan di atas, saya menyokong usul ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pantii.

## 5.03 ptg.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):**

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun turut menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau, Sabah pada hari semalam iaitu menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu Pembukaan Dewan ini dua hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersyukur kerana kestabilan politik negara yang mana dengannya memudahkan Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Duli Yang Maha Mulia menyeru rakyat supaya menyokong penuh atas segala usaha Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn selaku Perdana Menteri Malaysia yang menganggap sebagai sebuah negara yang kukuh, aman dan makmur di bawah satu Kerajaan yang bersih iaitu Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn dan rakan-rakannya di dalam Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, ini membawa kita berfikir bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengingatkan kepada kita semua sebagai rakyat Malaysia bahawa kepimpinan yang ada sekarang iaitu Barisan Nasional adalah satu kepimpinan yang akan membawa rakyat ke arah kemajuan dan kejayaan bukan sahaja di dunia bahkan akan membawa kebahagiaan di akhirat juga, kerana Kerajaan yang ada sekarang ini bukan sahaja mementingkan kemajuan-kemajuan dunia atau lahiriah tetapi mengambil berat juga soal-soal rohaniah dan nilai-nilai akhlak dengan mendirikan sekolah-sekolah agama dan memberikan peruntukan yang banyak untuk kegiatan-kegiatan agama seperti badan-badan dakwah dan lain-lain.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam dan hari ini dalam Dewan yang mulia ini kita masih lagi mendengar suara-suara sumbang terutama yang datang dari DAP yang dari semasa ke semasa sentiasa menimbulkan isu-isu yang mana pada tahun yang lalu kita telah dengar beliau masih lagi tidak berpuashati dan

membawa satu isu hendak mewujudkan satu lagi universiti yang khusus bagi satu ketu-runan dengan nama Universiti Merdeka. Mereka telah berjanji kepada penyokong-penyokongnya akan menjadi hero untuk membawakan usul ini tetapi bila sampai masanya, mereka tarik balik, dan mereka mencuba lagi dalam Dewan yang mulia ini pada hari semalam dan pada hari ini.

Saya dengan tegas mengatakan saya tetap membangkang di atas apa sahaja cadangan dan apa sahaja bentuk rupa pandangan yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang khususnya daripada DAP.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak perkara yang telah disentuh dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ramai lagi kawan-kawan yang akan mengambil bahagian, saya hanya ingin menyentuh beberapa masalah sahaja yang saya fikirkan perlu dan patut.

Yang pertama, tahun ini ialah tahun 1980 iaitu tahun terakhir Rancangan Malaysia Ketiga yang mana tahun hadapan 1981 adalah permulaan bagi Rancangan Malaysia Keempat. Di sini saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengkaji semula kejayaan-kejayaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga supaya tidak menjadi beban di dalam Rancangan yang akan datang, kerana saya percaya masih banyak projek-projek pembangunan yang belum dapat dan tidak dapat disiapkan dengan sempurna di dalam Rancangan Malaysia Ketiga terutama sekali di bidang ekonomi, membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan membantu kaum bumiputra dalam mencapai matlamat 30% sekurang-kurangnya ekonomi negara hendaklah dimiliki oleh kaum bumiputra.

Ini adalah sejajar dan disebut sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, dengan izin: "Tinjauan ke atas rancangan-rancangan kita yang telah dilaksanakan, sama ada dalam sektor awam atau sektor swasta, adalah perlu untuk mengesan segala kekurangan dan masalah yang timbul." Memang perlu kita meninjau kembali, menyemak kembali kerana saya akan memperkatakan sebagai contoh, satu dua projek-projek pembangunan yang masih terbengkalai sampai ke saat ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat di segi perancangan dan di atas kertas, memang banyak kemajuan telah dicapai dan banyak projek-projek pembangunan telah dilaksanakan cuma di segi perlaksanaannya sahaja yang setengahnya telahpun mula tetapi belum siap dan setengahnya hampir siap dan tidak kurang pula projek yang terbengkalai begitu sahaja, ditinggalkan umpamanya oleh pemborong-pemborong dan setengahnya telah dikeluarkan tender demi tender namun projek itu tidak juga siap.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu membawa contoh-contoh di sini, kerana saya percaya di setiap kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini masih terdapat projek-projek yang terbengkalai sebagaimana yang saya sebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah projek ini telahpun diuntukkan dan ada wang peruntukannya tetapi proses jabatan dengan jabatan umpamanya antara Jabatan Tanah di Pejabat-pejabat Daerah Jabatan-jabatan JKR dan lain-lainnya. Kadang-kadang terdapat telah diperuntukkan wang sekian banyak tetapi proses pengambilan tanah begitu lama memakan masa sehingga apabila projek itu dijalankan barang-barang melambung harganya maka tidak hairan mengapa pemborong-pemborong lari dan sanggup meninggalkan projek itu dan tidak disempurnakannya yang mana ini terpaksa pihak JKR menanggung bebanan ini dan menender semula dengan kos dan harga yang lebih tinggi daripada yang asal. Tambahan pula kebanyakan pembangunan-pembangunan terutama projek-projek pembangunan di luar-luar bandar hampir kesemuanya diserahkan beban ini kepada pihak JKR, sedangkan JKR terlalu lembab dalam menjalankan tugas-tugasnya. Ini saya tidaklah menyalahkan JKR, oleh kerana begitu banyak masalah dan projek yang dibebankan kepada JKR sedangkan JKR sendiri tenaganya kurang. Oleh sebab itu, saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya JKR ini diberi tenaga "super" supaya JKR ini dilengkapi dengan tenaga-tenaga dan dengan jurutera-jurutera yang mana setengah daripada setengah daerah macam dalam kawasan pilihanraya saya Panti atau Kota Tinggi bagi satu daerah hanya seorang sahaja jurutera dan seorang lagi T.A. dan yang lain-lainnya adalah pembantu-pembantu. Tetapi bagi projek-projek Kerajaan yang lain seperti projek-projek anak Kerajaan di Johor Tenggara umpamanya

mempunyai 16 jurutera yang mengendalikan projek-projek Johor Tenggara yang hanya sebahagian sahaja daripada daerah Kota Tinggi umpamanya tetapi bagi keseluruhan daerah Panti atau keseluruhan daerah Kota Tinggi dikawal hanya oleh seorang sahaja jurutera. Jadi ini saya mencadangkan kepada Kerajaan untuk melincinkan segala projek-projek pembangunan supaya apa yang telah kita rancang dan apa yang telah kita mulakan jangan pula sampai ke Rancangan Malaysia Ketiga tidak juga siap dan diikuti pula dengan Rancangan Malaysia Keempat.

Saya hanya membawakan satu contoh sahaja. Umpamanya, dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu di dalam tahun 1972 apabila Kerajaan Negeri membenarkan pihak FELDA membuka tanah untuk dijadikan rancangan-rancangan kampung-kampung baru maka bekalan air pun mula dibina dalam tahun 1972. Maka sehingga saat ini iaitu hanya setahun tidak sampai lagi Rancangan Malaysia Ketiga, bekalan air ini, takungan air yang ada di dalam kawasan Air Tawar I kawasan pilihanraya saya masih belum lagi siap dan saya tidak yakin dalam masa setahun ini akan siap dan ini bagaimana saya katakan tadi terpaksa dibawa ke dalam Rancangan Malaysia Keempat. Jadi kalaulah begini keadaannya tentulah membeban dan menyusahkan kepada rakyat terutama sekali rakyat di luar bandar. Umpamanya rancangan takungan air yang saya sebutkan tadi adalah bukan sahaja untuk menampung kampung-kampung baru iaitu FELDA tetapi juga akan membekalkan air kepada kampung-kampung asal yang duduk di sekitar FELDA ini. Tetapi dengan keadaan begini sudah memakan masa lapan tahun kita masih berjanji dengan rakyat, kita masih memberi tahu dengan rakyat apabila kita adakan dialog dan perjumpaan yang Kerajaan akan melaksanakan, JKR akan membuat. Setahun demi setahun JKR akan membuat. Jadi dengan sebab ini saya harap kepada Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian yang berat supaya kita tidak lagi menggulakan rakyat.

Saya percaya rancangan ini akhirnya akan berjaya juga tetapi memakan masa yang sedangkan rakyat yang sudah tinggal di FELDA sekarang terpaksa dibekalkan oleh pihak JKR iaitu dengan menyedut air di anak-anak sungai, di paya-paya yang tidak dibubuh chlorine dengan tidak dibubuh ubat dan sebagainya. Ini saya boleh buktikan. Saya harap Menteri yang berkenaan akan dapat

melawat kawasan saya, saya akan tunjukkan di mana pihak JKR di sana menyedut air dan terus daripada anak sungai itu, tidak ada reservoir, tidak ada tapisan terus masuk ke dalam paip yang mana paip itu terus ke rumah peneroka dan diminum oleh peneroka. Saya harap perkara ini tidak akan berlanjutan dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti.

Begitu juga dengan jalan telah dijanjikan oleh pihak JKR Negeri bahawa dua jalan dalam kawasan pilihanraya saya umpamanya mendapat keutamaan yang akan dinaikkan tarafnya oleh JKR Negeri dengan peruntukan dari Kerajaan Pusat, satu jalan daripada Penggerang ke Teluk Rumania sepanjang 16 batu dan satu lagi jalan lombong Kota Tinggi sepanjang 12 batu tetapi sehingga hari ini jalan itu telah berlobang-lobang dan JKR hanya menampal lobang-lobang itu tetapi tidak nampak tarafnya naik. Saya harap oleh kerana perkara ini telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak dapat dilaksanakan, saya harap dalam Rancangan Malaysia Keempat tahun hadapan akan dapat diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh saya di segi agama, agama kita yang maha suci iaitu agama Islam. Bagaimana dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda begitu menitikberatkan soal keagamaan dan kerohanian yang mana Duli Yang Maha Mulia Baginda begitu sangat-sangat berbesar hati dan bersukacita melihat umat Islam di negara ini khasnya belia-belia Islam menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembangunan Islam sebagai nilai hidup dalam masyarakat. Sebagai contohnya wujudnya dengan subur badan-badan dakwah dan Kerajaan sendiri telah memberikan sokongan serta perhatian yang besar kepada badan-badan dakwah yang berusaha bagi meninggikan syiar Islam yang sebenar. Dalam pada itu Seri Paduka Baginda menegur golongan pendakwah-pendakwah yang setengah-setengahnya terdapat golongan kecil yang telah terpesong di dalam bidang menyebarkan syiar Islam kerana kekurangan pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang terdapat di dalam negara kita hari ini di mana setengah golongan menyalahgunakan kebebasan yang ada iaitu kebebasan memberikan penerangan di segi agama. Walaupun kuasa agama diserahkan kepada negeri-negeri tetapi

nampaknya masih lagi setakat hari ini Kerajaan-kerajaan Negeri terdapat penyelewengan-penyelewengan dan ajaran-ajaran salah. Saya harap perkara ini melalui Jabatan Perdana Menteri akan dapat mengkaji dan meneliti dan akan dapat mencari jalan bagaimana untuk menyelaraskan pentadbiran agama Islam di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hakikat ini kita telah diingatkan bahawa keutuhan agama tidak dapat dipisah daripada kemajuan negara. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di dalam Tirahnya mengingatkan kepada kita bahawa kejatuhan beberapa negara Islam adalah menyebabkan perpecahan, lemah dan kemunduran mereka dan dengan kejatuhan ini agama Islam bukan sahaja terancam tetapi biasa dihapuskan. Dan selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Titah Ucapan Kebawah Duli, "Beta berharap segala perbezaan pendapat di kalangan rakyat Beta yang beragama Islam dapat dihapuskan dan berganding bahu untuk ketahanan negara."

Tuan Yang di-Pertua, hari ini masih terdapat perbezaan pendapat terutama dalam membawa negara ini ke arah kemajuan. Ada yang memilih kebahagiaan dunia sahaja dan ada yang memilih kebahagiaan akhirat sahaja. Dan ada pula yang memilih kedua-dua sekali. Dasar Kerajaan kita di bawah pimpinan Barisan Nasional ialah menuju ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Tetapi setengah-setengah golongan menyeru kepada meninggalkan dunia ini dan menuju akhirat sahaja. Sedangkan ajaran yang sebenarnya ialah supaya kita mengambil bahagian dan mengambil hak kita di dunia ini segala kesenangan dan kemewahan yang ada kerana dengan kesenangan dan kemewahan yang ada itu akan dapat menyempurnakan kesempurnaan agama kita. Kepada golongan-golongan yang menyeleweng ini, kepada persatuan-persatuan umpamanya yang menjadikan agama sebagai alat sama ada untuk politiknya atau untuk faedah dirinya, saya harap kembali semula ke pangkal jalan dan kembali kepada ajaran Tuhan bahawa kita ini dikehendaki bersatu padu.

Kita sebagai rakyat Malaysia yang hanya berbelas million tidak mampu untuk berpecah belah. Hari ini musuh-musuh Islam, saya menekankan di sini berkenaan dengan Islam ialah kerana musuh-musuh Islam hari ini memang sentiasa mengkaji dan meneliti

di mana sahaja umat Islam itu berada, di mana sahaja negara yang mengakui adanya ugama Islam, adanya penganut ugama Islam maka ejen-ejen penjajahan terutama sekali Zionisma melalui Freemasonnya, dan melalui badan-badan kebajikan yang lain sentiasa mencari jalan supaya umat Islam berpecah belah, supaya umat Islam bercakaran di antara satu sama lain kerana ini dasar penjajahan dan dasar dan falsafah penjajah ini bukan sahaja sudah usang dan lapuk tetapi falsafah penjajah ini dipakai sampai sekarang ini terutama sekali oleh Zionisma yang mana pecah belah, kemudian jahiah. Maka dengan sebab berpecah belahlah negara-negara lain, Afghanistan dan Iran umpamanya hari ini mereka berpecah belah di antara Islam sama Islam maka dapat jalan bagi musuh-musuh Islam terutamanya Zionisma dan Russia dapat jalan untuk membahagi dan meneruskan ancaman dan kekuasaannya kepada negara itu.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kepada saudara-saudara saya kaum muslimin terutama sekali dalam Barisan PAS umpamanya yang sama seugama, sebangsa dengan saya, dengan kenyataan yang saya berikan ini dan dengan beberapa kenyataan yang lain yang telah kita dengar, nampaknya kita tidak mampu untuk berpecah belah. Hanya satu sahaja harapan saya, hanya satu sahaja jalan keluar bagi kita orang-orang Islam di negara kita ini ialah dengan bersama-sama menyokong Barisan Nasional. Saya menyeru mereka demi kepentingan ugama, demi kepentingan bangsa, demi kepentingan negara sudah habis masanya, sudah tidak ada lagi masanya untuk kita bercakaran, sudah tidak ada masa lagi untuk kita berpecah belah. Tetapi marilah kita bersama-sama di dalam satu barisan, di dalam Barisan Nasional amnya dan khususnya di dalam UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin menyentuh sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini iaitu saya menyentuh sedikit berhubung dengan kesihatan rakyat. Di dalam keadaan negara sedang membangun hari ini bahawa kesihatan rakyat perlu sekali diambil berat. Kesihatan rakyat ini melalui Kementerian Kesihatan yang saya maksudkan di sini ialah kedudukan kebanyakan

hospital-hospital daerah dan tidak terkecuali hospital di dalam kawasan pilihanraya saya Kota Tinggi.

Kebanyakan hospital-hospital daerah kita hari ini dibangun dan dibuat dalam masa penjajahan sebelum perang dahulu dan menjadikan warisan kepada kita setelah kita merdeka. Tetapi apa yang mendukacitakan kita, di kebanyakan hospital-hospital daerah yang saya perhatikan banyak yang terbiar. Keadaan katilnya dengan keadaan yang lama yang berumur 30 hingga 40 tahun. Dan dengan keadaan kebersihan di tempat itu kerana bangunannya lama maklum sahajalah bangunannya sudah lama tambahan pula kekurangan para pegawai terutama sekali doktor.

Di hospital di dalam kawasan pilihanraya saya umpamanya Kota Tinggi yang sepatutnya kuota yang patut diberi oleh Kementerian Kesihatan ialah 8 orang doktor dan tiga orang doktor gigi. Tetapi sama ada Kementerian Kesihatan sedar hari ini atau tidak, Kalau tidak sedar, saya menyedarkan di dalam Dewan yang mulia ini, 8 orang doktor yang dikuotakan untuk daerah saya, hanya tiga orang sahaja doktor yang tinggal sekarang. Itupun kadang-kadang doktor ini dipindah dan dipinjamkan ke daerah lain. Dan sama ada Kementerian Kesihatan sedar atau tidak sedar, saya hendak menyedarkan di dalam Dewan yang mulia ini. Doktor gigi yang sepatutnya tiga di dalam kawasan saya sekarang, seorangpun sudah tidak ada. Mula-mulanya ada seorang keturunan India, ditarik, hari ini tidak ada langsung.

Jadi saya ingin menarik perhatian terutama Kementerian Kesihatan bahawa pertambahan penduduk tidak dapat kita tahan. Terutama sekali daerah yang membangun yang banyak diadakan rancangan-rancangan FELDA yang mana penambahan penduduk sekali gus kadang-kadang satu hari bertambah 100 kelamin, kadang-kadang satu hari bertambah 200 kelamin bukan dengan proses bersalin seorang setahun, tetapi proses yang ada sekarang proses penghijrahan dan perindahan dari daerah ke daerah. Maka dengan perpindahan dan penghijrahan itu proses penambahan penduduk kadang-kadang satu kawasan itu satu hari bertambah 100 kelamin. Maka di sini dapatlah kita bayangkan betapa sesaknya dan tidak menghairankan

bila saya melawat ke hospital-hospital semacam ini ada pesakit yang menunggu doktor daripada pukul 7.30 pagi sampai pukul 12.00 tengahari belum lagi mendapat rawatan daripada doktor. Saya akan buktikan ini jika pihak Kementerian Kesihatan mahu kenyataan ini. Dan ini berlaku setiap hari. Mereka tidak ada jalan mengadu, mengadu kepada wakil rakyat, mengadu kepada Ahli Dewan Negeri dan bila dibawa kepada Dewan Negeri, Datuk Speaker di Dewan Negeri kata, "Ini Federal matter. Beritahu wakil awak di Parlimen supaya bawa ke Parlimen".

Sekarang saya bawa ke Parlimen. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, hendak suruh saya bawa ke mana pula. Saya harap Tuan Yang di-Pertua, tidak menyuruh saya bawa ke tempat lain. Inilah tempatnya bagi saya menyuarakannya.

Tuan Yang di-Pertua, melalui ucapan saya yang ringkas ini, saya harap pihak Kementerian Kesihatan; khasnya dan Kementerian-kementerian yang lain sekali lagi saya ulangi supaya mengkaji semula Rancangan Malaysia Ketiga; banyak di antaranya yang ketinggalan. Dan bagaimana pula kita hendak menyelesaikan masalah di dalam Rancangan Malaysia Keempat sedangkan Rancangan Malaysia Ketiga masih banyak yang terbengkalai. Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, segala badan-badan pelaksana yang akan menjalankan tugasnya ini pada tahun hadapan terpaksa kita beri tenaga "super" supaya mereka dapat melaksanakan dengan berjaya dan menyenangkan dan memberi kejayaan dan kemewahan kepada rakyat kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Baling.

5.26 ptg.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling):** Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin di dalam perbincangan ini merujuk kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh berbagai-bagai aspek dan memulakan Titah Ucapan beliau dengan mengingatkan Dewan ini kepada dekat delapan puluhan di mana beliau juga merujuk kepada Rancangan Malaysia Ketiga dan permulaan Rancangan Malaysia Keempat pada tahun hadapan.

Apabila kita melihat kepada pelaksanaan Rancangan-rancangan Malaysia sama ada Yang Kedua, ataupun yang Ketiga, bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan ianya telahpun berjalan selama satu dekad, kita dapati bahawa bayang-bayang kegagalan amat ternyata sekali.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya tidaklah bertujuan untuk menerangkan satu persatu mengenai kegagalan Rancangan-rancangan Malaysia yang Kedua dan yang Ketiga bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru itu. Dan hanya saya akan menyentuh salah satu daripada rancangan dan dasar Kerajaan bagi mencapai tujuan tersebut di dalam sektor yang penting yang melibatkan sebahagian besar rakyat negeri ini terutama sekali rakyat di luar bandar dan meningkatkan taraf mereka itu menjadi sebahagian penting daripada Dasar Ekonomi Baru. Walaupun banyak tenaga dan wang ringgit dicurahkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga untuk memajukan sektor pertanian ini tetapi kegagalan usaha tersebut adalah nyata. Kegagalan bukanlah bererti tidak ada langsung kemajuan yang dibuat dalam usaha-usaha tersebut tetapi pencapaian di dalam usaha yang dibuat dan wang awam yang dicurahkan tidak mencapai kadar yang sepatutnya. Sektor pertanian tidak membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan menambahkan pendapatan petani tidaklah mencapai kepada suatu peringkat yang memuaskan.

Sistem pemilikan tanah dan peranan orang-orang tengah masih macam dahulu juga. Pendeknya punca-punca kemiskinan mereka yang asas tidak berubah dan taraf hidup mereka tetap rendah. Sudah tentulah ada kesilapan di dalam perencanaan untuk mengubah keadaan sektor pertanian ini dan pelaksanaannya serta perbelanjaan yang dicurahkan untuk tujuan itu. Petani-petani kita kebanyakannya masih menghadapi masalah pemilikan kawasan tanah yang sempit dan tidak ekonomik dan pencapaian ke arah menyelesaikan perkara ini begitu terbatas sekali.

Bukti yang jelas tentang kegagalan Dasar Ekonomi Baru semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga di bidang

pertanian ini ialah penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar-bandar yang menunjukkan Kerajaan telah gagal sama sekali mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang luas di dalam sektor pertanian. Mengenai perkara ini, saya suka mengemukakan di sini pendapat daripada Professor Ungku Aziz: Saya quote:

“Bahawa memanglah keadaan kampung-kampung sekarang ini berubah tetapi ada pula kampung-kampung yang tidak berubah.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebagai rekod Dewan ini, tolong sebutkan berapa haribulan dan di mana kenyataan itu dibuat.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Ini adalah di dalam suatu interview dengan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak bolehlah quote dan unquote. Kalau hendak quote—quote betul-betul—baca maknanya.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Saya tidak mengambil satu persatu tetapi mengambil ideanya sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah sebut quote. Kalau quote itu maknanya dibaca.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Memanglah keadaan kampung-kampung sekarang ini berubah tetapi ada pula kampung-kampung yang tidak berubah, dan ada pula kampung yang berubah ke arah yang lebih teruk, misalnya, kampung-kampung yang terletak di tepi-tepi sungai di mana penduduk-penduduknya bertambah miskin kerana pencemaran air. Ini bermakna dasar pertanian negara terlibat pula dengan dasar-dasar mengeksploitasikan kekayaan negara, terutama kayu-kayuan di mana akibatnya berlaku hakisan yang mengerikan sungai-sungai yang memburukkan keadaan kampung-kampung.

Tanda kegagalan yang kedua ialah tunjuk-tunjuk perasaan oleh penanam-penanam padi pada 23hb Januari, 1980 yang lalu dan juga tunjuk perasaan pekebun-pekebun kecil dalam tahun 1974. Kedua-dua golongan ini merupakan golongan terbesar yang terlibat di dalam sektor pertanian. Saya merasa

hairan bahawa di dalam melihat kegagalan yang nyata ini Kerajaan masih tidak dapat menentukan suatu dasar pertanian yang jelas dan konkrit. Dasar yang jelas dan konkrit serta comprehensive mengenai berbagai-bagai perkara yang melibatkan pertanian. Ambil misalnya padi sebagai contoh.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa beras merupakan makanan asasi rakyat negeri ini dan juga rakyat di Asia Tenggara dan kerana itu mewujudkan padi atau beras yang mencukupi di dalam menyediakan keperluan ini adalah penting. Menyediakan cukup keperluan beras di dalam negeri ini tidak boleh dilihat dari segi untung dan rugi dalam transaction ekonomi sahaja seperti mana hujah-hujah yang diberi oleh beberapa orang Menteri kepada orangramai termasuk Timbalan Perdana Menteri yang tidak dapat melayani tuntutan-tuntutan petani-petani supaya harga padi dinaikkan kerana takut harga beras akan naik dan menyusahkan rakyat terbanyak padahal Kerajaan melayani tuntutan kompeni-kompeni minyak untuk menaikkan harga minyak dua kali dalam masa setahun tanpa memikirkan kesusahan rakyat terbanyak sedangkan tuntutan kompeni-kompeni itu hanyalah untuk mempertahankan kadar keuntungan mereka. Dari segi yang lain kita dapat menghuaihkan pendapat Kerajaan itu dengan kejadian di mana beras beberapa tahun lalu naik harganya sedangkan harga padi pada waktu itu adalah murah. Tetapi harga beras ini dapat diturunkan sedikit dengan mengwujudkan sistem kawalan yang lebih rapi. Ini bermakna bahawa dengan adanya satu sistem kawalan yang teratur kenaikan harga padi kepada harga yang lebih baik tidaklah boleh menaikkan harga beras ke kadar yang menyulitkan rakyat.

Seperti yang saya katakan tadi hujah ini bukanlah satu-satunya aspek yang mesti dilihat dalam menentukan dasar beras negara. Kita harus melihat dari sudut pentingnya beras itu sebagai makanan asasi rakyat. Sekiranya tuntutan petani-petani ini tidak dilayani dan kehidupan para petani terdesak oleh kekurangan pendapatan dan kenaikan kos pengeluaran mereka berkemungkinan meninggalkan lapangan penanam padi ini untuk mencari pendapatan dari sumber-sumber lain. Ini akan mengakibatkan pengeluaran padi dalam negeri berkurangan

dan usaha untuk mewujudkan makanan yang cukup di dalam menyediakan keperluan asasi ini makin jauh mencapai matlamatnya. Sudah tentu kita akan bergantung kepada negara-negara lain dan pergantungan seperti ini selama-lamanya adalah merbahaya terutama apabila diketahui kawasan Asia Tenggara ini sedang terancam oleh pergolakan politik serantau seperti sekarang. Bagaimanapun kenaikan harga padi untuk menggalakkan petani-petani menambahkan pengeluaran padi hanyalah merupakan tindakan jangka pendek sahaja. Beberapa perkara yang boleh menambahkan pengeluaran mereka hendaklah diusahakan. Pada hakikatnya di peringkat permulaan usaha itu Kerajaan mestilah mempunyai dasar beras negara yang kemas.

Satu panduan dasar pengeluaran padi dan beras yang relevant perlulah dibuat di mana dasar itu dapat menentukan luar kawasan yang akan ditanam dengan padi di masa hadapan dengan diambil kira kesesuaian tanah untuk tujuan itu. Dasar ini perlu juga menentukan tingkatan pengeluaran yang perlu dicapai, pengurusan yang sistematik, penggunaan teknologi yang menguntungkan, penyelidikan yang meliputi dan meluas yang tidak hanya menyelidik benih-benih sahaja kemudian membuat satu upacara yang besar untuk mengumumkan kejayaan penyelidikan menghasilkan benih padi yang baru. Penyelidikan itu juga haruslah melibatkan semua aspek termasuk sistem pembahagian tanah sawah, pengurusan dan susunan perdagangan beras serta peranan orang-orang tengah dan lain-lain aspek yang berkaitan.

Kegagalan bidang pertanian menerusi Dasar Ekonomi Baru juga dapat dilihat secara jelas dari kegagalan menyelesaikan isu pertanian yang penting di kawasan luar bandar, iaitu saiz tanah yang tidak ekonomik, tanah-tanah terbiar, kegagalan rancangan-rancangan pengairan bahkan masalah petani yang tidak mempunyai tanah langsung tidak dapat diselesaikan. Pada puratanya kawasan tanah yang dibangunkan oleh satu-satu keluarga tani adalah 3 sampai 4 ekar tetapi daripada perangkaan yang ada terdapat lebih kurang 1.8 juta ekar tanah yang telah dihakmilikkan. Kegagalan ini bertambah parah dengan adanya perkembangan di zaman Dasar Ekonomi Baru ini petani-petani sengaja atau terpaksa menjual tanah-tanah

mereka. Sebagai misalannya, penjualan tanah-milik berlaku di Johor Barat di mana seluas 23,375 ekar dimiliki oleh 2,475 tuan tanah, iaitu petani-petani telah dipindahmilikkan.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menyebut kejayaan mengeksploitasikan kekayaan negara dan dalam hal ini Seri Paduka Baginda bertitah, "Kita telah mencapai kejayaan yang pesat, hasil usaha Kerajaan dengan sokongan dan penyertaan rakyat, dalam mengeksploitasi punca-punca kekayaan negeri." Tetapi apakah kejayaan itu diukur menerusi Dasar Ekonomi Baru jika sekiranya ukuran yang dibuat dari segi tujuan Dasar Ekonomi Baru? Saya amat merakutkan bahawa usaha-usaha mengeksploitasikan kekayaan negara itu mencapai dan menuju ke arah matlamat dasar tersebut.

Saya ingin bertanya kepada Kerajaan adakah eksploitasi bijih timah, kayu-kayan dan minyak yang dijalankan mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru. Ambillah eksploitasi kayu-kayan di negara ini sebagai contoh. Pertamanya eksploitasi kayu-kayan itu mestilah dijalankan menerusi panduan dasar eksploitasi kayu-kayan yang dapat memberi faedah kepada rakyat dan kejayaan serta membasmi kemiskinan dan juga menuju ke arah menyusun semula masyarakat. Saya nampak usaha-usaha Kerajaan untuk mengeksploitasikan kekayaan kayu-kayan ini lebih merupakan pencerobohan ke atas kekayaan negara sehingga ia lebih membawa keresahan, membawa kesulitan dan kegagalan dari kejayaan. Akibatnya harga kayu-kayan yang diperlukan oleh rakyat melambung tinggi dan yang tentu mendapat keuntungan ialah pengusaha-pengusaha.

Beberapa ketika yang lalu di dalam Dewan ini Wakil dari Maran telah mendedahkan penyelewengan eksploitasi kayu-kayan yang luas di Pahang yang melibatkan pengadaian berpuluh-puluh ribu ekar kawasan balak di negeri itu. Di Sabah pencerobohan ke atas kawasan-kawasan balak ini lebih ketara lagi dan kekayaan negara itu dijadikan milik pemimpin-pemimpin yang berkuasa yang diagih-agihkan sesama sendiri, baik di masa USNO mahupun di zaman BERJAYA. Apa yang terjadi ini bukanlah kejayaan tetapi pencerobohan. Keadaan ini tentulah dapat dihadkan sekiranya Kerajaan mempunyai

dasar dan sistem yang teratur yang menentukan ke mana seharusnya kekayaan negara ini harus pergi dan bagaimana sistem yang betul yang dapat menuju kepada matlamat kejayaan yang sebenarnya, iaitu untuk kepentingan seluruh rakyat yang disalurkan menerusi lunas-lunas keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyetujui tentang Titah Ucapan Baginda yang berkaitan dengan Islam dan juga kemajuan serta kebangkitan Islam. Di dalam hubungan ini Seri Paduka Baginda bertitah, "Beta ingin mengingatkan segolongan rakyat Beta yang beragama Islam bahawa keutuhan agama itu tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara. Kejatuhan beberapa negara Islam adalah disebabkan perpecahan, kelemahan dan kemunduran mereka." Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini yang melambangkan pandangan dan dasar Kerajaan telah mempertanggungjawabkan kejatuhan dan kemunduran yang berlaku di dalam negara-negara Islam itu kepada segolongan rakyat sahaja. Kita dapati bahawa golongan-golongan rakyat yang mempunyai kesedaran Islam menentang perencanaan-perencanaan kemajuan yang dilaksanakan menerusi dasar-dasar sekularisma dan dasar-dasar materialisma yang menjadikan keburukan itu sebagai tujuan hidup yang pokok dan yang penting. Bagi mereka jika sekiranya kehidupan ini diarahkan kepada matlamat kemajuan kebendaan semata-mata ia bukanlah menjadi unsur kekuatan tetapi ia akan menjadi unsur keruntuhan dan kelemahan kepada negara dan masyarakat tersebut. Ini bermakna bahawa penentangan mereka itu terhadap rancangan-rancangan Kerajaan yang didasarkan kepada faham-faham materialisma dan sekularisma bukan bererti bahawa mereka membangkang setiap kemajuan material dan usaha mengeksploitasikan nikmat-nikmat Allah yang ada di dalam negara tersebut demi kepentingan kehidupan masyarakat itu. Tujuan daripada kemajuan yang dikehendaki sebenarnya oleh golongan-golongan Islam yang hendak menegakkan dasar-dasar Islam di dalam negara ialah untuk mewujudkan suatu kemajuan yang bebas daripada kezaliman dan penindasan bahkan ekonomi dan juga pembahagian kekayaan negara hendaklah didasarkan kepada keadilan dan kurniaan-kurniaan Allah (s.w.t.) ini tidak seharusnya menjadi punca untuk menindas dan melakukan kezaliman ke atas rakyat dan kerana itulah Islam misalnya menentukan bahawa kekayaan di dalam

negara itu tidak seharusnya beredar di sekitar orang-orang kaya sahaja sepertimana terdapat di dalam Al-Quran, dengan izin: "likaila takuna dulatami bainal abnia min-kum", "Supaya tidaklah kekayaan negara itu hanya beredar di sekitar orang-orang kaya sahaja di antara kamu."

Bagaimanapun kemajuan material ini bukanlah satu-satunya kekuatan yang dapat mempertahankan negara. Banyak sekali pemimpin-pemimpin Kerajaan mengingatkan tentang perkara ini dan selalu merujuk kepada apa yang berlaku di Afghanistan sebagai panduan kepada negara kita untuk menjaga keselamatan kita dan apa yang mereka timbulkan dan apa yang mereka hujahkan kejatuhan itu semata-mata kerana adanya tentangan-tentangan ulamak terhadap rancangan-rancangan kemajuan yang materialistik yang berdasarkan kepada fahaman sekularisma dan materialisma, tetapi mereka tidak sedar bahawa kejatuhan di Afghanistan itu walaupun umat Afghanistan itu merupakan golongan yang kuat mengamalkan ajaran Islam mereka lupa bahawa punca pencerobohan Soviet Union ke atas Afghanistan itu adalah berpunca daripada pemimpin-pemimpin mereka sendiri. Dan saya sukalah mengingatkan Kerajaan tentang perkara ini dan janganlah cuba hanya hendak memberi nasihat kepada rakyat supaya teguh dan kukuh padahal di dalam negara-negara Islam kejatuhan yang utama ialah kerana pemimpin-pemimpin itu sendiri dan pemimpin-pemimpin itu sendiri mempunyai fahaman-fahaman yang berlainan dengan ke-taatan rakyat kepada agama mereka. Kejatuhan negara Islam di Afghanistan adalah kerana pemimpin-pemimpin mereka sanggup menjadi boneka kepada penjajahan dan kerana itulah maka dengan senang dan mudah sahaja negara itu ditawan tetapi akibat daripada perbuatan pimpinan ini menimbulkan kesulitan yang besar kepada rakyat dan sekarang ini rakyat sendirilah yang tampil ke hadapan untuk menebus kembali dan untuk menolak pencerobohan Soviet Union itu.

Kelemahan di dalam masyarakat juga adalah disebabkan oleh kezaliman pemerintah atau pemimpin-pemimpin itu dan menjadikan rakyat sebagai musuh terutamanya mereka yang tidak sebulu dan bersependapat dengan mereka. Di dalam negara ini punca-punca kelemahan itu, dalam soal sikap pimpinan saya rasa ada dan siapa pun tidak dapat menyembunyikan tindakan Kerajaan Barisan

Nasional sekarang ini yang menindas kegiatan-kegiatan Islam, kegiatan-kegiatan dakwah. Di hadapan kita sekarang ini ada Timbalan Menteri Pelajaran. Menteri Pelajaran telah mengenakan sekatan-sekatan yang tidak munasabah kepada kegiatan-kegiatan pelajar Islam di Universiti di dalam merencana atau menjalankan kegiatan-kegiatan Islam di sana.

Pada masa dahulu sebelum orang mempersoalkan tentang kebangkitan Islam, memperkatakan tentang kebangkitan Islam ini terdapat kegiatan-kegiatan sosialisma, terdapat kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan cara hidup rakyat ini tetapi tidak terdapat sekatan-sekatan sepertimana yang ada sekarang ini bahkan hasrat pelajar-pelajar untuk meninggikan atau untuk menguatkan semangat keislaman mereka itu dan menyatakan sokongan mereka kepada perjuangan umat Afghanistan telah ditahan, disekat oleh Kerajaan.

Kerajaan boleh berkata bahawa pelajar-pelajar tersebut telah menyalahgunakan kebebasan untuk memperkatakan tentang agama dan ini memanglah istilah-istilah yang selalu diberikan, yang selalu dibuat-buat untuk menyekat kebebasan berfikir dan Kerajaan kalau sekiranya untuk menuju kepada jalan yang betul jalan yang benar mestilah juga sanggup menerima orang berkata "tidak", jangan sahaja sanggup orang berkata "ya, ya" mengaku begitu sahaja. Kalau siapa yang kata tidak, siapa yang mengkritik, siapa yang membangkang, itu dianggap sebagai anti nasional. Kalau begini keadaan dan sikap Kerajaan maka negara ini akan hancur dan membawa kepada suatu sistem yang zalim dan saya berani menyatakan bahawa keadaan seperti itu adalah berlaku terutamanya dirasakan oleh gerakan-gerakan Islam yang tidak mempunyai pandangan yang sama dengan Kerajaan.

Seri Paduka Baginda juga menimbulkan masalah pentafsiran Islam dalam hal ini sebagai alasan untuk mengenakan sekatan-sekatan kepada beberapa gerakan Islam, maka pandangan Kerajaan walaupun dahulunya Kerajaan mengatakan kebangkitan Islam ini sebagai membahayakan dan melebelkan kegiatan-kegiatan Islam ini dengan dakwah songsang, anti nasional dan sebagainya tetapi oleh kerana Kerajaan sudah menyedari sekarang ini bahawa kebangkitan Islam itu tidak dapat lagi disekat-sekat maka terpaksa mengikut trend itu.

Di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda sekarang ini memuji pula, menyambutnya pula kebangkitan dan kesedaran Islam itu tetapi hendak menyekatnya lagi dengan menekankan masalah pentafsiran itu benar dan salahnya.

Saya bukanlah tidak bersetuju Kerajaan menekankan masalah pentafsiran ini tetapi janganlah menjadikan pentafsiran itu sebagai alasan untuk mengelirukan dan oleh itu Kerajaan mestilah menentukan apakah tafsiran yang betul itu terhadap agama Islam ini. Jangan mengatakan bahawa pentafsiran itu tidak betul tetapi tidak menentukan apakah yang betulnya dan apakah yang tidaknya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pentafsiran ini sudah tentu di sana terdapat panduan-panduan yang tertentu di dalam Islam itu sendiri dan Kerajaan sengaja menimbulkan perkara ini untuk mengelirukan lagi dan kita bertanya sekarang ini jika sekiranya Kerajaan mempersoalkan pentafsiran-pentafsiran tentang Islam dan ada kalangan-kalangan daripada ulamak Kerajaan yang disukai oleh Kerajaan menyatakan bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan ini sudah 90% Islam, bahkan Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa negeri ini adalah sebuah negeri Islam bukan negeri orang Islam, tetapi negeri Islam yang menjalankan hukum-hukum Islam dan apa yang kita buat ini adalah menurut dasar-dasar Islam.

Apakah dasar pentafsiran yang digunakan oleh Timbalan Perdana Menteri di dalam menentukan bahawa rancangan-rancangan ekonomi Kerajaan adalah berasaskan kepada Islam. Adakah kita boleh mengatakan oleh kerana Islam juga hendak kemajuan maka Kerajaan membuat kemajuan, oleh itu sama. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan itu sudah Islamic tanpa memperkatakan tentang bagaimana caranya kemajuan ekonomi itu dilaksanakan, bagaimana sistem yang dipakai, apakah matlamat daripada ekonomi Islam itu tidak dikatakan hanya dinyatakan secara umum untuk menarik sokongan dan untuk melunakkan tentangan-tentangan terhadap dasar-dasar Kerajaan yang tidak Islamic itu. Timbalan Perdana Menteri boleh berkata bahawa Barisan Nasional berpegang teguh kepada ajaran Islam, tetapi untuk orang mempercayai kenyataan itu perlulah kepada dalil dan bukit sepertimana kata Rasulullah s.a.w.; keimanan bukan dengan cita-cita dan perhiasan tetapi ialah apa yang tersemat di

hati dan dibenarkan oleh perbuatan. Perbuatan inilah yang menjelaskan hakikat sebenarnya oleh kerana bahasa keadaan itu lebih fasih lagi daripada bahasa lisan dan bahasa pertuturan.

Apakah pendirian Timbalan Perdana Menteri dalam "The Malay Dilemma" misalnya membuktikan pandangan dan pentafsiran yang sebenarnya mengenai Islam? Dan apakah fahaman terhadap Islam dan pentafsiran terhadap Islam itu sebagai benar sebagaimana yang terdapat di dalam gagasan Revolusi Mental yang dianjurkan oleh UMNO? Dan apakah ini sebagai landasan-landasan sebagai asas-asas untuk menentukan pentafsiran yang betul terhadap ajaran-ajaran Islam? Dan tidakkah memadai hanya apabila kita hendak mentafsirkan Islam itu kita merujuk kepada kehendak-kehendak yang telah ditentukan oleh Islam itu sendiri bahawa Islam itu dinyatakan dasar-dasarnya di dalam Alquran dan mana-mana yang terdapat di dalam Alquran itu yang tidak jelas ditafsirkan pula oleh Sunnah Rasulullah s.a.w. dan mana-mana yang tidak jelas kepada kita tentang fahaman, tentang maknanya di dalam Sunnah itu ditafsirkan pula oleh ulama-ulama yang mendasarkan pendapat dan fikiran mereka kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Alquran dan Sunnah. Tidakkah memadai dengan pentafsiran itu yang akan menjadi landasan daripada pentafsiran dan mengapakah masalah pentafsiran ini sengaja ditimbul-timbulkan seolah-olahnya Islam tidak mempunyai suatu dasar di dalam mentafsirkan pengertian-pengertian yang terkandung di dalam Alquran dan Sunnah itu?

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan di dalam negara itu juga adalah disebabkan kezaliman-kezaliman yang berlaku di dalam masyarakat itu dan penyalahgunaan kuasa yang dibuat oleh para pemimpin yang diberi amanah untuk menjalankan keadilan di dalam negara tersebut. Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dahulunya ditetapkan untuk menghadapi musuh-musuh negara yang ditentukan iaitu komunis dan gerakan-gerakan subversif komunis sepertimana yang dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri waktu itu, tujuannya semata-mata untuk menghadapi musuh negara tersebut. Tetapi sekarang ini sepertimana yang dibangkitkan oleh wakil dari Petaling semalam, tunjuk perasaanpun dihadapi dengan Akta Keselamatan Dalam

Negeri dan ini merupakan suatu penyalahgunaan kuasa yang berterangan. Dan di dalam tunjuk perasaan petani-petani, kita lihat bagaimana sandiwara politik dimainkan dengan begitu rupa dan dijadikan ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) itu sebagai pengarah untuk melakukan penyalahgunaan kuasa itu. Kita dapati di dalam kenyataan-kenyataan yang ada di dalam apa yang sedang berlaku kita dapati bahawa seolah-olah suatu perencanaan dibuat untuk membolehkan Kerajaan bertindak menentang parti-parti Pembangkang menerusi penyalahgunaan kuasa ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab kelemahan yang lain ialah berkaitan dengan sistem dalam masyarakat itu iaitu apabila masyarakat itu mempunyai sistem yang mengekalkan pertentangan-pertentangan dan konflik di dalam masyarakat dan keadaan ini berterusan dengan adanya approach-approach chauvinism di dalam menyelesaikan masalah negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi, Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menenteh tentang apa yang disentuh oleh wakil dari Petaling semalam mengenai wujudnya ketidak-toleransi di antara agama yang menyebabkan timbul pertentangan-pertentangan yang boleh mencetuskan kekacauan di dalam negara ini. Sebenarnya di kalangan orang-orang Islam, masalah tidak toleransi itu tidaklah timbul sama sekali kerana dari dahulu sehingga sekarang orang-orang Islam sentiasa bersikap demikian, tetapi apa yang berlaku di akhir-akhir ini yang telah disentuh oleh wakil Petaling ia adalah merupakan cetusan daripada sistem yang ada sekarang ini dan kelemahan-kelemahan, kepincangan-kepincangan di dalam undang-undang yang menyebabkan orang-orang Islam merasakan bahawa mereka tidak dilayani secara adil. Di antara mereka mengambil tindakan-tindakan sendiri akibat daripada penekanan perasaan mereka tersebut.

Kita dapati bahawa rumah-rumah ibadat boleh sahaja didirikan dengan bebas di mana-mana sahaja sehingga di tepi-tepi jalan, di tanah-tanah Kerajaan dan kadang-kadang pembinaan rumah-rumah ibadat ini di tanah-tanah Kerajaan itu dijadikan pula sebagai

satu alasan untuk menuntut gantirugi sedangkan pembinaan masjid dikawal dan orang-orang yang membina masjid dengan tidak mendapat kebenaran dihukum dan salah dari segi undang-undang. Sudah tentulah di dalam keadaan ini di mana orang-orang Islam di negara ini telah menduduki negara ini lama sebelum kedatangan golongan-golongan imigran merasakan bahawa dari segi amalan keagamaan dan pembinaan rumah ibadat itu seolah-olah mereka dilayani secara tidak adil. Dan dengan demikian oleh kerana adanya segolongan daripada orang-orang bukan Islam sendiri yang menjadikan pembinaan rumah-rumah ibadat itu sebagai satu alat untuk mendapat gantirugi misalnya dibina di tepi-tepi jalan dengan tidak ada kawalan, maka ini menimbulkan satu keadaan tidak puas hati yang menyebabkan setengah-setengah daripada mereka mengambil tindakan-tindakan yang di luar daripada undang-undang. Maka sistem yang demikian perlulah diubah dan mestilah ada kawalan-kawalan tertentu ke atas rumah-rumah ibadat orang-orang bukan Islam ini sehingga terdapat persamaan dan diatur secara yang tersusun bukannya dibiarkan bebas sehingga menimbulkan kecurigaan, kecemasan kepada orang-orang Islam. Begitu juga misalnya kalau saya sebutkan di sini undang-undang di mana orang-orang Islam dan bukan Islam yang melakukan perbuatan berkhawat misalnya orang-orang Islam sahaja yang dihukum, tetapi orang-orang bukan Islam dibebaskan padahal berzina dan perbuatan seperti ini dilarang oleh semua agama. Saya bukanlah hendak mempertahankan golongan-golongan yang berkhawat ini supaya mereka juga jangan dihukum, tetapi kita lihat bagaimana keadaan ini menimbulkan suatu perasaan di mana keadilan itu dipermain-mainkan begitu rupa, sudahlah hukum-hukum yang sebenarnya yang patut dikenakan kepada orang-orang yang berzina ini tidak dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh di sini tentang soal inflasi dan Kerajaan meminta orang ramai supaya berjimat cermat. Saya rasa orang-orang miskin sudah cukup berjimat cermat bahkan mereka tidak perlu lagi berjimat cermat kerana pendapatan mereka sebenarnya tidak mencukupi untuk mendapatkan dan memenuhi keperluan-keperluan jasmani mereka. Suatu penyiasatan yang dilakukan oleh Universiti Pertanian di kawasan Sri

Gading menunjukkan bahawa penduduk-penduduk di sana tidak mempunyai cukup kalori yang digunakan untuk keperluan tubuh badan mereka. Kalau sekiranya golongan miskin ini diminta lagi supaya berjimat, saya rasa ini suatu rancangan untuk membunuh mereka, bukannya rancangan untuk mengatasi inflasi. Oleh itu maka berjimat cermat yang sebenarnya haruslah ditujukan terutamanya kepada Kerajaan sendiri bahkan Kerajaan itu mesti menunjukkan contohnya bagi mengatasi masalah inflasi, mereka hendaklah berjimat cermat.

Saya mengambil contoh bagaimana Kerajaan membazir semata-mata kerana tujuan politik, penukaran guru-guru misalnya. Penukaran itu kadang-kadang tidak perlu di mana guru-guru di Kedah, saya masih ingat lagi Laporan Aziz membuat satu recommendation supaya guru-guru itu ditempatkan di negeri masing-masing. Tetapi apa yang berlaku selepas itu ialah orang-orang Kedah yang mengajar di Kedah ditukarkan ke Johor kerana UMNO tidak senang dengan kegiatannya. Walaupun Timbalan Menteri Pelajaran menggeleng kepala tetapi siapa pun di Kedah tahu bahawa dalam masalah penukaran guru ini mereka menanti firman daripada Wisma Negeri, mereka menanti dahulu apakah kata Menteri Besar di negeri berkenaan barangkali Timbalan Menteri tidak tahu, tetapi orang-orang di Kedah tahu perkara ini. Kalau dia tidak tahu memang dahsyat jugalah perkara ini tidak diketahui. Jadi penukaran ini melibatkan tuntutan-tuntutan kewangan yang begitu banyak dan ini merupakan salah satu daripada pembaziran Kerajaan.

Yang kedua, Menteri-menteri harus juga menjadi contoh kepada usaha-usaha berjimat cermat ini. Sekarang ini para Menteri kita menghantar anak-anak mereka di peringkat sekolah rendah lagi, di peringkat sekolah menengah keluar negeri yang mana melibatkan kewangan yang banyak dan juga melibatkan tukaran wang luar negeri terutama apabila kenaikan yuran pelajaran di United Kingdom, maka Menteri-menteri perlulah menunjukkan contoh kepada rakyat bahkan merekalah sepatutnya berjimat cermat supaya anak-anak mereka itu belajar di dalam negeri di bawah naungan sistem pelajaran yang dicipta oleh fikiran mereka sendiri. Dan mereka tentulah tahu bagaimana dan apakah corak anak-anak mereka yang mereka kehendaki bukan dibiarkan corak anak yang mereka kehendaki itu manusia yang lahir

daripada jenerasi muda ini dirancang dan diatur dari luar negeri, diatur oleh bekas penjajah negara ini sendiri iaitu orang-orang Inggeris . . . . .

**Tuan Alias bin Md. Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat!

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sedikit . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya yang beri jalan, hendak apa?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya hendak bertanya pihak Ahli Yang Berhormat itu sama ada dia sedar hadis Nabi yang bermaksud . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar! Duduk dahulu, kalau seorang Ahli sedang bercakap, seorang Ahli yang lain boleh mengganggu di bawah Peraturan Mesyuarat 37 dan ada pecahan (a) dan (b). Kalau perkara tatatertib on point of order, saya terus suruh Ahli yang sedang bercakap itu duduk. Tetapi kalau hendak penjelasan, jadi saya tanya dahulu kepada Ahli Yang Berhormat yang sedang bercakap itu sama ada dia beri jalan atau tidak. Jadi saya hendak tahu sekarang mengapa Yang Berhormat berdiri?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan boleh beri jalan Yang Berhormat dari Baling?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Boleh.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat itu sama ada beliau sedar bahawa ada satu hadis yang bermaksud tuntutan ilmu itu walau ke negeri China sekali pun. Jadi apakah salahnya pihak Menteri-menteri kita menghantar anak-anak mereka keluar negeri walaupun ke England ataupun ke mana dan ini pada pendapat saya tidak bertentangan dengan maksud hadis tadi.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Pertama, saya ingin menjelaskan bahawa itu bukan hadis, itu kata-kata hukama sahaja.

Kedua, walaupun dari segi maknanya betul dan tidak bertentangan dengan Islam sudah tentulah apabila ia menyeru supaya berjimat cermat pemimpin itulah perlu menjadi contohnya dan mereka boleh menyambung pelajaran untuk sesuatu ilmu yang tidak terdapat dalam negeri ini. Ini pendidikan di peringkat awal pun dihantar ke sana dan itulah maksud saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Ya. Demikian juga dalam usaha jimat cermat ini Kerajaan mestilah memberhentikan pelaksanaan rancangan dan rancangan yang sudah berjalan apa boleh buat, tetapi rancangan-rancangan yang membazir dan terdapat rancangan-rancangan terutamanya dalam menghadapi petani-petani di luar bandar kita dapati bahawa misalnya membina ampangan-ampangan yang tidak dibuat secara teliti kononnya untuk memodenkan sektor pertanian itu. Kalau dahulunya sebelum rancangan itu dibuat petani-petani mendapat air menerusi cara tradisional, air dapat dimasukkan ke dalam sawah-sawah mereka, kononnya oleh kerana Kerajaan hendak memodenkan sistem pertanian mereka, Kerajaan menggantikan ampangan yang moden. Walaupun moden tetapi air tidak naik; air tidak masuk ke dalam sawah mereka. Ini berlaku di dalam kawasan saya di dalam beberapa projek pertanian. Ada satu projek ampangan ini sudah tidak naik air lalu dipakai enjin pula untuk menarik air. Itupun tidak berjaya juga dan sekarang ini sudah 5 tahun orang kampung di kawasan tersebut tidak dapat mengerjakan sawah mereka kerana kononnya mereka menginginkan moden tetapi kemodenan yang seperti ini bukanlah suatu yang dikehendaki. Yang sebenarnya rencana ini adalah kerana tidak dibuat kajian yang teliti mengenainya.

Di dalam mengatasi inflasi ini, saya suka menarik perhatian kepada masalah penggunaan tenaga dan menjimatkan penggunaan tenaga terutamanya minyak di dalam usaha Kerajaan untuk memberi bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk di luar bandar di mana sekarang ini enjin yang digunakan. Saya berpendapat bahawa di dalam negara kita ini terdapat potensi-potensi tenaga boleh menjimatkan penggunaan minyak di dalam rancangan menyediakan kemudahan tenaga elektrik kepada penduduk-penduduk di luar

bandar, iaitu terdapatnya sungai-sungai terutama di kawasan sepertimana di daerah Baling dan daerah-daerah lain seperti di Sik, Kedah terdapat sungai-sungai yang mana Kerajaan boleh mendirikan mini-hidro bagi tujuan menyediakan kuasa elektrik kepada kampung-kampung yang berkenaan. Ini sudah tentulah akan dapat menjimatkan penggunaan tenaga minyak dan boleh menolong penduduk-penduduk luar bandar kerana dengan penggunaan minyak mungkin harga minyak akan naik dan tarif pembayaran akan naik tetapi dengan menjalankan rancangan mini-hidro ini maka Kerajaan akan dapat menolong penduduk-penduduk luar bandar supaya tidak terlibat dengan kenaikan harga minyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menarik perhatian Dewan ini kepada tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional ke atas PAS dan mengaitkan demonstrasi petani-petani dengan kegiatan PAS. Tuduhan-tuduhan seperti ini walaupun bukan asing kepada PAS dan PAS sentiasa terdedah kepada tuduhan-tuduhan dan fitnah-fitnah di dalam usahanya untuk mencapai cita-cita bagi mewujudkan masyarakat yang adil di dalam negara ini.

Wakil dari Panti misalnya seolah-olah membuat gambaran bahawa perpecahan yang berlaku di kalangan masyarakat Islam ini adalah kerana kegiatan PAS dan beliau terlambat mengajak PAS masuk semula ke dalam Barisan Nasional padahal pemerhati-pemerhati politik dan perubahan-perubahan yang berlaku telah menyedarkan PAS bahawa dengan kemasukan ke dalam Barisan Nasional itu telah menyekat kemajuan-kemajuan yang dicapainya. Bagaimanapun kesedaran Islam yang tidak dapat lagi disekat oleh UMNO yang pada mulanya menolak kesedaran itu dan memomok-momokkannya maka mereka sedar . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar! Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (b), kalau Ahli Yang Berhormat itu memberi jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Baling memberi jalan.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Sebentar tadi Yang Berhormat dari Baling mengatakan UMNO telah menolak kebangkitan Islam. Saya ingin bertanya kalau dapat beliau berikan bukti-bukti di manakah terdapat kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa perkara ini adalah benar.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdasarkan pendapat saya itu kepada kenyataan-kenyataan yang selalu ditimbulkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO sendiri yang meletakkan atau menimbulkan momok-momok terhadap gerakan-gerakan Dakwah dan menimbulkan istilah-istilah yang boleh meragukan gerakan-gerakan Dakwah tersebut. Bahkan, Tuan Yang di-Pertua, terdapat tuduhan-tuduhan di dalam peristiwa demonstrasi di Alor Setar, tuduhan-tuduhan menyatakan bahawa PAS telah mewujudkan suatu pertubuhan iaitu Pertubuhan Angkatan Sabilullah untuk menimbulkan kekacauan dan saya ingin menegaskan di sini bahawa Pertubuhan Angkatan Sabilullah bukanlah ada kena mengena dengan Partai Islam Se Malaysia baik dari segi pertubuhannya, pentadbirannya dan cara memperjuangkan tujuan masing-masing, bahkan PAS menolak kenyataan bahawa Pertubuhan Angkatan Sabilullah itu sebuah pertubuhan sulit kerana wujudnya pertubuhan itu telah diketahui umum di Kedah. Kedudukannya samalah seperti pertubuhan-pertubuhan seni silat yang banyak terdapat dalam negeri. Pertubuhan ini tidak sahaja dianggotai oleh ahli-ahli PAS.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak apa lagi?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (b) sekali lagi, kalau Yang Berhormat beri jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampak dia duduk bermakna dia beri jalan.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Di bahagian yang pertama Yang Berhormat tersebut mengatakan Pertubuhan Angkatan Sabilullah ini adalah haram dan di bahagian kedua beliau mengatakan samalah dengan pertubuhan-pertubuhan seni silat di seluruh negara.

Saya ingin bertanya adakah beliau menganggap bahawa pertubuhan-pertubuhan seni silat yang wujud di negara kita hari ini adalah juga haram?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Tanah Merah itu tidur kerana saya tidak menyebutkan sama ada halal atau haram. Saya menyatakan bahawa Pertubuhan Angkatan Sabilullah itu tidak kena mengena dengan Partai Islam Se Malaysia, sama ada dia haram atau halal bukan masalah saya tetapi kedudukannya cuma saya katakan bahawa

samalah seperti wujudnya seni silat bahkan ada terdapat kumpulan-kumpulan tariqat misalnya yang tidak didaftarkan yang terdapat kumpulan-kumpulannya dan pertubuhan ini tidak sahaja dianggotai oleh ahli-ahli PAS bahkan dianggotai juga oleh ahli-ahli UMNO.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa telah cukup. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Khamis, 20hb Mac, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*